

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar belakang

Bahasa Sepanyol ialah bahasa rasmi bagi dua puluh satu buah negara di Eropah, Amerika Utara, Amerika Tengah, Amerika Selatan dan Afrika. Negara-negara tersebut ialah Sepanyol di Eropah; Mexico di Amerika Utara; Costa Rica, Cuba, El Salvador, Guatemala, Honduras, Nicaragua, Panama, Puerto Rico, Republik Dominica di Amerika Tengah; Argentina, Bolivia, Chile, Colombia, Peru, Paraguay, Uruguay, Venezuela di Amerika Selatan dan Republik Guinea Ecuatorial di Afrika. Ia juga dituturkan dengan sangat meluas dan mempunyai status khas di Amerika Syarikat, Brazil, Andorra, Filipina¹, Trinidad dan Tobago, Belize, Gibraltar dan Maghribi. Bahasa Indo-eropah ini ialah bahasa ketiga di dunia dengan jumlah penutur ibunda paling ramai iaitu lebih 350 juta penutur, di belakang bahasa Mandarin dan Hindi. Ia juga diiktiraf bahasa antarabangsa kedua terbesar selepas bahasa Inggeris. Menurut Instituto Cervantes (2007:476), badan milik kerajaan Sepanyol yang bertanggungjawab merancang dan menyelia perkembangan bahasa Sepanyol di seluruh dunia, melalui laporan tahunannya “Enciclopedia del español en el mundo: Anuario del Instituto Cervantes 2006-2007”, terdapat lebih 350 juta penutur ibunda bahasa Sepanyol di seluruh dunia dan terdapat 11 juta pelajar yang sedang mempelajari bahasa tersebut di seluruh dunia dengan 2,683 daripadanya ialah para pelajar di Malaysia.

¹ Bahasa Sepanyol pernah menjadi bahasa rasmi sehingga ditamatkan pada tahun 1987 sewaktu pemerintahan Presiden Corazón Aquino, kemudian diumumkan semula oleh Presiden Gloria Macapagal Arroyo sebagai bahasa penting dalam pendidikan bermula tahun 2009.

1.2 Pernyataan Masalah

Bahasa Sepanyol, sebagaimana bahasa-bahasa antarabangsa yang lain, sudah pasti menunjukkan perbezaan-perbezaan antara negara-negara yang menuturkannya dalam aspek penggunaan kata dan semantik. Sepanyol dan Argentina yang dipisahkan oleh Lautan Atlantik pada jarak lebih kurang 9,500 km pada umumnya masih merujuk kepada institusi yang sama bagi isu-isu bahasa dan kesusasteraan. Real Academia Española (RAE) ataupun dalam bahasa Melayunya Akademi Diraja Sepanyol ialah badan kerajaan Sepanyol yang bertanggungjawab dalam mengawal bahasa Sepanyol dan bolehlah dianggap homolog Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Malaysia yang bertanggungjawab dalam pengawalan bahasa Melayu. Bahasa Sepanyol juga dianggap antara bahasa antarabangsa yang paling bersatu dan seragam, dengan semua ejaan dan *conjugation (i'rab)* adalah seragam. Tidak seperti perbezaan bahasa Inggeris Britain dengan Amerika Syarikat yang mempunyai bukan sahaja perbezaan leksikal dalam hampir setiap aspek malah ejaan perkataan seperti *travelling*(GBR), *traveling*(AS), *colour*(GBR), *color*(AS) dan lain-lain juga berbeza. Kes yang sama dapat dilihat dalam bahasa Portugis di Portugal (BPP) dan Brazil (BPB). Barreiro et al. (1995) memberikan contoh-contoh seperti berikut dalam menerangkan perbezaan ortografi antara BPP dengan BPB.

Rajah 1.0 Kawasan Geografi Bahasa Portugis



Seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1.0², negara-negara yang menuturkan bahasa Portugis sebagai bahasa rasmi ialah Brazil, Portugal, Cape Verde, São Tomé e Príncipe, Angola, Mozambique, Guiné-Bissau dan Timor Timur. Negara-negara tersebut membentuk satu persatuan yang dikenali sebagai CPLP (*Comunidade de Países de Língua Portuguesa*: Komuniti Negara Bahasa Portugis) . Negara-negara pemerhati pula ialah Senegal dan Mauritius.

Kajian Barreiro et al (1995) juga dipilih sebagai panduan untuk perbezaan yang mungkin wujud antara Bahasa Bola Sepak Sepanyol di Sepanyol (BBSS) dengan Bahasa Bola Sepak Sepanyol Argentina (BBSA) ekoran aras kesamaan yang amat tinggi antara bahasa Sepanyol dan bahasa Portugis yang berasal daripada bahasa Latin yang berevolusi mengikut rencah Semenanjung Iberia, tempat letaknya negara Sepanyol dan Portugal. Fakta yang Portugal hanya wujud selepas kejatuhan Pemerintahan Islam-Arab di hampir keseluruhan Iberia selama hampir 800 tahun menambahkan lagi betapa relevannya perbandingan kedua-dua bahasa abang-adik tersebut.

² Sumber: <http://www.cplp.org>, portal rasmi CPLP.

Sebagai contoh, perbezaan keutamaan:

Jadual 1.0 Perbezaan keutamaan dalam bahasa Portugis

| BPP | BPB | Glos |
|--------------|-----------|--------------------------------------|
| segredo | Solitaria | <i>keadaan berseorangan, privasi</i> |
| alfarrabista | Sebo | <i>kedai buku</i> |

Dalam perkataan bahasa Portugis Portugal (BPP) *segredo* menjadi pilihan dan lebih kerap digunakan walaupun *solitaria* juga wujud. Dalam pemilihan perkataan bahasa Portugis Brazil *sebo* menjadi pilihan dan lebih kerap digunakan walaupun *alfarrabista* juga wujud.

Oleh itu, adalah amat menarik membincangkan perbezaan leksikal bagi sebuah bahasa antarabangsa yang amat seragam seperti bahasa Sepanyol. Jika DBP hanya berkuasa di Malaysia sahaja, RAE pula diiktiraf di seluruh “Mundo Hispano” iaitu semua negara yang mengangkat bahasa Sepanyol sebagai bahasa rasmi dan juga negara-negara tempat bahasa Sepanyol dituturkan. Huraian mengenai bahasa Sepanyol dan peta kawasan geografinya akan dimuatkan dalam Bab 4.

Walau bagaimanapun, pengaruh-pengaruh bahasa lain seperti bahasa Itali, Inggeris dan bahasa-bahasa pribumi mungkin juga memainkan peranan penting dalam pembentukan istilah dan penggunaan kata bagi bahasa Sepanyol Argentina. Bahasa-bahasa Eropah tersebut tiba ke Argentina seiring dengan penghijrahan beramai-ramai bangsa-bangsa Eropah ke “Dunia Baru” pada awal kurun ke-19.

Kajian ini akan mengkaji dan mengenal pasti perbezaan-perbezaan leksikal dan semantik dalam berita bola sepak serta memberikan ulasan mengenai perbezaan-perbezaan tersebut daripada aspek demografi dan geografi.

1.3 Objektif Kajian

Merujuk permasalahan yang dibincangkan dalam segmen di atas, kajian ini akan menumpukan kepada perkara-perkara berikut:

- a) Mengenal pasti perbezaan-perbezaan leksikal dalam berita bola sepak antara media internet Sepanyol dengan Argentina
- b) Menghuraikan perbezaan-perbezaan tersebut daripada aspek leksikal dan semantik
- c) Menganalisis punca-punca perbezaan leksikal dan semantik tersebut

1.4 Soalan Penyelidikan

Berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dalam bahagian 1.2 dan juga mempertimbangkan permasalahan dalam bahagian 1.1, soalan-soalan berikut disediakan sebagai panduan dalam menjalankan penyelidikan:

- a) Apakah perbezaan-perbezaan penggunaan perkataan dalam berita bola sepak di antara media internet Sepanyol dengan Argentina?
- b) Bagaimanakah ia berbeza daripada aspek leksikal dan semantik?
- c) Apakah punca-punca perbezaan leksikal dan semantik tersebut?

1.5 Kepentingan Kajian

Ibrahim Ahmad (2006) merumuskan yang kefahaman menyaling antara bahasa Melayu Malaysia dengan Bahasa Indonesia ialah pada kadar 84%. Kajian ini walaupun tidak menjurus kepada kiraan sedemikian namun sudah pastilah ia mampu memberi petunjuk mengenai tahap kefahaman menyaling antara BBSS dengan BBSA, sekurang-kurangnya pada tahap leksikal bahasa bola sepak. Perbandingan akan menjadi semakin menarik kerana di sebalik keseragaman istilah-istilah rasmi bola sepak yang digunakan oleh Persekutuan Bola Sepak Dunia (FIFA), fitrah manusia yang sukakan

perbezaan dan identiti sendiri tetap menjadikan bahasa itu bervariasi. Kepentingan-kepentingan bagi kajian ini ialah:

- a) Mengetahui perbezaan leksikal dalam berita bola sepak antara media internet Sepanyol dengan Argentina
- b) Memberi input awal untuk kajian perbezaan leksikal dan semantik yang lebih mendalam bagi kedua-dua negara tersebut.
- c) Memberi input awal untuk kajian perbezaan gaya bahasa bagi kedua-dua negara tersebut.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan mengkaji mengenai berita bola sepak yang merangkumi segala berita yang berkaitan dengan aspek-aspek bola sepak serta perkara-perkara yang bersangkutan terus dengannya seperti laporan perlawanan, berita perpindahan pemain, temubual dengan pemain, rayuan pemain atau kelab kepada jawatankuasa pertandingan, acara kebajikan yang dihadiri oleh pemain serta pengurusan kelab dan sebagainya.

Kajian ini juga hanya akan mengkaji perbezaan leksikal dan semantik antara 3 media internet Sepanyol dengan 3 media internet Argentina dengan jumlah pembaca tertinggi sahaja. Media-media ini dipilih berdasarkan statistik terkini dari Februari 2009 hingga November 2009 yang dikeluarkan oleh *Asociación para la Investigación de Medios de Comunicación*; Persatuan Kajian Media Komunikasi (AIMC) bagi media Sepanyol dan statistik suku tahun terakhir 2009 yang disediakan oleh *Instituto Verificador de Circulaciones*; Institut Pengesahan Edaran (I.V.C.) bagi media Argentina. AIMC telah memberikan data dalam bentuk jumlahpembaca sehari manakala IVC memberikan jumlah naskhah edaran bagi tempoh sebulan.

Statistik tahun 2009 diambil kerana kajian akan dibuat bagi berita-berita yang mencakupi 3 tahun bermula dari 2007 hingga 2009. Media-media yang terlibat bagi negara Sepanyol ialah:

- i) *Marca.com*, portal web rasmi bagi harian *Marca*, dengan jumlah pembaca tunggal 2,800,000 untuk sehari. Alamat web rasminya ialah <http://www.marca.com>.
- ii) *Elpais.com* portal web rasmi bagi harian *El Pais* dengan 2,081,000 pembaca tunggal sehari. Alamat web rasminya ialah <http://www.elpais.com>.
- iii) *Elmundo.es*, laman web rasmi bagi harian *El Mundo*, dengan 1,309,000 pembaca tunggal sehari. Cerapan sebenar data dibuat terus daripada portal sukannya yang merupakan subsidiari *Elmundo.es* iaitu *Mundodeportivo.com* kerana *Mundo Deportivo* menawarkan kemudahan carian atas talian yang lebih mesra pengguna untuk kajian ini. Alamat web rasminya ialah <http://www.mundodeportivo.com>.

Manakala bagi Argentina pula, merujuk kepada suku tahun terakhir 2009, kajian ini hanya akan dilakukan ke atas portal-portal akhbar berikut:

- i) *Clarín.com*, laman web rasmi bagi harian *Clarín*, dengan edaran purata sebanyak 670,214 naskhah bagi edisi Ahad dan 343,764 edaran purata bagi edisi Isnin hingga Sabtu. Alamat web rasminya ialah <http://www.clarin.com>.
- ii) *LaNación.com.ar*, laman web rasmi bagi harian *La Nación*, dengan edaran purata sebanyak 261,588 naskhah bagi edisi Ahad dan 149,535 edaran purata bagi edisi Isnin hingga Sabtu. Alamat web rasminya ialah <http://www.lanacion.com.ar>.
- iii) *Ole.clarin.com*, laman web rasmi bagi harian *Olé Clarín*, dengan edaran purata sebanyak 46,967 naskhah bagi edisi Ahad dan 44,479 edaran purata bagi edisi Isnin hingga Sabtu. Alamat web rasminya ialah <http://www.ole.com.ar>.

Pengkaji mengambil jumlah edaran fizikal akhbar-akhbar terlibat sebagai penentu jumlah pembaca sebenar dan tidak menggunakan statistik *hit* laman-laman media

berkaitan kerana data edaran fizikal menggambarkan kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Hit laman mungkin dilakukan oleh pengguna yang sama berulang-kali, atau jika satu nombor Internet Protocol (IP) bagi komputer pengguna dianggap hanya digunakan oleh satu pengguna unik, ia juga tidak tepat sekiranya berbilang pengguna menggunakan komputer yang sama seperti di kafe-kafe siber dan pusat-pusat akses internet awam.

1.7 Penyusunan Disertasi

Kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian.

Bahagian pertama ialah pengenalan kepada keseluruhan kajian. Bahagian kedua pula ialah sorotan kajian, perbincangan kerangka teori yang terlibat serta kajian kepustakaan bagi semua item yang terlibat dalam kajian. Bahagian ketiga ialah metodologi penyelidikan yang membincangkan kaedah kajian dijalankan. Dalam bahagian keempat, bahasa Sepanyol dihuraikan secara terperinci daripada aspek sejarah, kawasan geografi, institusi-institusi penting, sintaksis, morfologi, dialek-dialek, varian bahasa Sepanyol Argentina dan intervensi bahasa asing dalam bahasa Sepanyol secara umum. Bahagian kelima ialah bahagian analisis terhadap dapatan kajian dilakukan manakala dalam bahagian keenam, kesimpulan dibuat berdasarkan analisis terhadap dapatan kajian tadi.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Kerangka Teori

Perkataan leksikologi berasal dari *lexiko* dan dalam Bahasa Greek yang terkemudian *lexikon* “λεξικόν”: “berkenaan perkataan”³ iaitu diterbitkan dari perkataan *lexis* “λέξις” yang bermaksud ‘pertuturan’ atau “perkataan”. Leksikologi ialah bahagian linguistik yang mengkaji perkataan, sifat dan maksudnya, elemen perkataan, hubungan antara perkataan, kumpulan perkataan dan keseluruhan leksikon.

Perbezaan leksikal menerangkan konsep yang menekankan kelainan dalam bahasa yang berlaku pada tahap leksikon. Ia disokong oleh Harimurti Kridalaksana (1989:126) yang berpendapat bahawa konsep leksikal selain bersangkutan dengan leksem dan kata, juga berkaitan dengan leksikon. Leksikon ialah komponen bahasa yang memuatkan segala maklumat tentang makna dan pemakaian kata dalam bahasa. Wujud beberapa variasi yang terjadi pada peringkat leksikon BBSS dan BBSA yang terpecah kepada beberapa alur. Huraian lanjut mengenai pola perbezaan leksikal ini akan disentuh dalam bab ketiga dalam disertasi ini.

Perkataan semantik berasal dari perkataan Greek “σημαντικός” – *semantikos* yang bermaksud “mempunyai makna”³ dan menerangkan konsep yang menekankan aspek makna sesuatu perkataan. Abdullah Hasan (2007:218) menyebut istilah semantik memberi maksud kajian fenomena makna sesuatu perkataan. The New Oxford Dictionary of English pula mendefinisikan semantik sebagai “Suatu idea atau pemikiran yang berhubung dengan suatu entiti atau kelas entiti-entiti yang jelas, atau kepada ciri-ciri pentingnya, atau menentukan aplikasi suatu istilah dan seterusnya memainkan peranan dalam penggunaan asbab atau bahasa”⁴.

³ Liddell, Henry George & Scott, Robert. *A Greek-English Lexicon*, on Perseus Digital Library

⁴ “An idea or thought that corresponds to some distinct entity or class of entities, or to its essential features, or determines the application of a term, and thus plays a part in the use of reason or language”

Abdullah Hassan (2007:227) menerangkan yang bentuk-bentuk makna dari hubungan semantik ialah:

- i) Sinonim: fenomena bahasa dengan ada perkataan-perkataan merujuk kepada makna yang sama. Sebagai contoh, *telaga* dan *perigi*.
- ii) Antonim: perkataan yang berlawanan makna. Sebagai contoh, perkataan *pendek* lawannya *panjang*, *besar* lawannya *kecil*.
- iii) Hiponim: Hiponim terbahagi kepada dua bahagian iaitu itu:
 - a) Hiponim tulen: perkataan yang mencakupi makna beberapa perkataan lain pada satu tata tingkat. Ia berlaku apabila ada perkataan yang berfungsi sebagai nama kelas bagi beberapa perkataan yang lain. Sebagai contoh, beras dan nasi tercakup dalam perkataan padi.

padi

∧

beras nasi

Dalam bahasa Inggeris, *horse*: kuda ialah hiponim tulen bagi *stallion*: kuda jantan, *mare*: kuda betina, *colt*: anak kuda jantan dan *filly*: anak kuda betina.

- b) Hiponim umum: keadaan apabila ada satu perkataan menjadi nama umum bagi beberapa perkataan. Kata umum itu kemudiannya boleh dicantumkan dengan perkataan yang menjadi komponen maknanya. Sebagai contoh, *ikan* menjadi nama umum bagi patin, baung, keli, kelah, jerung, pari, temoleh dan jenahak

- iv) meronimi/holonimi: anggota atau bahagian yang menyusun atau membentuk sesuatu. Sebagai contoh: *atap* ialah meronimi bagi *rumah* dan *rumah* ialah holonimi bagi *atap*.
- v) polisemi: mempunyai lebih dari satu makna. Sebagai contoh: perkataan *kesat*.
 - a) Amin menghamburkan perkataan-perkataan kesat kepada Zulfikri sebaik sahaja dia dilanggar secara tidak sengaja.
 - b) Permukaan lantai bilik air rumah Ahmad lebih kesat berbanding rumah saya.
 - c) “Sudahkah kamu kesat air yang tumpah itu?”, tanya ibu kepada Ali.

Dalam a), kesat memberi maksud kata nista atau perkataan-perkataan kasar. Dalam b) pula, kesat bermaksud kata sifat “kasar” atau “tidak licin” manakala dalam c) ia bermaksud kata kerja “mengelap”.

vi) homonim, terbahagi kepada dua:

- a) homofon: kata yang sama sebutan tetapi berlainan ejaan dan makna.

Eng. meat: daging, *meet*: jumpa

- b) homograf: kata yang sama ejaan tetapi berbeza sebutan dan makna.

BMM. Selak: /səlaʔ/: sejenis pengunci pintu

Selak: /səlaʔ/: perbuatan menyingkap kain, kertas atau benda yang berbentuk helaian

Makna sesuatu perkataan bukan sahaja mempunyai hubungan dengan perkataan-perkataan lain, malah ia turut mengalami perubahan. Jenis-jenis perubahan makna ialah seperti berikut:

i) Peluasan Makna (generalisasi)

Peluasan makna ialah perubahan makna daripada makna yang lebih khusus atau sempit kepada yang lebih umum atau luas. Cakupan makna baru tersebut lebih luas daripada makna lama.

Contoh:

Jadual 2.0 Peluasan Makna (generalisasi)

| Perkataan | Makna lama | Makna baru |
|-----------|---------------------|--|
| sarjana | cendekiawan | pengajian pada peringkat <i>master</i> |
| saudara | adik-beradik lelaki | semua orang lelaki yang sama umur/ darjat |

ii) Penyempitan Makna (Spesialisasi)

Penyempitan makna ialah perubahan makna daripada yang lebih umum/ luas ke yang lebih khusus/ sempit. Cakupan baru/ sekarang lebih sempit daripada makna lama (semula).

Jadual 2.1: Penyempitan Makna (Spesialisasi)

| Perkataan | Makna lama | Makna baru |
|-----------|---|---|
| Artis | golongan yang terlibat secara langsung dalam pelbagai bidang seni yang luas | orang yang terlibat secara langsung dalam industri muzik dan perfileman |
| Bangsa | kaum; jenis. | Kaum |

iii) Peninggian Makna (ameliorasi)

Peninggian makna ialah perubahan makna yang mengakibatkan makna yang baru dirasakan lebih tinggi / hormat/ halus/ baik nilainya daripada makna lama.

Contoh:

Jadual 2.2 Peninggian Makna (ameliorasi)

| Perkataan | Makna lama | Makna baru |
|-----------|----------------------------|--------------------------------------|
| putera | anak lelaki | anak lelaki raja |
| Pondok | binaan kecil seperti rumah | sekolah pengajian agama persendirian |

iv) Penurunan Makna (Peyorasi)

Penurunan makna ialah perubahan makna yang mengakibatkan makna baru dirasakan lebih rendah/ kurang baik/ kurang menyenangkan nilainya daripada makna lama.

Contoh:

Jadual 2.3 Penurunan Makna (Peyorasi)

| Perkataan | Makna lama | Makna baru |
|-----------|-------------------------------|--|
| Bini | perempuan yang sudah dinikahi | lebih rendah daripada isteri |
| bunting | Mengandung | Lebih rendah dari perkataan mengandung” atau “hamil” |

v) Persamaan (asosiasi)

Asosiasi ialah perubahan makna yang terjadi akibat persamaan sifat antara makna lama dengan makna baru.

Contoh:

Jadual 2.4 Persamaan (asosiasi)

| Perkataan | Makna lama | Makna baru |
|-------------|---|---|
| pisau cukur | pisau yang digunakan untuk bercukur | orang yang menghabiskan harta pasangannya |
| ang pau | sampul berisi wang hadiah untuk Tahun Baru Cina | (dalam bahasa harian) rasuah |

vi) Pertukaran (sinestesia)

Sinestesia ialah perubahan makna akibat pertukaran tanggapan dua pancaindera yang berbeza daripada deria penglihatan kepada deria pendengar, daripada deria rasa kepada deria pendengaran, dan sebagainya.

Contoh:

Jadual 2.5 Pertukaran (sinestesia)

| Frasa | Jenis sinestesia |
|------------------------|---------------------------|
| suaranya sangat terang | (pendengaran-penglihatan) |
| rupanya manis | (penglihatan-rasa) |
| namanya harum | (pendengaran-bau) |

Lipka (1986:29) menyatakan “Teori semantik Aristotelian atau ‘senarai tanda’ diperincikan dengan senarai atau set bentuk-bentuk berkriteria, yang menjelaskan sifat-sifat diskrit yang mewakili keadaan-keadaan perlu dan cukup untuk sesuatu perkara itu menjadi ahli kepada sebuah kategori.⁵” Beliau turut menjelaskan yang ahli sesuatu kategori adalah disempadankan dengan jelas, dengan setiap ciri-ciri ahli ditandakan dengan jelas, berdasarkan perbezaan ya/tidak dan semua ciri-ciri atau bentuk-bentuk mempunyai darjah keahlian yang sama.

Cadangan Filmore dalam Lipka(ibid) menunjukkan kelemahan teori tersebut dengan contoh perkataan ‘*climb*’-memanjat yang mempunyai komponen makna ‘*ascending*’-menaik dan ‘*clambering*’-secara tak stabil. Ayat *The monkey is climbing down the flagpole* dan *The snail is climbing up the flagpole* sudah tentu tidak boleh diterima jika kedua-dua bentuk tersebut diambilkira dalam teori tersebut.

⁵ The Aristotelian or checklist theory of semantics is described as using a list or set of criterial features, which denote discrete properties representing necessary and sufficient conditions for something to be an instance of a category.

Sehubungan itu, dalam tahun-tahun 1980-an, muncul teori-teori bukan Aristotelian yang dipengaruhi oleh kajian-kajian psikologi dalam sifat pengkelasan manusia. Lipka turut menjelaskan yang teori-teori bukan Aristotelian membenarkan permulaan daripada prototaip dan boleh ada kriteria yang hilang atau hanya wujud sebahagian. Dalam teori semantik prototaip, terdapat anggapan satu pusat atau nukleus bagi suatu perkataan, digelar teras prototaip, dengan pinggiran yang samar dan sempadan yang tidak jelas, disertai dengan darjah dan pemberat keahlian yang berbeza bagi setiap ciri atau bentuk. Fenomena ini lebih kepada “lebih atau kurang” berbanding “keseluruhan atau kosong”.

Geeraerts (1984:2) merumuskan asas yang sama bagi semua teori-teori bukan Aristotelian iaitu bahasa tabi’i mempunyai:

- i) sempadan yang tidak jelas
- ii) perbezaan dalam keberbezaan ciri-ciri dan darjah keahlian
- iii) kesamaan analogi dan keseluruhan
- iv) teras-teras berprototaip

Menurut Rosh-Mervis dalam Lipka (1986:575), ‘prototaip’ ialah ‘perwakilan abstrak sesuatu kategori’ atau sebagai ‘ahli-ahli kategori tertentu yang membandingkan item-item kepada subjek-subjek tertentu apabila mempertimbangkan keahlian kategori’.

Teori Ciri Semantik (*Semantic Features Theory*) ialah sejenis teori Aristotelian yang mula diperkenalkan oleh para ahli fonologi Prague. Ia sering dituduh sebagai terlalu idealistik dalam ahli-ahli komponen maknanya, dengan sempadan yang sangat jelas. Ia juga dianggap tidak mampu menangani set-set dan sempadan-semmpadan makna yang rumit serta tidak jelas, ditambah dengan darjah sesuatu sifat dan keahlian.

Walau bagaimanapun, Lipka berjaya menjelaskan yang konsep bentuk semantik ini tidaklah seragam secara sempurna atau tidak boleh dipisahkan. Dalam Lipka (1979:194-196), beliau telah meletakkan sebuah taksonomi yang mengandungi 7 kelas bentuk semantik, yang mana hanya sebahagian adalah dalam bentuk binari.

Kelas-kelas tersebut ialah:

- i) *denotative* – perujukan/pemberian makna. Sebagai contoh: [\pm HUMAN] dalam *girl* vs. *filly*.
- ii) *connotative* – konotatif. Cth. [\pm ARCHAIC] dalam *steed* / *horse*.
- iii) *relational* – berhubungan. Cth: [\rightarrow PARENT] [\leftarrow PARENT] dalam *father* / *son*.
- iv) *transfer* – pemindahan. Cth: < - SOLID> atau <+PENETRABLE> dalam *to drink*.
- v) *deictic* – penunjuk. Cth: [\pm PROXIMATE] dalam *come* / *go*, *now* / *then*.
- vi) *inferential* – penghubungkait/simpulan. Cth: {STICK} dalam *beat*.
- vii) *distinctive features* – bentuk-bentuk yang jelas berbeza.

Manakala dalam Lipka (1985:339), beliau mencadangkan *inferential feature* – bentuk berhubungkait/simpulan yang ditandakan dengan *brace* (kurungan berlengkuk), sebagai contoh, {GRINDING} dalam *mill*. Bentuk berhubungkait/simpulan adalah tidak diskrit, terkuatkuasa atau berdiri sendiri; sebaliknya bersifat pilihan, tambahan dan bergantung kepada konteks linguistik dan ekstralinguistik yang dihubungkan. Menurut Crowley et al (2010:13-14), teori substratum menerangkan yang apabila manusia berhijrah ke sesuatu kawasan dan bahasa mereka diserap oleh penduduk asal kawasan tersebut, apa-apa

perubahan dalam bahasa tersebut boleh diletakkan di bawah pengaruh bahasa penduduk asal tersebut. Beliau memberi contoh yang di Perancis terdapat dua bahagian dialek yang besar, iaitu dialek utara dan selatan. Sebelum era penaklukan Rom, kawasan tertegaknya Perancis moden sekarang didiami oleh orang Celtic. Para cendekiawan berpendapat perbezaan dialek sekarang ini berkaitan terus dengan perbezaan asal dalam bahasa Celtic sebelum ianya diteruskan apabila penduduk kawasan tersebut mula menggunakan bahasa rasmi Empayar Rom iaitu bahasa Latin.

Kajian ini akan menggunakan kerangka Teori Bentuk Semantik dalam mengupas perbezaan leksikal dan semantik berita-berita bola sepak Sepanyol dan Argentina. Teori ini dipilih ekoran kesesuaiannya, seperti yang telah diperjelaskan oleh Lipka, dengan tajuk disertasi ini sendiri yang bertujuan menunjukkan perbezaan antara perkataan-perkataan yang digunakan, bukan menerangkan konsep yang kabur dan tidak jelas mengenai sesuatu perkara. Teori subtratum juga dimasukkan untuk menerangkan perubahan bahasa di Argentina.

2.1 Bacaan berkaitan

Saya tertarik dengan ungkapan Ghosh (1972:259) yang menyebut “Masyarakat manusia tanpa bahasa sukar dimengertikan, begitu juga bahasa manusia tanpa masyarakat ialah sebenar-benarnya satu mitos⁶”. Pasti bahasa-bahasa agung satu ketika dahulu seperti Latin dan Sanskrit disebut “mati” kerana tiada lagi orang yang menuturkannya. Bahasa-bahasa tersebut bukanlah mati terus sebenarnya kerana menurut Holmes (2001:65), bahasa boleh dihidupkan semula. Contohnya bahasa Ibrani (*Hebrew*) pada satu ketika

⁶“Human society without a language is inconceivable, just as a human language without a society is a mere myth”

telah mati selama 1700 tahun namun dihidupkan kembali oleh keinginan politik yang seiring dengan penubuhan negara Israel di atas bumi Palestin. Bahasa Catalan yang hampir mati di Catalunya pada zaman pemerintahan diktator Sepanyol Francisco Franco dari berakhirnya perang saudara sejak tahun 1939 hingga kematiannya pada 1975 juga telah berjaya dihidupkan malah diberikan fungsi-fungsi baru yang mantap sehingga berjaya berdiri daripada bahasa yang hanya dituturkan di rumah kepada bahasa rasmi pendidikan, perundangan dan media di Catalunya.

Menyentuh mengenai variasi bahasa yang menjadi asas perbincangan dalam disertasi ini, Edward Sapir dalam bukunya “Language” (1921:147) menyebut “Semua orang tahu yang bahasa itu bervariasi”. Kepelbagaian dalam sesuatu bahasa dapat dilihat daripada aspek-aspek seperti ujaran, pemilihan perkataan atau istilah dan perbezaan semantik sesuatu perkataan. Akmajian et al (1984:286) menerangkan “Tiada bahasa manusia yang tetap, seragam atau tidak bervariasi: semua bahasa menunjukkan variasi dalaman. Penggunaan sebenar berbeza daripada kumpulan ke kumpulan, daripada segi ujaran sesuatu bahasa, pemilihan perkataan dan makna perkataan-perkataan tersebut, dan juga penggunaan pembinaan sintaktik⁷”.

Perkara ini benar bagi semua bahasa di dunia. Sebagai contoh, bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat penutur ibunda Melayu sendiri pun sangat berbeza di ruang lingkup yang sangat sempit daripada segi geografinya iaitu Semenanjung Malaysia yang hanya seluas 131,598 km², hampir sama luas dengan Negara Greece

⁷“No human language is fixed, uniform or unvarying: all languages show internal variation. Actual usage varies from group to group and speaker to speaker, in term of pronunciation of a language, the choice of words and the meaning of those words, and even the use of syntactic construction”

(131,940 km²) mempunyai 9 dialek besar yang sangat berbeza daripada segi ujaran, pemilihan perkataan dan beza makna sesuatu perkataan. Nik Safiah et al (1986:31-32) mengelaskannya sebagai dialek-dialek Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Perkara ini disokong oleh cadangan Halliday (1968:141) yang membahagikan variasi bahasa kepada dua bentuk iaitu:


i) Siapa yang menggunakan?

Perkara ini disebut oleh beliau sebagai idiolek yang bermaksud individu yang menggunakan.

ii) Kawasan atau kelas manakah yang menggunakan?

Perkara ini disebut oleh beliau sebagai dialek, diringkaskan oleh beliau melalui rajah berikut:

Rajah 2.0 Pengkelasan Variasi Bahasa (Halliday 1968:141)



Rajah Halliday ini seakan disokong oleh Brook (1973:12) yang menyebut “Memang lumrah yang harus ada kelainan bahasa, kerana bahasa ialah suatu bentuk perilaku sosial manusia, dan masyarakat cenderung terbahagi menjadi kelompok-kelompok, masing-masing memaparkan perbezaan perilaku, bahasa mencerminkan perbezaan-perbezaan ini⁸”.

Halliday (1964:88) juga menerangkan “Secara asasnya, dialek-dialek cenderung untuk berbeza, dan seringkali hingga ke peringkat tertentu, dalam perkara kandungan. Laras bahasa, di sudut yang lain, berbeza daripada segi bentuk. Beberapa laras, mempunyai ciri-ciri berbeza pada peringkat seperti kualiti suara yang berhubungkait dengan laras gereja. Tetapi kriteria penting suatu laras terletak pada tatabahasa dan kosa katanya⁹”.

Kajian ini akan berkisar dalam laras bahasa sukan, dan lebih spesifik lagi laras bahasa bola sepak. Perbezaan daripada segi geografi akan dapat ditunjukkan dengan jelas walaupun berita-berita yang dikaji majoritinya terangkum di bawah laras bola sepak. Namun begitu, setelah diteliti data yang dikaji, terdapat juga laras-laras lain digunakan seperti laras perundangan, pendidikan dan sebagainya. Perkara ini disebabkan terdapat peristiwa-peristiwa yang memerlukan laras-laras ini diperlukan. Sebagai contoh seorang pemain yang didakwa di mahkamah kerana menyerang seseorang di kelab malam yang sering dikunjunginya atau seorang pemain terkenal dunia dilantik menjadi duta UNICEF untuk mempromosikan pendidikan di negara-negara Afrika.

⁸“It is natural that there should be varieties of language, since language is a form of human social behaviour, and communities tend to split up into groups, each displays differences of behaviour, language reflects these differences”.

⁹“Dialects tend to differ primarily, and always to some extent, in substance. Registers, on the other hand, differ primarily in form. Some registers, it is true, have distinctive features at the levels such as the voice quality associated with the register of church services. But the crucial criteria of any given register are to be found in its grammar and its lexis”.

Menurut Quirk dan Greenbaum (1973:1) dalam “University Grammar of English”, kelas variasi diwakili oleh rajah berikut:

Rajah 2.1 Pengkelasan Variasi Bahasa Quirk dan Greenbaum (1973)



Kawasan merujuk kepada aspek perbezaan geografi sesuatu bahasa. Sebagai contoh, bagaimana bahasa Jerman di Jerman berbeza dengan bahasa Jerman Switzerland atau bahasa Perancis di Perancis dengan bahasa Perancis Quebec. Contoh terdekat ialah bagaimana varian bahasa Melayu yang dikenali atas sebab politik sebagai Bahasa Indonesia berbeza dengan varian bahasa Melayu Malaysia atau bahasa Melayu Brunei.

Pendidikan pula merujuk kepada tahap pendidikan seorang penutur. Holmes (2001:6) menyatakan yang wujud beberapa ciri perbezaan antara pelbagai kumpulan yang berlainan pendidikan. Sebagai contoh, penutur bahasa Inggeris yang berpendidikan rendah cenderung menghilangkan bunyi fonem *h* dalam perkataan-perkataan yang mengandungi fonem tersebut seperti *house* disebut ‘ouse, *Henry* disebut ‘Enry dan sebagainya.

Faktor topik juga menunjukkan fungsi laras bahasa dalam menunjukkan variasi bahasa. Sebagai contoh, laras bahasa sukan pastinya berbeza dengan laras bahasa sains terutamanya daripada sudut pemilihan perkataan. Medium atau perantara pula

menunjukkan perbezaan bahasa berdasarkan kesesuaian medium yang digunakan. Sebagai contoh, radio dan televisyen ialah media berasaskan transmisi isyarat elektronik. Walaupun begitu, ketiadaan video dalam penyampaian radio menyebabkan penyampai cenderung untuk menjadi lebih deskriptif berbanding penyampai televisyen. Sebagai contoh, dalam satu perlawanan bola sepak, pengulas radio sentiasa memberitahu pendengar siapa yang sedang memegang bola, mencari siapa dan menghantar bola kepada siapa. Dalam ulasan televisyen, kekerapannya lebih rendah.

Sikap (*mood*) pula amat mempengaruhi perbezaan bahasa seseorang penutur apa bahasa sekalipun. Seseorang yang sedang bercakap dalam satu majlis rasmi akan menggunakan perkataan-perkataan yang standard dan dianggap berprestij oleh masyarakat, manakala apabila beliau pulang dan bercakap dengan ahli keluarga terdekatnya, beliau akan menggunakan bahasa biasa di rumah.

Gangguan merujuk kepada bagaimana bahasa asing atau keadaan persekitaran memberi kesan kepada penggunaan sesuatu bahasa. Contohnya seorang jurutera yang sentiasa bertutur dalam bahasa Inggeris dalam mesyuarat jabatan dan persembahan projek mungkin akan cenderung menggunakan perkataan-perkataan dan istilah-istilah Inggeris apabila berbual dengan rakan-rakan sekerja pada waktu makan tengah hari. Gangguan juga mungkin diakibatkan oleh hubungan kata pinjaman dan terjemahan pinjaman.

Dalam kajian ini, faktor perbezaan kawasan dan gangguan akan diberikan tumpuan secara khusus kerana pendidikan, topik, sikap dan medium secara umumnya sama, iaitu penulis berita sukan yang berpendidikan, membincangkan topik bola sepak, dalam *mood* rasmi atau hampir rasmi dan dalam media berasaskan internet.

2.1.1 Keketumpuan Bahasa

Keketumpuan bahasa ialah sejenis perubahan yang disebabkan oleh interaksi bahasa antara para penutur dwibahasa yang saling meminjam bentuk-bentuk morfologi dan sintaksis bahasa-bahasa terlibat, menyebabkan tipologi menjadi semakin sama. Braunmüller dan House (2009:4) menerangkan yang keketumpuan merujuk pelbagai cara dengan bahasa-bahasa atau varian-varian suatu bahasa menjadi semakin sama antara satu sama lain dalam semua subsistem tatabahasa. Mereka turut menambah yang keketumpuan juga boleh jadi suatu proses atau produk, secara sedar atau tidak sedar. Perkara ini mungkin juga terpakai dalam perbezaan dua varians daripada bahasa yang sama seperti bahasa Sepanyol di Sepanyol (BSS) dan bahasa Sepanyol Argentina (BSA). Internet sebagai satu wadah global dapat dilihat sebagai agen keketumpuan bahasa, sebagaimana yang dapat dilihat dalam kajian Mair (2007) yang mengkaji keketumpuan dan kecapahan bahasa Inggeris Amerika dan British dalam bentuk penulisan dan pertuturan.

2.1.2 Kecapahan bahasa

Menurut Hinskens et al (2005:2) “Jika keketumpuan bahasa melibatkan penyatuan linguistik dan homogenisasi repertoire linguistik, kecapahan bahasa pula mendorong kepada diversifikasi dan heterogenisasi, yang mana bahasa-bahasa atau varian-varian bahasa menjadi semakin berbeza antara satu sama lain¹⁰”. Perkara ini mungkin dapat dilihat dalam BSS dan BSA kerana faktor geografi dan pemisahan pentadbiran negara ialah antara faktor penggalak dalam fenomena ini.

¹⁰“Whereas language convergence involves the linguistic unification and repertoire homogenisation, language divergence in the other hand amounts to diversification and heterogenisation, making the languages or language varieties more distinct from each other”.

Dalam kes Argentina, bahasa Sepanyol telah pun diterapkan sebagai bahasa kebangsaan pada Perisytiharan Perlembagaan 1853. Namun begitu, pada peringkat awal penghijrahan bangsa-bangsa Eropah dan Asia ke Rio de la Plata pada kurun ke -19, wujud bahasa-bahasa yang berbeza, terutama dua kumpulan yang besar iaitu penutur bahasa Itali dan penutur bahasa Sepanyol. Walaupun bahasa Sepanyol terus dijadikan bahasa rasmi Argentina, interaksi antara kumpulan-kumpulan tersebut tetap wujud dan mempengaruhi pembentukan dialek Argentina awal dan semasa.

Daripada carian dan bacaan yang telah dilakukan melalui pangkalan data beberapa perpustakaan di dunia, didapati sehingga hari ini masih belum ada sebarang kajian atau penyelidikan yang spesifik dijalankan berkenaan perbandingan leksikal bola sepak bagi Sepanyol dan Argentina.

BAB III

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah analisis teks atau analisis kandungan. Perkara ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan interteks berasaskan analisis kuantitatif dan kualitatif. Teks yang dipilih ialah berdasarkan bahagian batasan kajian dalam bab 1.

Setelah meneliti beberapa kajian yang berkaitan, pengkaji telah mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah pengumpulan dan analisis data melalui korpus.

Menurut Hartman dan James (1998:30), korpus ialah “Koleksi sistematik teks yang mendokumenkan ciri-ciri penggunaan sesuatu bahasa atau variasi bahasa¹¹” manakala Kennedy (1998:1) menyebut korpus sebagai “Satu badan teks bertulis atau ucapan bertranskripsi yang boleh berfungsi sebagai asas untuk analisis dan deskripsi linguistik¹²”.

Kajian ini akan menggunakan teks-teks berita daripada media dalam bahagian 1.6 sebagai korpus.

Peringkat-peringkat kajian yang dijalankan ialah seperti berikut:

- a. Kajian Kepustakaan
- b. Pengumpulan dan pemilihan data yang terkumpul
- c. Klasifikasi data yang telah dipilih
- d. Analisis perbandingan
- e. Rumusan hasil kajian

¹¹ A systematic collection of text that documents the usage characteristics of a language or its variant

¹² A body of written text or transcribed speech that works as the basis for linguistic analysis and description

3.1 Kajian Kepustakaan

Buku-buku dan kajian-kajian berkaitan dirujuk. Seperti dalam bab 2, definisi dan idea daripada penulis-penulis dan pengkaji-pengkaji dicatat untuk dipetik dalam kajian ini. Dua kamus paling terkenal dan berprestij dalam dunia *hispano* digunakan, iaitu kamus “Real Academia Española” Edisi ke 21 yang diterbitkan di Madrid oleh RAE pada tahun 1992 dengan penyemakan terkini di kamus dalam talian RAE (DRAE) di <http://buscon.rae.es/draeI/> dan “*Diccionario de Uso del Español*” oleh María Moliner, Madrid 1994 dengan penyemakan terkini di laman atas taliannya <http://www.diclib.com/cgi-bin/d1.cgi?base=moliner&page=showpages> menjadi rujukan untuk mencari makna tepat perkataan.

3.2 Pengumpulan dan pemilihan data yang terkumpul

Proses ini dibahagikan kepada dua bahagian:

3.2.1 Pengumpulan data

Sampel ialah berita-berita yang dipilih secara rawak daripada laman-laman Argentina dan Sepanyol yang terlibat pada hari yang sama. Laman-laman tersebut ialah tiga media internet Sepanyol dan tiga media internet Argentina yang merupakan laman-laman rasmi bagi media cetak dengan jumlah pembaca tertinggi seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian 1.5 Batasan Kajian. *Marca.com*, *ElPais.com* dan *ElMundo.es* mewakili media Sepanyol manakala *Clarín.com*, *LaNación.com.ar* dan *Ole.Clarin.com* mewakili media Argentina. Pengumpulan data dibuat dengan menganalisis korpus yang telah dikumpulkan.

3.2.1.1 Kaedah Pengumpulan Data

Langkah pertama ialah memilih tiga berita daripada setiap laman sampel selama tiga hari, kemudian diselangkan sepuluh hari dari tarikh hari terakhir dalam set hari tersebut bermula dari Mac 2007 iaitu ketika Liga Sepanyol dan Argentina sedang menuju ke puncaknya, kemudian diselangkan 6 bulan ke bulan September 2007 ketika liga-liga tersebut baru bermula. Ia bertujuan mendapatkan kepelbagaian jenis berita; daripada laporan perlawanan, reaksi pemain dan jurulatih, berita perpindahan pemain, maklumat terkini perbincangan antara kelab dan sebagainya. Perkara ini diulang-ulang bagi tahun 2008 dan 2009, dengan julat hari yang berlainan, untuk cakupan sampel penggunaan bahasa yang komprehensif bagi tiga tahun berita sehingga mencapai jumlah tiga puluh hari. Oleh kerana satu kejohanan besar bola sepak diadakan dalam julat masa ini iaitu Kejohanan Negara-negara Eropah (Euro 2008) maka pengkaji memasukkan satu hari khas untuk media Sepanyol sahaja untuk memberi liputan kepada perlawanan akhir yang diadakan pada 30/06/2008. Perkara ini bermakna terdapat 549 sampel berita untuk dianalisis dan dibandingkan dengan berita-berita daripada laman-laman Sepanyol yang telah dipilih. Berita-

berita tersebut disalin ke dalam fail-fail berformat Microsoft Word 2003/2007 dan dicetak sebagai lampiran untuk kajian ini. 549 berita yang akan dicerap bagi tempoh 30 hari tersebut bermula dari 06-03-2007 hingga 08-03-2007, 18-03-2007 hingga 20-03-2007, 06-09-2007 hingga 08-09-2007, 18-09-2007 hingga 20-09-2007, 06-06-2008 hingga 08-06-2008, 18-06-2008 hingga 20-06-2008, 30-06-2008 (edisi khas kemuncak Kejohanan Bola Sepak Euro 2008 untuk media Sepanyol sahaja), 06-12-2008 hingga 08-12-2008, 18-12-2008 hingga 20-12-2008 dan bermula semula dari 01-02-2009 hingga 03-02-2009 dan 1-08-2009 hingga 03-08-2009.

3.2.2 Pemilihan Data yang Terkumpul

Kaedah ini merupakan suatu kemestian untuk mencari data yang benar-benar asli untuk tujuan analisis data. Peringkat pemilihan data melibatkan proses meneliti kembali data yang terkumpul. Menurut Svensen (1993:40-42), pengumpulan dan pemilihan data melibatkan beberapa unsur seperti berikut:

3.2.2.1 Keaslian (Authenticity)

Data yang dipilih mesti asli/autentik serta memenuhi kriteria yang diperlukan untuk kajian.

3.2.2.2 Perwakilan

Data mesti mewakili berita yang terpanjang dan tipikal dari tarikh mula sampel berita hingga tarikh akhir sampel berita.

3.2.2.3 Cakupan

Data mesti memenuhi syarat sampel dan mewakili secara umum keseluruhan penggunaan bahasa kesemua portal bola sepak negara terlibat.

3.2.2.4 Kesesuaian

Kesesuaian data amat bergantung kepada permasalahan dan objektif kajian. Premis kajian ini tertumpu kepada beza leksikal yang dicerakinkan melalui maklumat diasistematik dan semua data yang dikumpul dipilih berasaskan faktor tersebut.

3.2.2.5 Klasifikasi Data yang Telah Dipilih

Dalam bahagian ini, data yang telah dipilih diberi perincian dengan meletakkan label mengikut bentuk yang merupakan lanjutan daripada bahagian 1.6.1. Jenis perbezaan

berdasarkan kajian Barreiro et al ke atas bahasa Portugis Portugal dan bahasa Portugis Brazil pada tahun 1995 diambil sebagai perbandingan ekoran hubungan rapat bahasa Portugis dengan bahasa Sepanyol yang berasal daripada bahasa Latin dan berevolusi dengan persekitaran demografi dan geografi Semenanjung Iberia.

3.2.2.5.1 Bentuk-bentuk perbezaan

Firsova (1999:1) mengklasifikasikan perbezaan antara bahasa Sepanyol di Sepanyol dengan bahasa Sepanyol di Amerika Latin kepada lima jenis iaitu:

i) Unit-unit leksikal adalah betul-betul sama pada peringkat ekspresi (dalam bentuk) dan agak berbeza pada peringkat kandungan (dalam maksudnya); pada masa yang sama mempunyai elemen semantik yang sama. Sebagai contoh, di Sepanyol *cobija* bermaksud:

- a) Kain seperti selimut kecil yang digunakan oleh kaum wanita untuk menutup kepala.
- b) Jubin yang disusun untuk membentuk bumbung.

Di kebanyakan negara Amerika Latin, perkataan *cobija* bermaksud selimut (*manta* atau *frazada*), di Venezuela dan Mexico “kain pelindung kepala bagi golongan kesatria”, di Republik Dominica “kulit lembu, kambing atau kerbau”, di Mexico, Republik Dominica, Puerto Rico dan Cuba “atap rumbia atau nipah”. Daripada contoh-contoh tersebut, dapat dilihat bentuk-bentuk polisemi yang sepadan.

ii) Unit-unit leksikal adalah betul-betul sama pada peringkat ekspresi (dalam bentuk) dan berbeza secara mutlak pada peringkat semantik.

Sebagai contoh, perkataan *guagua* di Sepanyol bermaksud “sesuatu yang langsung tak penting” manakala di Cuba dan Puerto Rico bermaksud “bas”. Di Ecuador dan Peru ia bermaksud “bayi”, di Guatemala pula “patung untuk menakutkan burung di kebun” manakala di Colombia “parasit pokok limau dan oren”.

iii) Unit-unit leksikal adalah betul-betul sama pada peringkat ekspresi (dalam bentuk) dan mempunyai maksud yang berlawanan pada peringkat semantik.

Sebagai contoh, perkataan *seguramente* dalam bahasa Sepanyol di Sepanyol menunjukkan “dengan pasti” manakala di Guatemala ia bermaksud “mungkin, boleh jadi”.

iv) Unit-unit leksikal adalah berbeza secara mutlak pada peringkat ekspresi (dalam bentuk) dan mempunyai maksud yang sama pada peringkat semantik. Sebagai contoh, “cendawan” disebut sebagai *champiñones* di Sepanyol dan *hongos* di Mexico.

v) Unit-unit leksikal menunjukkan perbezaan sebahagian pada tahap pembentukan kata tetapi mempunyai maksud yang sama pada peringkat semantik. Penyimpangan jenis ini juga boleh dipecahkan kepada subjenis yang lain. Sebagai contoh:

Di Sepanyol wujud perkataan *paticojo* yang bermaksud “bertatih” dalam bahasa Melayu; di Amerika Tengah dan Perú perkataan yang sama mempunyai bentuk-bentuk *patueco* dan *patuleco*; di Guatemala: *patulenco*; di Ecuador dan El Salvador : *patojo*; di Honduras: *patuco*; di Chile: *patulejo*.

Ibrahim (2006) juga membahagikan klasifikasi leksikal bahasa Melayu Malaysia (BMM) dan Bahasa Indonesia (BI) kepada 5 bahagian, hampir sama seperti Firsova tetapi beliau tidak memasukkan bahagian “perkataan sama tetapi mempunyai maksud yang berlawanan”. Dalam pengkelasan beliau, selain daripada 4 elemen yang sama dengan Firsova, beliau memberikan satu kategori yang diuraikan sebagai “perkataan

yang sama dengan keseluruhan maknanya sama”. Ibrahim juga melihat adakah terdapat kecapahan (*divergence*) atau kesetumpuan (*convergence*) dalam elemen semantik perkataan-perkataan yang terpilih untuk dianalisis. Peluasan makna juga diteliti, sebagai contoh perkataan “kuku” yang selain daripada makna-makna dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) yang sama dengan Kamus Dewan (KD), ia juga membawa maksud “kekuasaan” sedangkan dalam KD hanya maksud fizikal “kuku” yang dicatat. Bagi perkataan “sikat” pula, selain daripada maksud fizikal seperti dalam KD, KBBI turut menyertakan “makan habis-habisan” sebagai salah satu maksud perkataan tersebut.

Jika diperhatikan dalam konteks penggunaan BMM dan BI, terdapat juga perkataan-perkataan yang memenuhi klasifikasi ke iii) Firsova. Sebagai contoh, perkataan “ganjaran” yang bermaksud “hadiah, imbuhan yang diberi kepada seseorang” dalam BMM tetapi bermaksud “hukuman” dalam BI. Namun, Ibrahim tidak membuat pengkelasan khas sedemikian walaupun beliau ada memerhatikan aspek tersebut dengan mengatakan dalam KD, perkataan “samseng” bermaksud “penjahat” sedangkan dalam KBBI ia bermaksud “jagoan” dan “pendekar”. Perkara ini mungkin disebabkan analisis yang dibuat hanya ke atas perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf “K” dan “S” yang menyebabkan kewujudannya dirasakan tidak signifikan oleh beliau. Jika beliau menganalisis ruang sampel yang lebih besar atau sampel yang dianalisis secara kebetulan mengandungi data-data yang menyokong kewujudan klasifikasi ke-iii Firsova, mungkin beliau juga memasukkan kumpulan ini ke dalam kesimpulan beliau.

Kajian Barreiro et al pada tahun 1995 yang mengkaji perbezaan bahasa Portugis Portugal dengan bahasa Portugis Brazil pula menyebut jenis-jenis perbezaan yang dibincangkan oleh kajian tersebut dibahagikan kepada:

- i) perbezaan sendiri
- ii) perbezaan kecenderungan
- iii) perbezaan pilihan (alternatif)

yang mana semuanya bergantung kepada penggunaan bahasa.

Ia juga dibahagikan kepada

- iv) perbezaan ortografi (penulisan),
- v) morfologi
- vi) sintaks

jika dilihat daripada sudut linguistik.

Seterusnya ia turut dikelaskan kepada:

- vi) perbezaan berinstitusi/kelembagaan

yang dibincangkan secara berasingan walaupun boleh juga dikira sebagai sejenis perbezaan sendiri.

3.2.2.6 Perbezaan sendiri (Barreiro I)

Perbezaan sendiri meliputi pasangan dan perkataan berbeza yang eksklusif iaitu perkataan yang berhubung dengannya tidak wujud atau berbeza dalam varian yang satu lagi.

Di sini dua jenis perbezaan digariskan iaitu:

- i) perkataan berlainan yang merujuk kepada perkara yang sama
- ii) perkataan dalam satu varian yang tidak mempunyai sinonim dalam varian yang satu lagi ataupun sekurang-kurangnya kerana perkataan tersebut bukan menjadi kebiasaan dalam budaya negara varian yang satu lagi.

3.2.2.6.1 Perkataan berlainan yang merujuk kepada perkara yang sama

(Barreiro IA)

Merujuk kepada jenis perbezaan sendiri yang mana perkataan-perkataan berlainan yang merujuk kepada perkara yang sama, beberapa perbezaan masih boleh dikategorikan mengikut kes-kes yang berlainan:

a) Perkataan-perkataan eksklusif satu varian berhubungan dengan perkataan-perkataan eksklusif yang berbeza pada varian lain, iaitu kedua elemen daripada pasangan memperlihatkan perbezaan perkataan yang kontras secara menyeluruh:

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|------------|---------------------|-------------|
| autocarro | ônibus | Bas |
| hospedeira | (de Bordo) aeromoça | Pramugari |

b) Perkataan-perkataan yang digunakan dalam kedua varian tetapi dengan makna yang berbeza. Sebagai contoh, di Portugal, “banheiro” bermaksud jaket keselamatan air, sementara di Brazil ia bermaksud bilik mandi:

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|---------------|-------------|-----------------------|
| banheiro | salva-vidas | jaket keselamatan air |
| casa-de-banho | banheiro | bilik mandi |

c) Perkataan-perkataan yang memiliki minimal satu kegunaan yang berbeza dalam kedua-dua varian, tetapi juga berkongsi setidak-tidaknya, satu makna yang sama. Sebagai contoh, *alcatrão* ialah nama sebatian kimia dengan sifat-sifat tertentu dalam kedua-dua varian, namun di Portugal, juga digunakan bagi menggambarkan jenis turapan jalan, sementara di Brazil sebutan umum untuk hal ini ialah *asfalto* dan tidak pernah *alcatrão*.

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|-----------------------|----------------------|-------------|
| (estrada de) alcatrão | (estrada de) asfalto | jalan tar |
| cartão | Papelão | Kotak |

3.2.2.6.2 Perkataan tanpa sinonim (Barreiro IB)

Ada perkataan-perkataan yang merupakan kontras kerana perkataan-perkataan tersebut tidak memiliki padanan dalam varian lain. Biasanya, ini berlaku ketika tidak ada rujukan yang sama kepada dua kebudayaan tempat sesuatu variasi dituturkan. Ketiadaan yang setara ditandakan oleh "---":

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|----------|-------|----------------|
| --- | abati | saya kurangkan |
| alcatruz | --- | buyung air |

Beberapa kata lain yang khusus dalam leksikon salah satu varian, kerana ia merujuk kepada realiti yang berbeza, sebagai contoh nama tanaman tertentu, buah-buahan ataupun binatang. Perkataan-perkataan ini dianggap kontras di sini hanya jika ia tidak termasuk dalam bahasa terkini salah satu varian. Ia mungkin tidak merupakan kontras bagi para saintis di bidang-bidang khusus seperti botani, iktiologi, ornitologi dan lain-lain:

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|-----------|--------|--------------------------|
| azinheira | --- | sejenis pokok <i>oak</i> |
| --- | sapoti | buah ciku |

3.2.2.7 Perbezaan kecenderungan (keutamaan) (Barreiro II)

Perkataan-perkataan memperlihatkan perbezaan keutamaan merujuk kepada perkataan-perkataan yang terdapat dalam dua variasi, tetapi yang **tidak digunakan dengan**

frekuensi yang sama. Dengan kata lain, perkataan-perkataan tersebut ada dalam kedua-dua varian dengan maksud yang sama, tetapi menjadi perkataan-perkataan yang berlainan daripada sudut pandang penggunaannya dalam bahasa terkini ini. Kedua-dua perkataan daripada pasangan berkaitan memperlihatkan perbezaan keutamaan, serta hanya salah satu daripada perkataan-perkataan tersebut. Ketika hanya satu kata daripada pasangan menjadi **keutamaan** di salah satu varian, ini bermakna bahawa yang setara hanya wujud dalam varian ini. Misalnya, dalam perkataan Portugis di Portugal açogue wujud, tetapi talho menjadi keutamaan. Kata talho tidak wujud dalam bahasa Portugis Brazil. Dalam bahasa Portugis di Portugal xícara wujud, tetapi chávena menjadi keutamaan. Dalam bahasa Portugis Brazil chávena wujud, tetapi xícara menjadi keutamaan:

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|---------|--------|-----------------|
| talho | açogue | pemotong daging |
| chávena | xícara | cawan |

3.2.2.8 Perbezaan alternatif (Barreiro III)

Perbezaan ini menunjukkan perkataan-perkataan alternatif eksklusif dalam varian sendiri dan merupakan sinonim yang jarang digunakan bagi perkataan setara dalam varian lain. Bahkan jika perkataan-perkataan itu **kurang kerap** digunakan berbanding perkataan setara yang tidak merupakan kontras, ia masih sebahagian daripada bahasa terkini berkenaan. Walaupun perkataan-perkataan berbeza ini sentiasa menjadi alternatif bagi perkataan-perkataan setara, hanya satu perkataan dalam setiap pasangan perkataan berbeza boleh menjadi alternatif. Misalnya, dalam perkataan bahasa Portugis di Portugal

segredo menjadi alternatif dan kurang digunakan kerana solitaria juga wujud dan menjadi keutamaan.

Dalam pemilihan perkataan Portugis Brazil sebo menjadi alternatif dan kurang digunakan kerana alfarrabista juga wujud dan menjadi keutamaan.

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|--------------|-----------|-------------------------------|
| segredo | solitaria | keadaan berseorangan, privasi |
| alfarrabista | sebo | kedai buku |

3.2.2.9 Perbezaan Kelembagaan (Barreiro IV)

Perbezaan kelembagaan memperlihatkan perbezaan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan sistem organisasi yang berbeza di Brazil dan Portugal: lembaga-lembaga rasmi, daerah pentadbiran, pendidikan, sistem pemerintahan dan sebagainya. Ia dibezakan di sini kerana mereka mewakili sebuah kenyataan yang memainkan peranan yang sama, tetapi yang tidak sama ditetapkan dalam persekitaran budaya daripada kedua negara:

| BPP | BPB | <i>GLOS</i> |
|--------------------------------------|------------------------------------|---------------------------|
| Ministerio dos Negocios Estrangeiros | Ministerio das Relações Exteriores | Kementerian Hubungan Luar |
| Distrito | --- | Daerah |

3.2.3 Perbezaan Morfologi dan sintaksis (Barreiro V)

Perbezaan ini dibahagikan kepada dua bahagian kerana ia bukanlah perbezaan berasaskan leksikal dan semantik tetapi berasaskan pembentukan kata dan tatabahasa.

3.2.3.1 Perbezaan Morfologi (Barreiro V-A)

Perkara ini termasuk pelbagai terbitan (awalan dan akhiran) dan infleksi yang berbeza dalam dua variasi (lihat Jadual 4, bahagian 2.4.2.3). Contoh berikut menunjukkan dua kontras: satu merujuk kata nama dengan akhiran terbitan yang berbeza dan yang satu lagi merujuk *participles* untuk kata kerja yang sama:

| BPP | BPB | Jenis Perbezaan | <i>GLOS</i> |
|--------------|-----------|--|-------------|
| doutoramento | doutorado | nominalisasi dengan akhiran yang berbeza | kedoktoran |
| aceite | Aceito | akhiran berbeza | minyak |

3.2.3.2 Perbezaan Sintaksis (Barreiro V-B)

Perbezaan ini merujuk sebarang perbezaan secara sintaksis atau tatabahasa. Sebagai contoh:

| BPP | BPB | Perbezaan | <i>GLOS</i> |
|---------------|---------------|--------------------------|--------------------------|
| reunir | reunir-se | berbeza refleksiviti | bertemu, bermesyuarat |
| participar em | participar de | Kata sendi yang berbeza | menyertai dalam |
| a grosso | em grosso | Frasa kata sendi berbeza | secara kasar |

3.2.4 Perbezaan Ortografi (Barreiro VI)

Perbezaan ini ialah perkataan-perkataan yang berbeza hanya pada aksentuasi dan/atau ejaan:

| BPP | BPB | Perbezaan | <i>GLOS</i> |
|-------------|------------|---------------------|--------------------|
| Balancé | Balancê | penandaan huruf | Perimbangan |
| Ideia | Idéia | penandaan huruf | idea, buah fikiran |
| Linguista | Lingüista | penandaan huruf | ahli bahasa |
| Amnistia | Anistia | Ejaan | Pengampunan |
| sumptuoso | Suntuoso | Ejaan | mewah |
| Electrónico | Eletrônico | penandaan dan ejaan | elektronik |

Perbezaan Ortografi, walaupun disebut secara berasingan, boleh juga diklasifikasikan sebagai sendiri, keutamaan atau pilihan. Salah satu alasan untuk pengenalan terperinci perbezaan ortografi ialah dalam hal-hal berubah sesuai dengan cadangan *Novo acordo ortográfico da Língua Portuguesa* yang akan ditandatangani di semua negara yang terlibat pada ketika kajian Barreiro (1995) dijalankan. Perkara ini adalah untuk memudahkan kerja-kerja analisis data dan juga mampu menyingkap pola perbezaan leksikal dalam korpus. Sebagai rujukan, perjanjian tersebut akhirnya telah dimeterai pada tahun 2009 yang menyaksikan pengurangan perbezaan yang amat ketara pada aspek penulisan bahasa Portugis oleh negara-negara penutur bahasa Roman ini. Inisiatif ini diambil oleh CPLP yang dianggotai oleh Brazil, Portugal, Cape Verde, São Tomé e Príncipe, Angola, Mozambique, Guiné-Bissau dan Timor Timur. Walau bagaimanapun, empat negara terakhir tersebut masih belum menandatangani perjanjian ini.

3.3 Analisis Perbandingan

Bahagian ini merupakan tahap pengkaji perlu sangat teliti kerana inilah tahap penentu dapatan atau hasil daripada data yang telah dipilih tadi, berpandukan pengkelasan beza leksikal dalam bahagian 3.2.

3.3.1 Kaedah Analisis Data

Analisis data akan dibuat berdasarkan perspektif kata, melalui kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif. Asmah Hj Omar (2001:35) menerangkan, “Dalam pendekatan

kuantitatif, penghitungan dibuat untuk menunjukkan gejala-gejala atau ciri yang mana lebih banyak atau lebih kerap berlaku berbanding ciri atau gejala lain. Pendekatan kualitatif pula merujuk kepada ciri-ciri yang ada pada gejala yang kita selidiki.”

Kajian ini secara umumnya menggunakan pendekatan kualitatif. Namun begitu, pendekatan kuantitatif digunakan untuk menyokong ciri-ciri yang diberikan secara kualitatif, sebagai contoh kekerapan sesuatu perkataan digunakan dalam keseluruhan sampel dan panjang sesuatu ayat yang digunakan dalam berita.

Pengkaji membaca dengan teliti setiap ayat daripada setiap berita sampel media Argentina dan merekodkan perbezaan-perbezaan leksikal yang didapatinya. Pengkaji ialah seorang yang lebih arif dalam pemilihan leksikal dan gaya bahasa berita-berita bola sepak Sepanyol, oleh itu berita-berita dari Argentina diperhatikan dan seterusnya dibandingkan dengan istilah-istilah dari Sepanyol yang sepadan, yang dipetik daripada berita (i), (ii) atau (iii) beserta tarikh dan laman yang berkaitan. Kekerapan bandingan antara istilah Argentina dengan Sepanyol akan dicerap menggunakan fail Microsoft Office Excel Comma Separated Values File (CSV) yang dijana daripada korpus yang dikaji. Sebuah jadual yang mengandungi nilai-nilai bilangan, rujukan Argentina, rujukan Sepanyol, istilah Argentina, istilah Sepanyol, maksud dalam bahasa Melayu dan jenis perbezaan disediakan.

Jadual 3.0 Contoh daftar perbezaan kata antara berita-berita bola sepak Sepanyol dan Argentina I

| Bil. | Rujukan Argentina | Istilah Argentina | Istilah Sepanyol | Rujukan Sepanyol | Glos. |
|------|-------------------|-------------------|------------------|------------------|--|
| 1 | 06-03-07-olé-i | Posición (tabla) | Clasificación | 06-03-marca-i | Kedudukan kelab dalam carta |
| 2 | 06-03-07-olé-i | Inferiores | Filial, cantera | 06-03-marca-i | Akademi bolasepak, pasukan kategori rendah |
| 3 | 06-03-07-olé-i | la novela | El culebrón | 06-03-marca-i | Drama bersiri yang panjang berjela |

39

Untuk memudahkan rujukan, lampiran-lampiran yang disertakan bersama kajian ini hanya memasukkan maklumat Bilangan, Istilah Argentina, Istilah Sepanyol dan Glos seperti berikut:

Jadual 3.1 Contoh Daftar perbezaan kata antara berita-berita bola sepak Sepanyol dan Argentina II

| Bil. | Istilah Argentina | Istilah Sepanyol | Glos. |
|------|-------------------|------------------|---|
| 1 | Posición (tabla) | Clasificación | Kedudukan kelab dalam carta |
| 2 | Inferiores | Filial, cantera | Akademi bola sepak, pasukan kategori rendah |
| 3 | la novela | El culebrón | Drama bersiri yang panjang berjela |

Seterusnya data-data terpilih diulas dan diperincikan menurut pelbagai aspek perbezaan leksikal seperti jenis perbezaan, bagaimana ia berbeza dan seterusnya punca-punca perbezaan. Pencapahan dan kesetumpuan daripada aspek leksikal akan dihuraikan, seterusnya pencapahan dan kesetumpuan daripada aspek semantik pula akan dikupas, jika ada. Algeo (1986:269) menerangkan yang kesatuan muncul kerana bahasa tersebut memiliki sejarah yang sama, manakala wujudnya kepelbagaian kerana perbezaan pengalaman warga pengguna bahasanya selepas berlakunya pemisahan, dan ini ditemui dalam semua aspek, terutama kosa kata. Beliau melihat daripada sudut konsep atau istilah secara terperinci yang membezakan leksikal dua bahasa yang bervariasi berdasarkan istilah padanan, istilah bertindih, istilah bercantum, perkara yang sama, istilah unik, istilah yang lebih inklusif, istilah yang lebih kerap dan variasi dalam rujukan.

Analisis data akan dijalankan dalam bab 5.

3.4 Rumusan hasil kajian

Rumusan hasil kajian akan dapat dibaca dalam bab 6

BAB IV

BAHASA SEPANYOL: SUATU PENERANGAN

4.0 Sejarah Ringkas bahasa Sepanyol

Bahasa Sepanyol ialah satu bahasa Roman atau Latin yang berevolusi daripada bahasa Latin Pasar dari Empayar Rom, sama seperti bahasa-bahasa Roman yang lain seperti bahasa Perancis, Itali, Portugis, Catalán, Romania, Gallego, Occitan (Provençal), Corsica, Sardinia, Moldova dan Dalmata. Empayar tersebut yang bermula seawal tahun 27 B.C. merupakan suatu kuasa manusia yang hampir tiada tandingan pada waktu itu. Litvinenko (1991:6) menerangkan yang bahasa Latin dituturkan di kawasan Latium dan kawasan-kawasan sekitarnya di rantau yang dikenali sebagai Itali sekarang.

Bahasa Sepanyol atau nama asalnya “Castellano” berasal dari bahagian tengah zon Utara Semenanjung Iberia yang pada ketika itu dikenali sebagai Castilla, iaitu mencakupi komuniti-komuniti autonomi Castilla-La Mancha, Castilla y León dan Madrid sekarang. Selepas kejatuhan Empayar Rom pada kurun kelima, pengaruh *latín culto*, iaitu bahasa Latin standard, telah berkurangan di kalangan rakyat. Perkara ini ditambahkan lagi dengan siri pencerobohan puak-puak Jermanik, sehingga Hispania diperintah hampir

sepenuhnya oleh puak Visigoth. Zagana(2002:3) menerangkan yang ketika pentadbiran Visigoth menjadi semakin lemah, sejajar dengan peningkatan feudalisme menyebabkan pembentukan perlahan-lahan varian bahasa Latin dalam Semenanjung Iberia. Perkara ini disebut sebagai “bahasa Latin Pasar” yang kemudiannya dituturkan sehinggalah kedatangan Islam ke Semenanjung Iberia yang membahagikan semenanjung tersebut kepada dua bahagian, bahagian berbahasa Roman di utara dan bahagian berbahasa Arab dan Berber di Selatan. Bahasa-bahasa Roman tersebut ialah *castellano* (bahasa Sepanyol sekarang), *catalán* dan *gallego-portugues* beserta dialek-dialek bersejarah *asturianu*, *aragonés* dan *leonés*. Dialek Castellano yang asal, dengan pengaruh Arab dan Vasco menular ke Selatan setelah “Penaklukan Semula” tentera Kristian Isabel dan Fernando

lengkap pada tahun 1492. Pada tahun itu juga, sewaktu penyatuan Sepanyol bermula, Antonio de Nebrija menerbitkan suatu modul tatabahasa yang diberi nama “*Grammatica*” di Salamanca. Ia merupakan peraturan tatabahasa Sepanyol yang pertama pernah ditulis dan juga peraturan tatabahasa suatu bahasa Eropah moden yang pertama diterbitkan.¹³

Dengan peluasan Empayar Sepanyol pada kurun ke-16 hingga ke Virreinos del Perú, Nueva España, Nueva Granada, el Río de la Plata dan Filipina, bahasa Sepanyol turut berkembang dan menjadi bahasa rasmi bagi tanah-tanah jajahan tersebut hingga sekarang kecuali Filipina. Di Filipina wujud satu tempoh rehat yang panjang semenjak Presiden Corazón Aquino mengisytiharkan bahasa Sepanyol bukan lagi salah satu bahasa rasmi di republik tersebut pada tahun 1987, selari dengan pemansuhan bahasa Sepanyol sebagai bahasa wajib dipelajari dalam pendidikan tinggi (Jubilado 2004). Namun begitu, di Filipina terdapat satu bahasa kreol yang di bahagian selatan negara tersebut, dikenali sebagai Chabacano. Terdapat tiga varian Chabacano yang masih wujud dan terpenting iaitu caviteño, zamboangueño dan cotabateño. Chabacano merupakan campuran bahasa Sepanyol dengan pelbagai bahasa tempatan seperti Tagalog, Cebuano dan lain-lain dengan mengikut sintaks bahasa-bahasa tempatan tersebut. Presiden Gloria Macapagal Arroyo mengisytiharkan bermula 2009, bahasa Sepanyol diiktiraf kembali sebagai salah satu bahasa rasmi dan diajar di semua peringkat pendidikan rasmi Filipina.

¹³ de Nebrija (2004:Prakata)

4.1 Kawasan Geografi bahasa Sepanyol

Bahasa Sepanyol ialah salah satu bahasa yang digunakan secara rasmi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ia dituturkan setiap benua di dunia dan merupakan bahasa rasmi bagi 21 buah negara benua Amerika, Eropah, Afrika dan mempunyai status yang penting di Filipina.

Peta berikut menunjukkan kawasan yang dicakupi oleh bahasa Sepanyol¹⁴:

Rajah 4.0 Kawasan Geografi bahasa Sepanyol



¹⁴ Ceuta dan Melilla, dua bandar Sepanyol di atas tanah Afrika yang dikelilingi oleh wilayah-wilayah Maghribi dan kepulauan milik

Sepanyol, Las Islas Canarias terletak di Lautan Atlantik dalam perairan Afrika. Bahasa Sepanyol juga telah diiktiraf semula sebagai salah satu bahasa rasmi di Filipina pada tahun 2009 walaupun tidak dituturkan secara meluas.

4.2 Real Academia Española

Real Academia Española (RAE) ialah sebuah badan agensi kerajaan Sepanyol yang bertanggungjawab mengawal perkembangan bahasa Sepanyol daripada aspek leksikografi, tatabahasa, ortografi dan pangkalan data linguistik. Setiap tahun, ahli-ahlinya yang dilantik di kalangan 21 negara anggota bersidang untuk meluluskan istilah-istilah baru dan membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh bahasa Sepanyol sebagai sebuah bahasa antarabangsa. Ia ditubuhkan pada tahun 1713 hasil inisiatif bangsawan Sepanyol, Juan Manuel Fernández Pacheco, *Marques de Villena*, Alicante. Pada masa sekarang, cawangan-cawangan RAE di seluruh dunia ialah seperti berikut:

- i. Real Academia Española (Sepanyol dan Induk)
- ii. Academia Argentina de Letras (Argentina)
- iii. Academia Boliviana de la Lengua (Bolivia)
- iv. Academia Chilena de la Lengua (Chile)
- v. Academia Colombiana de la Lengua (Colombia)
- vi. Academia Costarricense de la Lengua (Costa Rica)
- vii. Academia Cubana de la Lengua (Cuba)
- viii. Academia Dominicana de la Lengua (Republica Dominicana)
- ix. Academia Ecuatoriana de la Lengua (Ecuador)
- x. Academia Filipina de la Lengua Española (Filipina)
- xi. Academia Guatemalteca de la Lengua (Guatemala)
- xii. Academia Hondureña de la Lengua (Honduras)
- xiii. Academia Mexicana de la Lengua (Mexico)
- xiv. Academia Nacional de Letras de Uruguay (Uruguay)
- xv. Academia Nicaragüense de la Lengua (Nicaragua)

- xvi. Academia Norteamericana de la Lengua Española (Amerika Utara: Amerika Syarikat dan Canada)
- xvii. Academia Panameña de la Lengua (Panamá)
- xviii. Academia Paraguaya de la Lengua Española (Paraguay)
- xix. Academia Peruana de la Lengua (Perú)
- xx. Academia Puertorriqueña de la Lengua Española (Puerto Rico)
- xxi. Academia Salvadoreña de la Lengua (El Salvador)
- xxii. Academia Venezolana de la Lengua (Venezuela)

Keunikan komuniti penutur Sepanyol di seluruh dunia ialah mereka amat menghormati RAE dan menerima pakai segala istilah yang diluluskan oleh institusi tersebut. Perkara ini ekoran polisi badan tersebut yang sangat strategik, dengan setiap negara penutur mempunyai wakil yang amat berkredibiliti tinggi dalam RAE dan bebas mencadangkan atau mendebatkan sesuatu istilah atau isu tanpa kekangan ideologi atau politik kepartian. Fungsinya bukan sahaja menetapkan istilah-istilah yang telah diterima pakai, malah memastikan bahasa Sepanyol terus relevan bukan sahaja di kalangan negara-negara pengguna bahasa tersebut, malah di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara yang mempunyai penggunaan bahasa Sepanyol yang signifikan.

4.3 Instituto Cervantes

Membicarakan mengenai bahasa Sepanyol tidak akan lengkap tanpa menyentuh mengenai Instituto Cervantes (IC). IC ditubuhkan oleh Kerajaan Sepanyol pada tahun 1991 bersempena nama tokoh sastera terulung Sepanyol, Miguel de Cervantes Saavedra (1547–1616), pengarang adiknya Don Quixote de la Mancha (Bahagian I - 1605, Bahagian II - 1615). Tujuan penubuhannya ialah untuk mempromosikan pembelajaran dan pengajaran bahasa serta budaya Sepanyol dan Amerika Hispanik

(*hispanoamericana*) di seluruh dunia. Ia mengambil *British Council* bagi bahasa Inggeris dan *Goethe Institut* bagi bahasa Jerman sebagai model. Laman rasmi Instituto

Cervantes, <http://www.cervantes.es> menerangkan fungsi-fungsi institut tersebut, antaranya:

- i) Mengelola kursus-kursus am dan spesifik bahasa Sepanyol serta bahasa-bahasa *rasmi* lain seperti Catalán, Valenciano, Gallego dan Vasco.
- ii) Menyelaras peperiksaan dan mengeluarkan *Diplomas de Español como Lengua Extranjera – DELE* (Diploma bahasa Sepanyol sebagai Bahasa Asing) bagi pihak Kementerian Pendidikan dan Sains Sepanyol.
- iii) Mengemas kini kaedah pengajaran dan latihan perguruan.
- iv) Menyokong karya dan hasil kerja para pengkaji hispanisme (*hispanistas*) di seluruh dunia.
- v) Mengelola dan menyertai program-program penyebaran bahasa Sepanyol di seluruh dunia.
- vi) Menyediakan perpustakaan fizikal dan maya serta memajukan teknologi terkini untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya Sepanyol-*hispanoamericana*.

Kini terdapat 73 cawangan Instituto Cervantes di seluruh dunia, bersedia melaksanakan fungsi semasa dan akan datang demi kegemilangan bahasa yang indah ini. Cawangan-cawangan itu disusun mengikut abjad negara, ialah:

Jadual 4.0 Senarai cawangan Instituto Cervantes di seluruh dunia mengikut abjad negara

| BIL. | CAWANGAN | NEGARA |
|-------------|-------------------|------------------|
| 1. | Oran | Algeria |
| 2. | Algiers | Algeria |
| 3. | Chicago | Amerika Syarikat |
| 4. | New York | Amerika Syarikat |
| 5. | Seattle | Amerika Syarikat |
| 6. | Sidney | Australia |
| 7. | Vienna | Austria |
| 8. | Utrecht | Belanda |
| 9. | Brussels | Belgium |
| 10. | Belo Horizonte | Brazil |
| 11. | Brasilia | Brazil |
| 12. | Curitiba | Brazil |
| 13. | Porto Alegre | Brazil |
| 14. | Recife | Brazil |
| 15. | Florianopolis | Brazil |
| 16. | Rio De Janeiro | Brazil |
| 17. | Salvador De Bahia | Brazil |
| 18. | Sao Paulo | Brazil |
| 19. | Leeds | Britain |

| | | |
|-----|------------|----------|
| 20. | London | Britain |
| 21. | Manchester | Britain |
| 22. | Bratislava | Bulgaria |

| | | |
|-----|-------------|-----------|
| 23. | Sofia | Bulgaria |
| 24. | Albuquerque | Canada |
| 25. | Calgary | Canada |
| 26. | Beijing | China |
| 27. | Zagreb | Croatia |
| 28. | Manila | Filipina |
| 29. | Athens | Greece |
| 30. | Budapest | Hungary |
| 31. | Rejkjavik | Iceland |
| 32. | New Delhi | India |
| 33. | Jakarta | Indonesia |
| 34. | Dublin | Ireland |
| 35. | Tel-Aviv | Israel |
| 36. | Rom | Itali |
| 37. | Milan | Itali |
| 38. | Napoli | Itali |
| 39. | Palermo | Itali |
| 40. | Tokyo | Jepun |
| 41. | Berlin | Jerman |
| 42. | Bremen | Jerman |
| 43. | Frankfurt | Jerman |

| | | |
|-----|---------|--------|
| 44. | Hamburg | Jerman |
| 45. | Múnich | Jerman |
| 46. | Amman | Jordan |
| 47. | Beirut | Lubnan |

| | | |
|-----|--------------|----------------|
| 48. | Casablanca | Maghribi |
| 49. | Fez | Maghribi |
| 50. | Marrakech | Maghribi |
| 51. | Rabat | Maghribi |
| 52. | Tanger | Maghribi |
| 53. | Tetuan | Maghribi |
| 54. | Kuala Lumpur | Malaysia |
| 55. | Iskandariah | Mesir |
| 56. | Kaherah | Mesir |
| 57. | Bordeaux | Perancis |
| 58. | Lyon | Perancis |
| 59. | Paris | Perancis |
| 60. | Toulouse | Perancis |
| 61. | Krakow | Poland |
| 62. | Warsaw | Poland |
| 63. | Lisbon | Portugal |
| 64. | Prague | Republik Czech |
| 65. | Bucharest | Romania |
| 66. | Moscow | Rusia |
| 67. | Belgrade | Serbia |

| | | |
|-----|-------------|----------|
| 68. | Ljubljana | Slovenia |
| 69. | Stockholmes | Sweden |
| 70. | Damsyik | Syria |
| 71. | Túnis | Tunisia |

| | | |
|-----|----------|---------|
| 72. | Istanbul | Turki |
| 73. | Hanoi | Vietnam |

Dapat diperhatikan selain daripada fungsi-fungsi yang telah disebutkan di atas, RAE bertugas meneruskan kesinambungan bahasa Sepanyol di negara-negara yang menggunakannya secara rasmi. IC pula berfungsi mengembangkannya ke negara-negara yang mempunyai kepentingan bahasa Sepanyol sebagai bahasa kedua dan ketiga seperti Brazil, Amerika Syarikat dan Maghribi; juga ke negara-negara lain sebagai bahasa asing.

4.4 Sintaksis bahasa Sepanyol


Sintaksis berasal daripada perkataan bahasa Latin *sintaxis* yang dipinjam daripada bahasa Greek. σύνταξις iaitu gabungan σύν (sun, “dengan”) bersama τάξις (taksis, “susunan”), daripada συντάσσειν, disebut “suntassein”, yang bermaksud “menyelaras”. Secara umumnya, ia merupakan kajian prinsip-prinsip dan peraturan yang mengendalikan struktur ayat bagi suatu bahasa. DRAE menerangkan yang sintaksis ialah:

- i. (Tatabahasa). Sebahagian daripada tatabahasa yang menunjukcara untuk menyelaras dan menggabung perkataan-perkataan untuk membentuk ayat dan mengekspresikan konsep.
- ii. (Teknologi Maklumat) Segerombolan peraturan yang mendefinisikan urutan unsur-unsur bahasa pengaturcaraan yang betul.

Dalam disiplin linguistik, teori Tatabahasa Generatif (TBG: *Generative Grammar*) yang diformulakan oleh Noam Chomsky ialah suatu hasil kerja yang amat penting dalam bidang sintaksis dan juga morfologi. TBG dapat digambarkan dan dibandingkan dengan bantuan hierarki Chomsky yang dicadangkan oleh beliau pada tahun 1950. Perkara ini menetapkan siri jenis tatabahasa formal dengan meningkatkan daya ekspresif. Antara

jenis yang paling ringkas ialah Tatabahasa Biasa (TBB: *Regular Grammar*, jenis 3). Chomsky menegaskan bahawa TBB tidak mencukupi sebagai model untuk bahasa manusia kerana semua bahasa manusia membenarkan pembenaman berpusat (*center-embedding*) suatu deretan kata ke dalam deretan kata yang lain. Pada tahap kerumitan yang lebih tinggi, wujud Tatabahasa Bebas Konteks (TBBK: *context-free grammars*, jenis 2). Penerbitan ayat dengan tatabahasa dapat digambarkan sebagai pohon terbitan. Ahli bahasa bekerja dalam tatabahasa generatif sering melihat pohon terbitan seperti objek utama kajian. Menurut pandangan ini, ayat bukan hanya serangkaian kata-kata, malah sebagai pohon dengan cabang-cabang bawahan dan lebih tinggi dihubungkan pada nod. Pada dasarnya, model pohon berfungsi seperti contoh ini, dengan S ialah ayat (*sentence*), D ialah penentu (*determiner*), N kata nama (*noun*), kata kerja V(*verb*), NP sebuah frasa nomina (*noun phrase*) dan VP frasa kata kerja(*verb phrase*):

Rajah 4.01 Model Rajah Pokok



Ayat yang dihasilkan ialah “*the boy kicked the ball*”. Rajah pohon juga disebut penanda frasa. Mereka boleh mewakili lebih mudah dalam bentuk teks, (walaupun hasilnya agak sukar dibaca), dalam format ini ayat di atas akan diterjemahkan sebagai: [S [NP [D The] [N boy]] [VP [V kicked] [NP [D the] [N ball]]]]

Chomsky (1956) menyatakan bahawa frasa struktur tatabahasa juga tidak mencukupi untuk menggambarkan bahasa tabi’i, dan telah merumuskan sistem yang lebih kompleks dalam Tatabahasa Transformasi.

Zagona (2002:3) merumuskan yang sintaksis bahasa Sepanyol amat hampir dengan sintaksis bahasa-bahasa Indo-Eropah yang lain, yang mana ia menunjukkan kekayaan morfologi kata kerja yang lebih berbanding morfologi kata nama. Ia juga mengandungi pergerakan frasa tanya dan frasa kata nama yang lebih terbuka. Sifat-sifat lainnya pula adalah sangat ketara seperti dalam bahasa-bahasa Roman yang lain seperti susunan kawasan *head-initial*, klitik berpandu kata ganti nama, kerukunan negatif, keakuran persetujuan morfologi yang kaya dan keakuran subjek kosong. Terdapat dua perkara yang agak unik bagi bahasa Sepanyol berbanding bahasa-bahasa Roman lain iaitu “a personal” dan klitik berganda bagi Objek Tidak Langsung serta Objek Langsung dalam kes dialek atau bahasa kolokial.

Menurut Conde (2002:4), sintaksis mempunyai matlamat mengkaji struktur bahasa melalui gabungan perkataan-perkataan untuk membentuk pelbagai struktur.

4.4.1 Konsep-konsep asas

Conde (ibid) turut menyatakan yang “sintaksis pada asasnya bertujuan mempelajari struktur bahasa sebagai kombinasi kata untuk membentuk struktur. Oleh itu, ketika mempelajari bahasa apa pun, struktur yang membentuknya haruslah dilihat”.

Dalam sintaksis, sekurang-kurangnya pada tahap ini, struktur yang berada di bawah perkataan atau leksem tidak dipertimbangkan, walaupun morfem dan leksem ialah juga

sebahagian daripada sintaksis. Kedua-dua aspek tersebut merupakan aspek tradisional kajian morfologi. Hal-hal utama yang akan dibincangkan ialah: kata, sintagma dan ayat (tanpa membezakan sekarang antara ayat dan klausa). Sintaksis generatif bermula dengan analisis ayat, unit yang lebih besar, dan menyimpulkan kepada elemen terkecil iaitu kata. Setiap kata yang ditemui dalam bahagian terbawah rajah pepohon, sehingga akhir daripada sebuah nod hanya boleh diisi oleh satu perkataan. Struktur menengah, iaitu sintagma, dianggap tidak lebih daripada satu unjuran kata.

Jadi ketika mengambil kira kata nama, seperti:

1) *casa*

Boleh dikatakan bahawa kes tersebut tidak hanya kata nama, tetapi juga sintagma kata nama (SN) yang terdiri daripada elemen tunggal. Jika dimasukkan dalam ayat untuk melihat ini dengan lebih jelas, SN mempunyai makna dalam ayat:

2) *Tiene* [_{SN} [_N *casa*]]

3) *Tiene* [_{SN} [_N *una casa*]]

4) *Tiene* [_{SN} [_N *una casa amplia*]]

Hal ini dalam semua kes, benar bagi SSNN yang berfungsi sebagai objek langsung (OD). Walaupun benar bahawa ada banyak jenis kata, hanya segelintir daripadanya mempunyai erti, iaitu bahawa daripada sudut pandangan semantik memiliki sebuah leksem. Perkara ini ialah jenis perkataan-perkataan utama, juga disebut kategori leksikal, iaitu:

- kata nama (N)
- kata kerja (V)
- Kata sifat (A)
- Kata sendi (P)

Ada juga kategori berfungsi, iaitu item yang terutamanya berkaitan dengan kata kerja, tetapi yang berimbas pada seluruh ayat. Perincian akan diberikan kemudian, tetapi sekarang mengutip beberapa kategori berfungsi:

- keakuran subjek dengan kata kerja (CONCS)
- hubungan objek dengan kata kerja (CONCO)
- Pelengkap (C)
- Penentu/penunjuk (D)
- Masa (T)

Pada awalnya, semua kategori ini termasuk yang lain-lain tidak akan dikembangkan dan kita akan coba melihat hanya kategori-makro yang merangkumi semua yang lain dan disebut fleksi (F).

4.4.2 Teori Bar-X


Salah satu kategori di atas berlaku dalam sebuah sintagma, sebuah teori yang dikenali sebagai bar-X. Ambil kelas X, unjuran maksimum ialah SX (sintagma atau frasa X), sedangkan nukleusnya, kategori kata itu ialah X.


Garis besar yang ditunjukkan di bawah ini ialah salah satu yang dapat dikembangkan pada semua item. Semua ruang mungkin menjadi kosong, kecuali bahagian teras yang biasanya merupakan bahagian terpenting.

Perkara ini juga merupakan peraturan sintaksis yang mana peralihan dari tempat lebih tinggi ke tahap yang lebih rendah ialah sentiasa berbentuk binari, walaupun mungkin salah satu tahap berikut menjadi kosong pada banyak keadaan.

Struktur Bar-X ditunjukkan pada Rajah 4.1

Rajah 4.1: Struktur Asas bar-X





Pada tahap seterusnya, dapat dilihat yang boleh ada lebih daripada satu pengkhusus, pelengkap dan kepilan.

Sebagaimana dinyatakan di atas, X ialah nukleus, tetapi unsur-unsur lain mempunyai peranan penting juga:

- **Pengkhusus:** merupakan elemen yang memberikan maklumat tambahan. Misalnya, kata keterangan *sólo* ialah pengkhusus bagi kata kerja dalam:

Los chicos [_{SV} *sólo quieren jugar*]

Sekiranya diterjemah secara harfiah: “Budak-budak tersebut hanya mahu bermain”.

- **Pelengkap:** suatu elemen yang perlu supaya nukleus mempunyai makna. Dalam kes sebelum ini, fungsi ini dilaksanakan oleh *jugar*, kerana ayat tanpa elemen ini tidak mempunyai sebarang makna:

**Los chicos* [_{SV} *sólo quieren*]

: Budak-budak tersebut hanya mahu

- **Kepilan:** suatu elemen tambahan yang boleh dielakkan. Sebagai contoh “*ahora*”, jika dihapuskan tidak merosakkan maksud ayat:


Los chicos [_{SV} *sólo quieren jugar ahora*]

: Budak-budak tersebut hanya mahu bermain sekarang.

Dalam Rajah 4.2 dapat dilihat struktur sebuah SN seperti:

: Kehampaan besar kelab (tersebut) (disebabkan) oleh kekalahan (itu).

Rajah 4.2 Contoh struktur sebuah SN



(Nota: Bentuk segitiga menunjukkan elemen akhir tidak dibentuk dengan lengkap)

Sebenarnya, bentuk di atas dimulakan dengan Sintagma Penunjuk (SD) kerana Kata Penunjuk (D), seperti akan dapat dilihat selepas ini, sebenarnya berada di luar Sintagma Nama (SN)

4.4.3 Struktur Asas Ayat

Struktur asas ayat dapat dikelaskan kepada jenis-jenis berikut:

4.4.3.1 Sintagma flektif

Jika elemen flektif tidak diambil kira, suatu ayat hanya mempunyai bentuk infinitif seperti berikut:

A) *Las chicas tomar agua*

: Budak-budak perempuan (itu) minum air

Pelbagai elemen terlibat dalam proses menghasilkan perubahan daripada ayat di atas (A) kepada ayat di bawah ini (B):

B) *Las chicas tomaban agua*

Dua elemen asas yang muncul dalam B) yang memberi pengesahan kepada ayat tersebut ialah faktor kala dan keakuran antara subjek dan kata kerja.

Seperti disebut sebelum ini, elemen-elemen ini akan dibincangkan kemudian, yang mana perbincangan semasa ialah pada tahap kategori makro iaitu fleksi. Fleksi secara asasnya merujuk kepada keakuran dan kepada kala.


4.4.3.2 Kedudukan SF (Sintagma Flektif)

Mengambil kira kepentingan SF dalam kewujudan ayat-ayat yang betul, elemen ini akan diterangkan terlebih dahulu.

Pada peringkat awal tatabahasa generatif dan teori-teori lain, perwakilan ayat dilakukan bermula dari bahagian ayat (O). Hasilnya ialah seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 4.3:


El gato bebía leche : Kuching (tersebut) (telah) minum susu

Rajah 4.3 Kedudukan SF (Sintagma Flektif)



Sebenarnya, struktur ini tidak mengambil elemen-elemen yang ditunjukkan sebelum ini yang termasuk dalam fleksi berkaitan. Dalam teori primitif generatif ia dimasukkan, tetapi bermula dalam tahun-tahun 80-an, SF mengambil kedudukannya seperti sekarang, secara $O \Rightarrow SF$. Dalam kaedah ini, contoh dalam rajah sebelum ini menjadi:

Rajah 4.4 Kedudukan SF (Sintagma Flektif) II




Secara realitinya perwakilan ini tidaklah begitu, namun sebagai permulaan ia ditunjukkan sedemikian. Seperti yang dapat dilihat, SN pertama ialah subjek, manakala yang kedua ialah Objek Langsung (OD). Konsep-konsep sebegini, dalam teori generatif, muncul dengan ditandakan oleh posisinya dalam ayat.

4.4.3.3 Subjek dan objek sebagai pelengkap dan kepilan dalam SV

Dalam kajian sintaksis, situasi subjek dan objek biasanya diwakili sebagai dua elemen yang bergantung kepada kata kerja, yang pertama disebut pengkhusus (*especificador*) dan yang kedua sebagai pelengkap (*complemento*). Kadang-kadang situasi ini agak kompleks kerana terdapat pelbagai jenis subjek. Namun pada tahap ini akan dapat dilihat bagaimana kata kerja memilih elemen-elemen ini. Anggapan sekarang ialah sama ada subjek atau objek, kedua-duanya ialah SSNN:

Rajah 4.5 Kedudukan asal SV



:Paco makan mi

Contoh ini kekurangan i'rab yang sepatutnya. Supaya suatu ayat mempunyai aspek yang boleh diterima, suatu kata kerja mesti dii'rab untuk menjadikan kata kerjanya akur dengan subjek. Dengan itu SF diperkenalkan.


Boleh dilihat bagaimana kata kerja cenderung untuk bergerak dari SV ke arah SF untuk menerima i'rab.

Beberapa keadaan diambilkira:

- a) *Paco come fideos.*
- b) *Paco ha comido fideos*
- c) *Paco está comiendo fideos.*


Jadi, perwakilan-perwakilan terlibat bervariasi secara minimumnya sebagai:

Rajah 4.6a Kedudukan asal SV dengan pengkhusus (Especificador)



menjadi seperti Rajah 4.6b:

Rajah 4.6b Kedudukan SV selepas pergerakan kata kerja




Perbezaan antara 4.6a dengan 4.6b ialah bagi yang pertama, kata kerja dan subjek berada pada tempat biasa masing-masing. Tetapi dalam 4.6b, kata kerja bergerak ke F untuk menyesuaikan dengan kala dan keakuran. Tempat primitif V tempat ia dijana kini menjadi kosong. Namun begitu, ruang kosong itu menjadi ruang yang tidak boleh diisi oleh mana-mana perkataan lain, sekurang-kurangnya bagi kes ini. Tempat asal ini disebut sebagai **huella** (tinggalan; tapak kaki); Pada masa yang sama, subjek tersebut bergerak ke tempat pertama. Jika tidak, ayat seperti berikut akan terhasil:

Come Paco fideos.

Ayat tersebut bukanlah salah dalam bahasa Sepanyol, subjek kekal di tempatnya dan hanya kata kerja berubah tempat.

Pergerakan kedua-dua elemen tersebut, kata kerja dan subjek, kini telah diindekskan, maksudnya, setiap *huella* dipunyai oleh suatu elemen yang telah digerakkan ke tempat lain.

[_{SF} *Paco*_i [_F*come*_j [_{SV} *h*_i [_V *h*_j [_{SN} *tfideos*]]]]].



Pergerakan sebegini sentiasa berlaku dalam banyak bahasa, terutamanya bahasa-bahasa Roman seperti bahasa Sepanyol. Ekoran itu, diterbitkan dua peraturan untuk memuaskan pergerakan sebegini:


Peraturan 1: Kata kerja yang telah dii'rab sentiasa naik ke kedudukan tertinggi:

Nukleus SF > F.

Peraturan 2: Subjek sentiasa menemani kata kerja dalam pergerakan ini.

Bila ada kata kerja bantu (*verbos auxiliares*), ia mengisi tempat F supaya V tidak tinggal kosong.

Rajah 4.7 Kedudukan SV dengan kata kerja bantu



Seperti yang jelas kelihatan, V diisi oleh *participle* “*comido*”, dan hanya subjek yang digerakkan.

4.4.4 Mengenai sintagma bahasa Sepanyol

Sintagma bahasa Sepanyol menunjukkan beberapa pengkelasan tertentu:

4.4.4.1 Sintagma berfungsi

Sebagaimana telah dilihat setakat ini, sintagma memainkan peranan penting dalam sintaksis. Selain daripada perkara-perkara yang secara tradisionalnya dikenali sebagai leksikal, iaitu kumpulan kata yang mengandungi kata nama (N), kata kerja (V), kata sendi (P) dan kata sifat (A) sebagai teras (nukleus), wujud perkara-perkara lain yang boleh dianggap gramatis. Perkara-perkara ini daripada sudut pemberian makna fungsinya sangat sedikit, tetapi dalam struktur bahasa itu ia mempunyai peranan yang sangat penting. Seterusnya, sebahagian daripada perkara tersebut akan dianalisis, dengan menekankan kepada golongan yang paling penting.

Kebanyakan fungsi sintagma dapat digolongkan menjadi tiga kumpulan bergantung pada jenis nukleus yang mereka miliki dan kategori yang biasanya ia berhubungan:


- a) sintagma kata kerja berfungsi: sintagma akur subjek (SCONCS), sintagma akur objek (SCONCO), sintagma diatetik (SDIAT)
- b) sintagma kata nama berfungsi : sintagma penentu (yang boleh diwakilkan sebagai sintagma penjumlah (SQ))

4.4.4.1.1 Sintagma Kata Nama (SN)

Sintagma kata nama ialah sintagma yang memiliki kata nama sebagai nukleus leksikal. Boleh juga dilihat dengan cara yang berbeza:

Rajah 4.8 Struktur Sintagma Kata Nama (SN)

SN => N SX




Kes SX akan dilihat selepas ini.

Dalam bahasa Sepanyol, fungsi Objek Langsung (OD) boleh muncul tanpa apa-apa kata penunjuk.

Rajah 4.9 Struktur SN dengan ObjekLangsung

SN => N



*Queremos **regalos***: Kami mahu **hadiah**

***Luisa** es simpática* : Luisa (seorang yang) baik.


***Jugar** desahoga* : Bermain melegakan.

***Jugar con un amigo** desahoga*: Bermain dengan seorang kawan melegakan.

Ada beberapa kes walaupun tidak banyak, yang mana N menerima satu pengkhusus, iaitu kata sifat yang mempunyai ciri-ciri yang pelbagai.

Rajah 4.10 Struktur SN dengan Pengkhusus

SN => SA N



Siete años: **Tujuh** tahun

Qué partido: Perlawananan **hebat**!

Buena persona: Orang baik


Gran amigo: Kawan yang **hebat**

4.4.4.1.2 Sintagma penentu/penunjuk (SD)

Sintagma penentu/penunjuk ialah satu kategori berfungsi kata nama. Ia sentiasa wujud dengan diikuti oleh sebuah SN.

Rajah 4.11 Struktur Sintagma penentu/penunjuk

SD => D SN



La mujer : Perempuan (**itu**)

Mucho/ poco/ bastante dinero:

Banyak/sedikit/cukup duit

Mis / tus cosas: Barang-barang

saya/awak


Estos / aquellos años : Tahun-tahun

(kebelakangan) **ini**

SD juga mempunyai varian yang lain yaitu Sintagma Penjumlah. SQ dan SD juga boleh wujud pada ketika yang sama.

Rajah 4.12 Struktur Sintagma Penjumlah I

SQ -> Q SD SD -> D SN



Sebenarnya Q ialah satu bentuk D yang digunakan supaya D tidak diulang dua kali.


Todos los años : **Setiap** tahun (tersebut)

Con toda mi alma : Dengan **seluruh** jiwaku

Ia juga boleh wujud dalam turutan seperti di atas atau berlainan.

Rajah 4.13 Struktur Sintagma Penjumlah II

SD -> D SQ SQ -> Q SN



La primera vez: Kali pertama (tersebut)


Los cuatro caminos: **Empat** laluan (tersebut)

SN sentiasa ditadbir oleh suatu SD tetapi kerap kali juga SN dikembangkan sendiri dengan pelengkap. Sifat asal mana-mana pelengkap (SX) sangat pelbagai. Ia mungkin menjadi SP, SA dan juga SC, yang mana SC biasanya ialah suatu klausa yang dimasukkan.

Rajah 4.14 Struktur SN dengan pelengkap SX

SD -> D SN

SN -> N SX (= SP / SA/ SC)



Di sini, SX boleh menjadi:


- (1) vieja(SA) : lama
- (2) de horror (SP) : jenis seram
- (3) con escenas (SP): dengan (pelbagai) adegan
- (4) para la crítica (SP) : untuk kritikan
- (5) que ví (SC) : yang telah saya tonton
- (6) para ver (SP -> P SC) : untuk ditonton

Dapat dilihat di bawah suatu SP sebagai pelengkap suatu SN:

Una película de o horror/ con o escenas/ para la crítica

: Sebuah filem **seram** / dengan (pelbagai) **adegan** / untuk **kritikan**

Rajah 4.15 SP sebagai pelengkap suatu SN




SN acapkali mempunyai pelengkap dan kepilan, seperti dalam contoh di bawah:

*Un becerro **alegre de vaca*** : Seekor anak (binatang seperti lembu) **lembu yang riang**

****becerro**: anak binatang jenis lembu seperti anak lembu, kerbau, seladang dan lain-lain


Rajah 4.16 SN dengan pelengkap dan kepilan



SN juga boleh diisi oleh suatu pengkhusus dan satu pelengkap, seperti contoh di bawah:

*Un **pobre** chico **perezoso***: Seorang budak miskin yang malas

Rajah 4.17 SN dengan pelengkap dan pengkhusus



4.5 Morfologi bahasa Sepanyol

Morfologi berasal daripada perkataan Greek $\mu\omicron\rho\phi$ -[morph]: bentuk, dan $\lambda\omicron\gamma\iota\alpha$ [logi] perjanjian). Dalam kajian ini, morfologi ialah cabang linguistik yang mempelajari struktur dalaman perkataan-perkataan untuk mendefinisikan, mengenalpasti dan mengklasifikasikan unit-unitnya, jenis perkataan memberi tempat (morfologi inflektif) dan pembentukan perkataan baru (morfologi leksikal). Unit-unit terkecil yang mempunyai makna dalam disiplin morfologi ini disebut “morfem”. Andersson dan Söderberg (2003:3-4) mengatakan yang terdapat dua jenis morfem yang memiliki perbezaan yang luas:

i) morfem bebas, iaitu morfem yang memiliki makna leksikal sebagai perkataan-perkataan tunggal. Morfem bebas terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama ialah kumpulan kata nama biasa, kata sifat dan kata kerja yang kita anggap sebagai perkataan yang membawa mesej yang boleh disampaikan. Morfem ini juga disebut morfem leksikal. Morfem jenis ini boleh ditambah ke bahasa baru dengan mudah, jadi mereka dianggap sebagai perkataan kelas terbuka.

Kumpulan kedua morfem bebas ialah morfem berfungsi. Kumpulan ini sebahagian besarnya terdiri daripada perkataan-perkataan berfungsi dalam bahasa seperti kata hubung, kata sendi, artikel dan kata ganti nama. Oleh kerana kita hampir tidak pernah menambah morfem berfungsi baru dalam mana-mana bahasa, maka kumpulan ini dinamakan sebagai perkataan kelas tertutup.

ii) morfem terikat, yang biasanya melekat pada bentuk lain, misalnya bagi bahasa Inggeris: -S,-er dan -ing. Ia juga disebut afiks atau akhiran. Himpunan akhiran yang jatuh ke dalam kategori terikat juga boleh dibahagikan menjadi dua jenis iaitu morfem terbitan

(*derivational morpheme*) dan morfem teri'rab (*inflectional morpheme*). Morfem terbitan digunakan untuk membentuk perkataan-perkataan baru daripada kategori gramatis yang berbeza daripada kata akar. Dengan demikian, penambahan morfem terbitan, *-dad*, perubahan kata sifat *mal*: jahat menjadi kata nama *maldad*: kejahatan. Morfem terbitan meliputi awalan dan akhiran. Set kedua morfem terikat, morfem i'rab, tidak digunakan untuk menghasilkan perkataan-perkataan baru dalam mana-mana bahasa, melainkan untuk menunjukkan aspek fungsi gramatis bagi suatu perkataan. Andersson dan Söderberg(2003:25) mengelaskan perkataan-perkataan bahasa Sepanyol, seperti bahasa-bahasa Roman lain, kepada beberapa kategori:

4.5.1 Kata nama

Kata nama dalam bahasa Sepanyol dikelaskan kepada 10 bahagian:

1. Kata nama biasa yang mempunyai penambahan akhiran *-s* (*hijo – hijos*) atau *-es* (*papel – papeles, bambú - bambúes*) untuk bentuk jamak.
2. Kumpulan kata nama yang mana bentuk jamaknya mempunyai dua bentuk, satu dibentuk dengan *-s* dan satu lagi dengan *-es* (*esquí - esquís/esquíes*)
3. Kumpulan kata nama yang mana bentuk jamaknya dibentuk oleh morfem kosong (*lunes - lunes*)
4. Kumpulan kata nama yang hanya wujud dalam bentuk tunggal (*singular*): (*el dinero - _* (duit)
5. Kumpulan kata nama yang tidak mempunyai bentuk tunggal (*_ - las tijeras*: gunting)
6. Kumpulan kata nama yang menunjukkan manusia, pekerjaan atau kewarganegaraan, yang mana bentuk femininnya diterbitkan daripada bentuk maskulin yang sepadan. (*chico/chica - chicos/chicas, belga/belga - belgas, profesor/profesora - profesores/profesoras*)

7. Kumpulan kata nama yang mengambil artikel maskulin bagi bentuk tunggalnya (*el aula- las aulas*),
8. Kumpulan kata nama yang mempunyai tandaan tegasan (*acento*) bagi bentuk jamak (*joven – jóvenes, examen - exámenes*),
9. Kumpulan kata nama yang dipinjam daripada bahasa Inggeris (*camping - campings*),
10. Kumpulan kata nama ganjil (*irregular: albalá - albalaes*).

4.5.2 Kata sifat

Dalam bahasa Sepanyol, sebahagian besar daripada bentuk perubahan kata sifat, bergantung kepada ciri-ciri maskulin atau feminin, dan juga bergantung pada apakah suatu perkataan itu tunggal atau jamak, jadi i'rab (*inflection*) yang sepadan mestilah mengambil kira dua aspek tersebut: bilangan dan gender. Andersson dan Söderberg (2003:35) telah membahagikan kata sifat kepada lima bahagian:

1. Kata sifat berakhir dengan-o

Dalam bahasa Sepanyol, bentuk feminin biasanya berasal daripada bentuk-bentuk maskulin. Seperti misalnya pada perkataan *buena*, dengan bentuk feminin *buena* berasal daripada bentuk maskulin *bueno*, dengan perubahan berakhiran *-o* untuk *-a*.

2. Kata sifat yang menunjukkan kewarganegaraan

Banyak kata sifat menunjukkan kewarganegaraan bentuk feminin oleh penambahan akhiran-a. Hal ini juga berlaku untuk kata sifat bahasa Sepanyol yang berakhir dengan *-án,-ín,-dor,-tor*, dan *-sor*. (*catalán-catalana, salmantín- salmantina, trabajador-trabajadora, destructor- destructora, defensor-defensora*). Ada beberapa kata sifat yang menunjukkan kewarganegaraan yang mengandungi tandaan tegasan (*acento*) dalam bentuk tunggal maskulin, tetapi tidak dalam bentuk feminin (*inglés-inglesa*).

3. Kata sifat dengan bentuk yang sama pada kedua-dua jenis gender

Perkataan-perkataan sifat jenis ini mempunyai bentuk yang sama pada kedua-dua gender. Kata sifat yang menunjukkan kewarganegaraan pada akhiran *-i, -ense, -e dan -a*, juga termasuk ke kumpulan ini.

4. Kata sifat yang menunjukkan warna

Terdapat sebilangan kecil kata sifat yang asalnya kata nama, kebanyakannya menunjukkan warna, sebagai contoh *naranja* (oren). Kumpulan ini tidak dii'rab sama sekali.

5. Kata sifat ganjil

Dalam bahasa Sepanyol tidak ada bentuk-bentuk perbandingan daripada kata sifat biasa. Bentuk perbandingan hanya terbentuk oleh penambahan *más* (lebih) + kata sifat untuk perbandingan, dan kata penunjuk tentu + *más* + kata sifat untuk superlatif. Namun terdapat sekumpulan kata sifat yang memiliki kata perbandingan khas tanpa menggunakan *más* iaitu:

Jadual 4.1 Kata sifat ganjil

| Bil | Kata sifat | Superlatif | Glos |
|-----|---------------|--------------|-------------------------|
| 1 | <i>Grande</i> | <i>Mayor</i> | besar -> lebih besar |
| 2 | <i>bueno</i> | <i>Mejor</i> | baik -> lebih baik |
| | | | |
| | | | |

| | | | |
|---|----------------|--------------|-----------------------------------|
| 3 | <i>Malo</i> | <i>Peor</i> | teruk -> lebih teruk |
| 4 | <i>Mucho</i> | <i>Más</i> | banyak -> lebih |
| 5 | <i>pequeño</i> | <i>Menor</i> | kecil -> lebih kecil |
| 6 | <i>poco</i> | <i>Menos</i> | sedikit -> lebih kecil; kurang |

4.5.3 Kata kerja

Dalam bahasa Sepanyol, kata kerja adalah jauh lebih kompleks daripada kelas perkataan yang lain. Ia dii'rab menurut kala masa, mood, individu terlibat dan bilangan, bahkan kadang-kadang mengikut gender. Andersson dan Söderberg (2003:39) membahagikan kata kerja kepada beberapa bahagian:

1. Kata Kerja Biasa

Bentuk kata kerja dalam bahasa Sepanyol terdiri daripada kata akar dan akhiran seperti pada perkataan "*hablar*": bercakap;

habl + ar

kata akar + akhiran

Jadual 4.2 I'rab kata kerja *hablar*

| Modo indicativo/Mood indicative | | | Modo subjuntivo/Mood subjunctive | | |
|--|---------|-----------------|----------------------------------|-----------------------|-----------|
| Presente/Present | | | | | |
| -o | -o | -o | -e | -a | -a |
| -as | -es | -es | -es | -as | -as |
| -a | -e | -e | -e | -a | -a |
| -amos | -emos | -ímos | -emos | -amos | -amos |
| -áis | -éis | -ís | -éis | -áis | -áis |
| -an | -en | -en | -en | -an | -an |
| Preterito Imperfecto/ Past Imperfect tense | | | | | |
| -aba | -ía | -ía | -ara/- | -iera/- | -iera/- |
| -abas | -ías | -ías | -aras/- | -ieras/ie | -ieras/ie |
| -aba | -ía | -ía | -ara/- | -iera/- | -iera/- |
| - | -íamos | -íamos | -áramos | - | - |
| -abais | -íais | -íais | -arais / | -ierais | -ierais |
| -aban | -ían | -ían | -aran/- | -iesen/i | -iesen/i |
| Preterito/Simple Past Tense | | | | | |
| -é | -í | -í | - | - | - |
| -aste | -iste | -iste | - | - | - |
| -ó | -ió | -ió | - | - | - |
| -amos | -imos | -imos | - | - | - |
| -asteis | -isteis | -isteis | - | - | - |
| -aron | -ieron | -ieron | - | - | - |
| Futuro/Future | | | | | |
| -é | -é | -é | -are | -iere | -iere |
| -ás | -ás | -ás | -ares | -ieres | -ieres |
| -á | -á | -á | -are | -iere | -iere |
| -emos | -emos | -emos | - | - | - |
| -éis | -éis | -éis | -areis | -iereis | -iereis |
| -án | -án | -án | -aren | -ieren | -ieren |
| Condicional/Conditional | | | Modo Imperativo/Mood imperative | | |
| -ía | -ía | -ía | - | - | - |
| -ías | -ías | -ías | -a | -e | -e |
| -ía | -ía | -ía | -e | -a | -a |
| -íamos | -íamos | -íamos | -emos | -amos | -amos |
| -íais | -íais | -íais | -ad | -ed | -ed |
| -ían | -ían | -ían | -en | -an | -an |
| Infinitivo/Infinite | | Gerundio/Gerund | | Participio/Participle | |
| - | - | - | - | - | - |

Sebagai contoh, bagi *Modo Indicativo, Presente* bagi kata kerja *hablar* ditunjukkan oleh jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3 *Modo Indicativo, Presente* bagi kata kerja *hablar*

| Kata ganti nama | Glos | I'rab (conjugación) | Glos |
|------------------------|---|--------------------------------|----------------------------|
| Yo | saya | Hablo | saya makan |
| Tú | awak | Hablas | awak makan |
| él/ella/usted | dia lelaki/dia perempuan/ anda | Habla | dia/anda makan |
| nosotros/as | kami lelaki/kami perempuan | Hablamos | kami makan |
| vosotros/as | awak ramai lelaki/awak ramai perempuan | Habláis | awak ramai makan |
| ellos/ellas/ustedes | mereka lelaki/mereka perempuan/anda ramai | Hablan | mereka/anda ramai makan |

2. Kata kerja ganjil

Dalam bahasa Sepanyol kata kerja bantu adalah ganjil.

- Perubahan vokal pada kata akar: kata kerja mungkin mempunyai perubahan vokal pada kata akar, dengan: *e* → *i*; *e* → *í*; *o* → *u*; *i* → *y*; *u* → *o*
- Diftong: kata kerja tertentu, yang mengandungi *e*, *i*, *o*, *u* atau *ü* pada kata akar, mendapat sebuah diftong dengan: *e* → *ie*; *e* → *ye*; *i* → *ie*; *o* → *hue*; *o* → *ue*; *o* → *üe*; *u* → *ue*; *u* → *uy*; *ü* → *üy*
- Perubahan ortografi dengan: *c* → *g*; *c* → *j*; *c* → *z* sebelum *-a* dan *-o*; *c* → *zc*; *c* → *zg*; *c* → *qu* sebelum *-e*; *g* → *gu* sebelum *-e*; *z* → *c* sebelum *-e*; *g* → *j* sebelum *-a* and *-o*; *gu* → *g* sebelum *-a* and *-o*; *gu* → *gü* sebelum *-e*; *s* → *sg*; *q* → *c*; *u* → *ü*;

d) Tandaan tegasan (acento) pada *e* -> *é*; *i* -> *í*; *u* -> *ú*

e) Kombinasi daripada beberapa di atas:

-Beberapa kata kerja yang memiliki perubahan vokal dan perubahan ortografi pada masa yang sama.

-Beberapa kata kerja yang didiftongkan dalam kombinasi dengan perubahan ortografi

-Ada yang mempunyai kombinasi perubahan ortografi dengan tandaan tegasan

-Dan yang memiliki perubahan vokal dan diftong pada ketika yang sama.

f) *Participle (esp. Participio)* Ganjil

Biasanya perkataan-perkataan kerja dalam bahasa Sepanyol amat seragam dengan akhiran *-ado* bagi kata kerja yang berakhir dengan *-ar* dan *-ido* bagi kata kerja yang berakhir dengan *-er* serta *-ir*. Namun terdapat beberapa kumpulan kata kerja yang mempunyai *participle* ganjil.

i) *Romper* “patah,pecah”: *roto*

ii) *abrir* “buka”: *abierto*; *cubrir* “tutup”: *cubierto*

iii) *escribir* “tuliskan”: *escrito*

iv) *podrir* “mereput”: *podrido*

v) *imprimir* “cetak”: *imprimido, impreso*; *soltar* “lepaskan”: *soltado, suelto*

g) Kata Kerja Defektif: kehilangan bentuk-bentuk tatabahasa tertentu

Sebagai contoh, kata kerja *soler*: “jadi biasa”. (Dii’rab menggunakan laman www.wordreference.com dan disemak dengan laman rasmi RAE <http://buscon.rae.es/draeI/>)

Jadual 4.4 I'rab kata kerja *soler*

| | | | |
|-------------|----------|------------|------------------------------|
| Infinitivo: | soler | Definición | En Inglés |
| Gerundio: | soliendo | | En Francés |
| Participio: | solido | | En Portugués |

| Indicativo | | | | | |
|--------------------|-----------------|-------------------|------------------|---------------|--------------------|
| | <u>presente</u> | <u>imperfecto</u> | <u>pretérito</u> | <u>futuro</u> | <u>condicional</u> |
| yo | suelo | solía | - | - | - |
| tú | sueles | solías | - | - | - |
| él, ella, Ud. | suele | solía | - | - | - |
| nosotros | solemos | solíamos | - | - | - |
| vosotros | soléis | solíais | - | - | - |
| ellos, ellas, Uds. | suelen | solían | - | - | - |

| Tiempos compuestos comunes | | | | |
|----------------------------|---------------------------|-------------------------|------------------------|-----------------------------|
| | <u>pretérito perfecto</u> | <u>pluscuamperfecto</u> | <u>futuro perfecto</u> | <u>condicional perfecto</u> |
| yo | he solido | había solido | habré solido | habría solido |
| tú | has solido | habías solido | habrás solido | habrías solido |
| él, ella, Ud. | ha solido | había solido | habrá solido | habría solido |
| nosotros | hemos solido | habíamos solido | habremos solido | habríamos solido |
| vosotros | habéis solido | habíais solido | habréis solido | habríais solido |
| ellos, ellas, Uds. | han solido | habían solido | habrán solido | habrían solido |

| Subjuntivo | | | |
|--------------------|-----------------|-------------------|---------------|
| | <u>presente</u> | <u>imperfecto</u> | <u>futuro</u> |
| yo | suela | - o - | - |
| tú | suelas | - o - | - |
| él, ella, Ud. | suela | - o - | - |
| nosotros | solamos | - o - | - |
| vosotros | soláis | - o - | - |
| ellos, ellas, Uds. | suelan | - o - | - |

| Imperativo | |
|------------|-----------------|
| | <u>presente</u> |
| (yo) | - |
| (tú) | - |
| (usted) | - |
| (nosotros) | - |
| (vosotros) | - |
| (ustedes) | - |

Dapat diperhatikan hanya bentuk-bentuk tatabahasa tertentu yang dipunyai oleh *soler* iaitu *presente*, *imperfecto*, *pretérito perfecto*, *pluscuamperfecto*, *futuro perfecto* dan *condicional perfecto* bagi *modo indicativo*, manakala bagi *modo subjuntivo*, hanya *presente de subjuntivo* yang mempunyai i'rab.

Kes yang lebih ekstrem dapat dilihat bagi kata kerja *llover*: “hujan”. (Dii'rab menggunakan laman www.wordreference.com dan disemak dengan laman rasmi RAE <http://buscon.rae.es/draeI/>)

Jadual 4.5 I'rab kata kerja *llover*

| | | |
|----------------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|
| Infinitivo: llover | <u>Definición</u> | <u>En Inglés</u> |
| Gerundio: lloviendo | | <u>En Francés</u> |
| Participio: llovido | | <u>En Portugués</u> |

| Indicativo | | | | | |
|--------------------|-----------------|-------------------|------------------|---------------|--------------------|
| | <u>presente</u> | <u>imperfecto</u> | <u>pretérito</u> | <u>futuro</u> | <u>condicional</u> |
| yo | - | - | - | - | - |
| tú | - | - | - | - | - |
| él, ella, Ud. | llueve | llovía | llovió | lloverá | llovería |
| nosotros | - | - | - | - | - |
| vosotros | - | - | - | - | - |
| ellos, ellas, Uds. | - | - | - | - | - |

| Tiempos compuestos comunes | | | | |
|----------------------------|---------------------------|-------------------------|------------------------|-----------------------------|
| | <u>pretérito perfecto</u> | <u>pluscuamperfecto</u> | <u>futuro perfecto</u> | <u>condicional perfecto</u> |
| yo | - | - | - | - |
| tú | - | - | - | - |
| él, ella, Ud. | ha llovido | había llovido | habrá llovido | habría llovido |
| nosotros | - | - | - | - |
| vosotros | - | - | - | - |
| ellos, ellas, Uds. | - | - | - | - |

| Subjuntivo | | | |
|--------------------|-----------------|---------------------|---------------|
| | <u>presente</u> | <u>imperfecto</u> | <u>futuro</u> |
| yo | - | - | - |
| tú | - | - | - |
| él, ella, Ud. | llueva | lloviera o lloviese | lloviere |
| nosotros | - | - | - |
| vosotros | - | - | - |
| ellos, ellas, Uds. | - | - | - |

| Imperativo | |
|------------|-----------------|
| | <u>presente</u> |
| (yo) | - |
| (tú) | - |
| (usted) | llueva |
| (nosotros) | - |
| (vosotros) | - |
| (ustedes) | - |

Bagi kata kerja ini, hanya i'rab bagi kata ganti nama ketiga tunggal dipunyai, malah hanya bagi bentuk-bentuk tatabahasa tertentu.

h) Penyimpangan-penyimpangan lain, telah dibahagikan kepada:

i. Kumpulan A: Contoh: *andar*: berjalan, *estar*: berada.

Kumpulan ini menunjukkan kelainan pada *pretérito indefinido* (*simple past tense*): *anduve*, *anduviste*, *estuve*, *estuviste*.

Jadual 4.6 I'rab *Pretérito Indefinido* untuk kata kerja *andar*

| Kata ganti nama | <i>pretérito indefinido</i> |
|--------------------|---------------------------------|
| yo | <i>anduve</i> |
| tú | <i>anduviste</i> |
| él, ella, Vd. | <i>anduvo</i> |
| nosotros | <i>anduvimos</i> |
| vosotros | <i>anduvisteis</i> |
| ellos, ellas, Vds. | <i>anduvieron</i> |

ii. Kumpulan B: cth. avergonzar : memalukan

Kelainan kepada pembentukan diptong “üe” daripada “o”. Perkara ini ekoran jika hanya ditukar kepada “ue”, “gue” disebut [ge] bukan [gue] seperti sepatutnya.

Jadual 4.7 I'rab *Presente* untuk kata kerja *avergonzar*

| Kata ganti nama | <i>Presente</i> |
|--------------------|-----------------|
| yo | avergüenzo |
| tú | avergüenzas |
| él, ella, Vd. | avergüenza |
| nosotros | avergonzamos |
| vosotros | avergonzáis |
| ellos, ellas, Vds. | avergüenzan |

iii. Kumpulan C:

Contoh. *caer*: jatuh , *creer*: percaya , *roer*: menguyah , *traer*: membawa (ke sini)

Kelainan pada *gerundio*: *cayendo*, *creyendo*, *royendo*, *trayendo*. Perkara ini disebabkan oleh pada kata gantinama kedua, kata akarnya berakhir dengan huruf vokal: cae, cree, roe dan trae.

iv. Kumpulan D: hanya *dar* memberi

Kelainan pada kata kerja *dar* dalam *pretérito indefinido*.

Jadual 4.8 I'rab *Pretérito Indefinido* untuk kata kerja *dar*

| Kata ganti nama | <i>pretérito indefinido</i> |
|-------------------|-----------------------------|
| yo | di |
| tú | diste |
| él, ella, Vd. | dio |
| nosotros | dimos |
| vosotros | disteis |
| ellos, ellas, Vds | dieron |

v. Kumpulan E: *seguir*: mengikut, *erguir*: naik lurus

Kelainan e--> i

Jadual 4.9 I'rab *Presente* untuk kata kerja *erguir* dan *seguir*

| Kata ganti nama | presente | presente |
|------------------|-----------------|----------|
| yo | irgo, yergo | sigo |
| tú | irgues, yergues | sigues |
| él,ella,Vd. | irgue, yergue | sigue |
| nosotros | erguimos | seguimos |
| vosotros | erguís | seguís |
| ellos, ellas,Vds | irguen, yerguen | siguen |

vi. Kumpulan F: *oír*: dengar

Kelainan unik bagi kata kerja *oír*

Jadual 4.10 I'rab *Presente* untuk kata kerja *oir*

| Kata ganti nama | presente |
|-------------------|----------|
| yo | oigo |
| tú | oyes |
| él,ella,Vd. | oye |
| nosotros | oímos |
| vosotros | oís |
| ellos, ellas,Vds. | oyen |

vii. Kumpulan G: *raer*: membelah

Kelainan unik bagi kata kerja *raer*

Jadual 4.11 I'rab *Presente* untuk kata kerja *raer*

| Kata ganti nama | presente |
|--------------------|------------------|
| yo | rao, raigo, rayo |
| tú | raes |
| él, ella, Vd. | rae |
| nosotros | raemos |
| vosotros | raéis |
| ellos, ellas, Vds. | raen |

viii. Kumpulan H: cth. *salir*: keluar, *valer*: bernilai

Tambahan “g” pada konsonan “l” dalam kata akar *sal* dan *val*:

Jadual 4.12 I'rab *Presente* untuk kata kerja *salir* dan *valer*

| Kata ganti nama | presente | presente |
|--------------------|----------|----------|
| yo | salgo | valgo |
| tú | sales | vales |
| él, ella, Vd. | sale | vale |
| nosotros | salimos | valemos |
| vosotros | salís | valéis |
| ellos, ellas, Vds. | salen | valen |

ix. Kumpulan I: cth *ver*: melihat

Penggunaan dua kata akar *–v* dan *–ve*.

Jadual 4.13 I’rab *Presente* untuk kata kerja *ver*

| Kata ganti nama | presente |
|--------------------|----------|
| yo | veo |
| tú | ves |
| él,ella, Vd. | ve |
| nosotros | vemos |
| vosotros | veis |
| ellos, ellas, Vds. | ven |

4.5.4 Kata Penunjuk

Kata penunjuk (*artículos*:artikel) dalam bahasa Sepanyol ialah perkataan yang menemani kata nama dan sentiasa mendahuluinya. Fungsi kata penunjuk ialah sebagai penentu bagi suatu kata nama iaitu menandakan jika kata nama tersebut diketahui atau tidak. Ia juga menunjukkan gender *femenino* (keperempuanan) atau *masculino* (kelelakian) dan juga bilangan sama ada *singular* (tunggal) atau *plural* (jamak).

Kata penunjuk dibahagikan oleh Andersson dan Söderberg (2003:82) kepada:

a) *definidos* atau *determinantes* (tentu)

- kata penunjuk yang menerangkan sesuatu yang telah diketahui atau boleh ditentukan.

b) *indefinidos* atau *indeterminantes* (tak tentu).

- kata penunjuk yang menerangkan sesuatu yang tidak diketahui atau tidak boleh ditentukan.

Jadual 4.14 Kata Penunjuk dalam bahasa Sepanyol

| Artikel | Kata Penunjuk Tentu(Definidos) | | Kata Penunjuk Tak Tentu (Indefinidos) | |
|-----------|--------------------------------|--------|---------------------------------------|--------|
| | Singular | Plural | Singular | Plural |
| Masculino | El | los | un | Unos |
| Femenino | La | las | una | Unas |

Jadual berikut menunjukkan contoh pengkelasan jenis kata penunjuk, gender dan bilangan.

Jadual 4.15 Contoh pengkelasan jenis kata penunjuk, gender dan bilangan

| Contoh | Kata Penunjuk Tentu (Definidos) | | Kata Penunjuk Tak Tentu (Indefinidos) | |
|-----------|---------------------------------|-------------|---------------------------------------|--------------|
| | Singular | Plural | Singular | Plural |
| Masculino | el libro | los libro | un libro | unos libros |
| Femenino | la silla | las silllas | una silla | unas silllas |

i.i Pengecutan (*contraction*) kata penunjuk

Pengecutan berlaku apabila kata penunjuk didahului oleh kata sendi *a* atau *de*. Fenomena ini dibentuk oleh situasi berikut:

Jadual 4.16 Contoh pengecutan (*contraction*) kata penunjuk

| Kata sendi | | Kata penunjuk | | Pengecutan | Contoh |
|------------|---|---------------|---|------------|--|
| A | + | El | = | Al | Camino al teatro: Saya berjalan ke teater (tersebut). |
| De | | El | | Del | Vengo del supermercado: Saya datang dari pasaraya (tersebut). |

i.ii Kata penunjuk neutral "lo"

“Lo” digunakan untuk menandakan pengabstrakkan dengan cara menukar kata sifat kepada kata nama abstrak. Ia tidak mewakili mana-mana gender.

Contoh:

Lo extraño de España es la siesta: Yang pelik mengenai Sepanyol ialah tidur tengaharinya

4.5.5 Kata ganti nama

Kata ganti nama ialah komponen yang amat penting dalam setiap bahasa. Dalam bahasa Sepanyol, Andersson dan Söderberg (2003:84) membahagikannya kepada beberapa bahagian:

i. Kata ganti nama demonstratif (*ese, este, aquel*) : “itu, ini, itu (jauh)”.

Kumpulan ini merujuk kepada kata nama yang sebelumnya telah disebutkan dalam sesuatu ayat.

Jadual 4.17 Kata ganti nama demonstratif

| Bilangan | Gender | Este | Ese | Aquel |
|----------|---------|---------------|-------------|---------------------|
| Sing | (masc.) | este (éste) | ese (ése) | aquel (áquel) |
| | neutr. | esto | Eso | Aquello |
| | Fem | esta (ésta) | esa (ésa) | aquella (aquélla) |
| Plur | (masc.) | estos (éstos) | esos (ésos) | aquellos (aquéllos) |
| | neutr. | Estos | Esos | aquellos (aquéllos) |
| | Fem | estas (éstas) | esas (ésas) | aquellas (aquéllas) |

ii. Kata ganti nama tak tentu (*indefinidos, indeterminados*)

Jenis kata ganti nama ini yang kadang-kadang disebut kata ganti tak tentu afirmatif, adalah tidak khusus dan digunakan sebagai pengganti kata nama. Mereka boleh menjadi subjek ayat, objek daripada suatu kata kerja, atau objek daripada kata sendi.

Jadual 4.18 Kata ganti nama tak tentu (*indefinidos, indeterminados*)

| Kata ganti nama tak tentu | Singular | Plural |
|--------------------------------|------------|-----------------|
| alguien independent | - | - |
| alguno (masc.) | Alguno | Algunos |
| Fem | Alguna | Algunas |
| algún special form | Algún | - |
| algo independent | - | - |
| nada independent | - | - |
| nadie independent | - | - |
| ninguno (masc.) | Ninguno | ningunos (rare) |
| Fem | Ninguna | ningunas (rare) |
| ningún special form | Ningún | - |
| uno (masc.) | Uno | Unos |
| Fem | Una | Unas |
| poco (masc.) | Poco | Pocos |
| Fem | Poca | Pocas |
| otro (masc.) | Otro | Otros |
| Fem | Otra | Otras |
| todo (masc.) | Todo | Todos |
| Fem | Toda | Todas |
| mismo (masc.) | Mismo | Mismos |
| Fem | Misma | Mismas |
| cada united | - | - |
| ambos (masc.) | - | Ambos |
| Fem | - | Ambas |
| cualquiera (masc.) | Cualquiera | - |
| Fem | Cualquiera | - |
| cualquier special form (masc.) | Cualquier | - |

| | | |
|-------------------|-----------|------------|
| mayoría | - | - |
| bastante | - | - |
| bastante | bastante | bastantes |
| varios (masc.) | - | varios |
| fem | - | varias |
| muy | - | - |
| mucho (masc.) | mucho | muchos |
| fem | mucha | muchas |
| tan | - | - |
| tanto | - | - |
| tanto (masc.) | tanto | tantos |
| fem | tanta | tantas |
| demasiado | - | - |
| demasiado (masc.) | demasiado | demasiados |
| fem | demasiada | demasiadas |

iii. Kata ganti nama tanya (*qué, quién, cuál, cuánto, dónde*):

: “ apa, siapa, yang mana satu, berapa, di mana ”.

Kata ganti nama tanya digunakan untuk mengajukan soalan seperti yang ditunjukkan dalam ruangan makna kata ganti nama di atas.

Jadual 4.19 Kata ganti nama interrogatif (pertanyaan)

| Kata ganti nama interrogatif | Singular | Plural |
|-------------------------------------|-----------------|---------------|
| Qué | - | - |
| Quién | quién | quiénes |
| Cual | cual | cuales |
| cuánto (masc.) | cuánto | cuántos |
| Fem | cuánta | cuántas |
| Cómo | - | - |

iv. Kata ganti nama negatif (*ninguno, nadie, nada*): seperti dalam bahasa Inggeris

“none, nobody/no one, nothing”.

Kata ganti nama negatif bahasa Sepanyol kadang-kadang disebut juga sebagai kata ganti negatif tidak terhad, meniadakan, menolak, atau melemparkan keraguan pada kewujudan benda yang mereka gantikan. Dalam bahasa ini juga, aspek negatif berganda diterima bukan sahaja sebagai betul, malah dianggap kebiasaan dalam penggunaan rasmi dan tidak rasmi. Sebagai contoh:

- a. “*Yo no tengo ninguno*” yang bermaksud “Saya tidak mempunyai yang itu”. Jika diterjemah secara harfiah ke dalam bahasa Inggeris, ia akan berbunyi “*I don’t have none*”, yang mana ia dianggap salah dalam tatabahasa Inggeris.
- b. “*No conocemos a nadie*”: “Kami tak kenal sesiapa pun”, “*We don’t know nobody*”.
- c. “*No entendéis nada*” : “Awak semua tidak faham sesuatu apa pun”, “*You don’t understand nothing*”.

Perkara ini selalu juga disebut sebagai negatif berganda (*double-negative*) dan diterima sebagai penggunaan gramatis dalam bahasa Sepanyol.

v. Kata ganti nama objek (*me, te, lo, la, le, nos, os ...*)

Kata ganti nama ini terbahagi kepada kata ganti objek langsung dan tidak langsung, seperti dalam rajah berikut:

Jadual 4.20 Kata ganti nama objek

| Diri / Gender | Subjek | Objek Langsung | Objek Tidak |
|-------------------|-------------|----------------|-------------|
| 1 tunggal | yo | me | me |
| 2 tunggal | tú | te | te |
| 3 tunggal (masc.) | él | le | le (se) |
| neutr. | ello | lo | le (se) |
| Fem | ella | la | le (se) |
| polite (masc.) | usted (vd.) | le | le (se) |
| neutr. | usted (vd.) | lo | le (se) |
| Fem | usted (vd.) | la | le (se) |
| 1 jamak (masc.) | nosotros | nos | nos |
| Fem | nosotras | nos | nos |
| 2 jamak (masc.) | vosotros | os | os |
| Fem | vosotras | os | os |
| 3 jamak (masc.) | ellos | les | les (se) |
| neutr. | ellos | los | les (se) |
| Fem | ellas | las | les (se) |
| sopan (masc.) | ustedes | les | les (se) |
| neutr. | ustedes | los | les (se) |
| Fem | ustedes | las | les (se) |

vi. Kata ganti nama kepunyaan (posesif) (*mío, tuyo, suyo, nuestro, vuestro ...*)

Kata ganti nama posesif ialah perkataan-perkataan yang menggantikan kata nama yang diubahsuai oleh kata sifat posesif. Dalam bahasa Sepanyol ada berbagai bentuk kata ganti posesif bergantung pada apakah kata nama tersebut maskulin atau feminin, tunggal atau jamak. Perkara ini dapat ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.21 Kata ganti nama kepunyaan (posesif)

| Pemunya, Yang Dipunyai | Bentuk tanpa tegasan | Bentuk dengan tegasan |
|-------------------------------|-----------------------------|------------------------------|
| 1P sing(masc.)sing | mi | mío |
| fem sing | mi | mía |
| (masc.) plur | mis | míos |
| fem plur | mis | mías |
| 2P sing(masc.)sing | tu | tuyo |
| fem sing | tu | tuya |
| (masc.)plur | tus | tuyos |
| fem plur | tus | tuyas |
| 3P sing(masc.)sing | su | suyo |
| fem sing | su | suya |
| (masc.)plur | sus | suyos |
| fem plur | sus | suyas |
| 1P plur(masc.)sing | nuestro | nuestro |
| fem sing | nuestra | nuestra |
| (masc.)plur | nuestros | nuestros |
| fem plur | nuestras | nuestras |
| 2P plur(masc.)sing | vuestro | vuestro |
| fem sing | vuestra | vuestra |
| (masc.)plur | vuestros | vuestros |
| fem plur | vuestras | vuestras |
| 3P plur(masc.)sing | su | suyo |
| fem sing | su | suya |
| (masc.)plur | sus | suyos |
| fem plur | sus | suyas |

vii. Kata ganti nama berkaitan kata sendi (Preposisional) (*mi, tí, conmigo ...*)

Kata ganti nama preposisional dalam bahasa Sepanyol digunakan selepas kata sendi dan seringkali digunakan untuk menggambarkan kata nama yang diganti. Ia bertindak sebagai subkategori kata ganti nama. Ada 11 bentuk kata ganti nama sendi dalam bahasa Sepanyol:

viii. Kata ganti nama refleksif (*me, te, se, nos, os*)

Kata ganti refleksif digunakan dengan kata ganti nama berkaitan kata kerja. Ia mesti menunjukkan keakuran dengan subjek ayat dan ditempatkan betul-betul sebelum kata kerja, kecuali pada *double verbs* dan *present/past continuous tense*.

Jadual 4.22 Kata ganti nama refleksif

| Diri | Bilangan | Kata ganti nama refleksif |
|-------------|-----------------|----------------------------------|
| 1 P | sing | Me |
| 2 P | | Te |
| 3 P | | Se |
| 1 P | plur | Nos |
| 2 P | | Os |
| 3 P | | Se |

ix. Kata ganti nama refleksif preposisional (*mi, si mismo ...*)

Kata ganti nama ialah kata ganti refleksif berkaitan kata sendi yang merujuk kembali kepada subjek dan muncul selepas kata sendi, seringkali untuk menekankan kata nama yang diganti.

x.i *Se* refleksif tak sengaja

Pembentukan refleksif, digunakan terutamanya dengan kata ganti nama berkaitan kata kerja, juga boleh digunakan untuk menggambarkan kejadian yang tidak disengajakan dan tidak terancang.

xi. Kata ganti nama relatif (*que, quien, el cual, el que, donde*)

Sama seperti dalam bahasa Inggeris, kata ganti relatif bahasa Sepanyol menyambungkan klausa bergantung relatif (iaitu, sebuah klausa yang tidak dapat berdiri sendiri) ke klausa utama. Ia setara dengan kata ganti nama relatif bahasa Melayu “apa, siapa, yang mana, yang, di mana”.

Jadual 4.23 Kata ganti nama relatif

| Kata ganti nama relatif | Singular | Plural |
|-------------------------|----------|---------|
| que | - | - |
| quien | quien | Quienes |
| cual | cual | Cuales |
| cuyo (masc.) | cuyo | Cuyos |
| cuyo (fem.) | cuya | Cuyas |
| donde | - | - |
| cuanto | cuanto | Cuantos |

xii. Kata ganti nama Subjek (*yo, tú, él, ella, usted, nosotros, vosotros, ellos, ellas, ustedes*)

Subjek menunjukkan kata ganti orang atau perkara yang melakukan tindakan kata kerja. Kumpulan ini perlu diketahui walaupun dalam banyak keadaan tidak perlu disebut dengan kata kerja kerana fleksi atau i'rab yang terlibat dengan sendirinya telah menunjukkan kata ganti nama subjek yang terlibat.

xiii. Kata ganti nama subjek neutral (*ello*)

Ello ialah subjek kata ganti nama neutral bahasa Sepanyol, digunakan untuk bermaksud "itu" ketika merujuk kepada sesuatu yang tidak khusus.

Kesimpulan beberapa jenis kata nama dapat ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.24 Kata ganti nama Preposisional, Objek Langsung dan Objek Tidak langsung

| Diri / Gender | Subjek | Preposisional | Objek Langsung | ObjekT.Langsung |
|-------------------|-------------|---------------|----------------|-----------------|
| 1 tunggal | yo | mí /yo | Me | me |
| 2 tunggal | tú | ti / tú | Te | te |
| 3 tunggal (masc.) | él | èl | Le | le (se) |
| neutr. | ello | ello | Lo | le (se) |
| Fem | ella | Ella | La | le (se) |
| sopan (masc.) | usted (Vd.) | usted (Vd.) | Le | le (se) |
| neutr. | usted (Vd.) | usted (Vd.) | Lo | le (se) |
| Fem | usted (Vd.) | usted (Vd.) | La | le (se) |
| 1 jamak (masc.) | nosotros | Nosotros | Nos | nos |

| | | | | |
|-----------------|----------|----------|-----|----------|
| Fem | nosotras | nosotras | Nos | nos |
| 2 jamak (masc.) | vosotros | vosotros | Os | os |
| Fem | vosotras | vosotras | Os | os |
| 3 jamak (masc.) | ellos | ellos | Les | les (se) |
| neutr. | ellos | ellos | Los | les (se) |
| Fem | ellas | ellas | Las | les (se) |
| sopan (masc.) | ustedes | ustedes | Les | les (se) |
| neutr. | ustedes | ustedes | Los | les (se) |
| Fem | ustedes | ustedes | Las | les (se) |

4.5.6 Kata Keterangan (*adverbio*)

Fungsi-fungsi suatu kata keterangan ialah:

i. menguat atau mengubah magnitud

Juegas bien : “Awak bermain dengan baik”.

suatu kata kerja:

ii. menguat atau mengubah magnitud *Juegas muy bien*: Awak bermain dengan **sangat**

suatu kata keterangan yang lain: baik.

iii. menguat atau mengubah magnitud *Es tan fácil jugar al fútbol*: (Adalah) **begitu**

suatu kata sifat: senang bermain bola sepak.

Kebanyakan kata keterangan diterbitkan daripada suatu kata sifat. Untuk membentuk kata keterangan, akhiran *-mente* ditambahkan kepada bentuk feminin suatu kata sifat. Jika adjektif tersebut berakhir dengan fonem /e/ atau konsonan maka *-mente* ditambahkan tanpa sebarang penukaran. Jika suatu adjektif mempunyai tandaan tegasan, maka kata keterangan yang diterbitkan daripadanya mengekalkan tandaan tegasan tersebut di tempatnya.

Contoh: i. *afortunado* > *afortunadamente* : “bernasib baik > dengan bernasib baiknya”

ii. *triste* > *tristemente* : “sedih > dengan sedihnya”

iii. *difícil* > *difícilmente* : “susah > dengan susahnyanya”

4.5.7 Nombor atau Bilangan

Bahasa Sepanyol mempunyai dua bentuk nombor:

i) Nombor Kardinal (*Números cardinales*):- 1 (*uno*), 2 (*dos*) dan digunakan untuk mengira atau memberi suatu nilai diskrit.

Contoh: *Tengo dos gatos en casa* : “Saya ada dua (ekor) kucing di rumah”.

Mi tío tiene sesenta y tres años: “Pakcik saya berumur 63 tahun”.

América fue descubierta en el año mil cuatrocientos noventa y dos (1492) :

“Benua Amerika ditemui pada tahun seribu empat ratus sembilan puluh dua”.

Senarai nombor kardinal bahasa Sepanyol dapat dilihat dalam Lampiran III.

ii) Nombor Ordinal (*Números ordinales*)

1^o (*primero*), 2^o (*segundo*) dan digunakan untuk memberi turutan suatu jujukan.

Contoh:

*La oficina está en el **quinto** piso* : “Pejabat itu berada di tingkat **kelima**”.

*Argentina sale **primero** en las eliminatorias de la copa mundial* : “Argentina mendapat tempat **pertama** dalam pusingan kelayakan Piala Dunia”.

*El español es la **tercera** lengua más hablada del mundo* : “Bahasa Sepanyol ialah bahasa **ketiga** paling banyak dituturkan di dunia”.

Senarai nombor ordinal bahasa Sepanyol dapat dilihat dalam Lampiran III.

4.6 Dialek-dialek utama bahasa Sepanyol

Chambers dan Trudgill (1998:3) menerangkan yang secara umumnya definisi “bahasa” dan “dialek” ialah dua perkara yang sering menjadi isu di seluruh dunia dan seringkali juga dikelaskan bukan sahaja daripada aspek linguistik malah politik. Bagi warga Eropah, persoalan sama ada bahasa-bahasa Scandinavia ialah sebenar-benarnya bahasa atau hanyalah dialek bagi bahasa yang satu lagi seringkali menjadi perbahasan. Sebagai contoh, seringkali disebut orang Denmark lebih mudah memahami pertuturan orang Norway tetapi orang Norway tidak memahami orang Denmark. Definisi umum bagi dialek ialah selagi kefahaman menyaling dua bentuk linguistik adalah tinggi, bentuk linguistik tersebut dianggap dialek kepada bentuk yang satu lagi. Namun, ia tidak terpakai di sini kerana keputusan politik. Menurut Holmes (2001:130) kes bahasa-bahasa Scandinavia tersebut sangat kontras dengan kes dialek-dialek Bahasa Cina seperti Kantonis, Hokkien, Hakka dan lain-lain dengan kefahaman menyaling dialek-dialek tersebut adalah amat rendah. Tetapi atas sebab politik untuk menunjukkan kesatuan Negara China, ia diisytiharkan sebagai dialek. Chambers dan Trudgill (ibid) turut mencadangkan yang dialek juga sering dianggap sebagai suatu bentuk bahasa substandard, berstatus rendah, kampung, sering dikaitkan dengan golongan petani serta kelas bekerja ataupun kumpulan-kumpulan berprestij rendah. Ia juga sering didefinisikan sebagai bentuk-bentuk bahasa yang dituturkan di kawasan-kawasan terpencil yang tiada bentuk bertulis. Dialek juga seringkali dihuraikan sebagai bentuk-bentuk penyimpangan (dan bersalahan) daripada bentuk standard sesuatu bahasa.

Walau bagaimanapun, Chambers dan Trudgill (ibid) menerangkan setiap penutur sesuatu bahasa menuturkan sekurang-kurangnya satu dialek dan secara linguistiknya, tiada suatu dialek yang lebih tinggi darjatnya berbanding suatu dialek yang lain yang mana menurut mereka, bahasa Inggeris standard pun hanyalah satu dialek bahasa

Inggeris. Perkara ini disokong oleh ungkapan Edward Sapir (dalam Holmes 2001:190) yang mahsyur, “Bilamana bentuk-bentuk linguistik dipertimbangkan, Plato berjalan seiring dengan para penternak babi di Macedonia, Confucius dengan orang liar pemburu kepala di Assam”. Allah turut menegaskan kemuliaan dan ketinggian darjat manusia bukan pada bangsanya dalam Al-Qur’an, surah Al-Hujurat ayat ke-13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (13)

Maafumnya: “Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan supaya kamu saling kenal- mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa (takut kepada Allah, mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya) di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

bahasa Sepanyol seperti bahasa-bahasa lain turut mempunyai beberapa dialek utama dan berbilang-bilang subdialek yang sering dibahaskan pengklasifikasiannya dan bilangannya. Di Semenanjung Iberia sendiri, wujud pelbagai dialek bahasa Sepanyol di samping dialek-dialek bersejarah Latin seperti dialek *aragonés* dan *leonés*. Hualde et al (2001:333) membahagikan dialek-dialek utama semenanjung kepada dialek Andalusia di bahagian selatan, dialek Castilla di bahagian tengah dan utara serta dialek Canarias di Kepulauan Canarias di Lautan Atlantik, di perairan barat Afrika.

Di benua Amerika pula, wujud dialek-dialek seperti dialek Mexico (dialek Amerika Utara), dialek Amerika Tengah, dialek Carribean dan dialek Amerika Selatan dengan Argentina, Uruguay, Paraguay dan Chile sebagai kumpulan subdialek masing-masing yang terasing. Cotton dan Sharp (1988:viii) mengklasifikasikan dialek-dialek bahasa

Spanyol di benua Amerika kepada dialek Mexico, dialek negara-negara Andes (Colombia, Venezuela, Bolivia dan Perú), dialek Caribbean, dialek Chile, dialek Río de la Plata (Argentina, Uruguay dan Paraguay) dan dialek barat daya Amerika Syarikat.

Di Afrika, wujud dialek Canarias di Kepulauan Canarias kepunyaan Spanyol dan dialek Guinea Ecuatorial di barat benua Afrika (Hualde et al,2001:329).

Di Asia pula, pada zaman pemerintahan Spanyol, varian yang digunakan di Filipina ialah menurut cara Mexico. Jubilado (2004:48) menyatakan yang perkara ini berlaku kerana Filipina pada waktu itu diperintah melalui Wizarat Spanyol di Mexico. Alvar (1996:242) menyokong pernyataan ini dengan mengesahkan dalam bahasa Chabacano yang terhasil daripada gabungan 80% atau lebih leksikal bahasa Spanyol pada era kolonial dengan bahasa-bahasa tempatan masih mengandungi *americanismo* yang sangat signifikan. Terdapat perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa pribumi benua Amerika seperti guayaba-‘jambu batu’, tiangue –‘gerai jalanan’ dan sebagainya. Pada ketika ini, penutur-penutur bahasa Spanyol sebagai bahasa ketiga di Filipina cenderung untuk mengikut gaya pertuturan standard Castilla. Perkara ini kerana hampir keseluruhan pelajar mempelajarinya di Insituto Cervantes di Manila yang menerapkan bahasa Spanyol *Castellano* dalam pengajaran mereka. Namun, terdapat pengaruh ujaran bahasa ibunda yang kuat bergantung dari mana seseorang penutur itu berasal sama ada dari Pulau Luzon, Mindanao atau Kepulauan Visayas.

Bagi Oceania, di Pulau Easter yang dipunyai oleh Chile, dialek bahasa Spanyol yang digunakan ialah dialek Chile ekoran penghijrahan beramai-ramai warganya pada tahun-tahun 1960-an. Namun, menurut Fischer (2005:218) bahasa asal iaitu Rapa Nui masih digunakan oleh penduduk asal pulau tersebut tetapi berhadapan kepupusan ekoran pengaruh Bahasa Spanyol.

4.7 Sejarah Ringkas bahasa Sepanyol di Argentina

Bahasa Sepanyol dibawa oleh penakluk- penakluk Sepanyol ke Benua Amerika dalam kurun ke-16 dan selanjutnya tersebar hingga ke “el Río de la Plata” (River Plate; Sungai Perak) yang dikenali sebagai Argentina, Uruguay dan sebahagian Paraguay sekarang.

Helen Phipps (1920:Bab XVI) menyebut “Dalam mencari suatu perjalanan yang menuju ke Lautan Pasifik, pelayar Sepanyol, Juan de Solís, menemui Río de la Plata yang bermaksud “Sungai Perak” dalam tahun 1516. Sebastián Cabot memperbaharui usaha beliau dalam tahun 1552 dan memberikan nama tersebut yang masih digunakan hingga ke hari ini.

Beliau menambah “Dalam tahun 1590, orang *Jesuits* menguasai selama lebih dua dekad dan mempengaruhi sejarah dan perkembangan Amerika Selatan.. Pejabat Wizurai Rio de la Plata diwujudkan dalam tahun 1776 yang merangkumi Argentina, Bolivia, Paraguay dan Uruguay, dengan Pedro de Ceballos menjadi wizurai yang pertama. Pada 25 Mei 1810 penduduk Buenos Aires, dipengaruhi oleh Perancis dan Amerika Syarikat Utara, melancarkan seruan kemerdekaan. Itulah hari kelahiran Republik Argentina, tetapi tiada perlembagaan persekutuan hinggalah 9 Julai 1816, di Tucumán, tarikh yang dirayakan setiap tahun sebagai hari kebangsaan.”

Penghijrahan beramai-ramai bangsa Eropah selain bangsa Sepanyol ke Argentina pada abad ke-19 terutamanya bangsa Itali merubah sedikit dan memperkayakan aspek leksikal bahasa Sepanyol Argentina, selain daripada pengaruh bahasa-bahasa pribumi yang wujud sebelum era kolonial.

4.8 Voseo Argentino

Voseo ialah satu fenomena tatabahasa yang menarik dalam bahasa Sepanyol. Ia digunakan di beberapa negara di Amerika Tengah seperti Nicaragua, Honduras,

Guatemala dan juga di Argentina, Uruguay, sebahagian Ecuador serta sebahagian Bolivia di Amerika Selatan. Voseo yang digunakan di Argentina dan Uruguay disebut *voseo rioplatense* yang bermaksud voseo bagi kawasan Río de la Plata (River Plate) yang merangkumi kawasan-kawasan di Argentina dan Uruguay. Ia juga lebih kerap dirujuk sebagai *voseo argentino*.

Hualde et al (2001:318) menyatakan bagi Kata Ganti Nama Kedua, jadual berikut menunjukkan kaedah guna pakai bagi kawasan-kawasan tertentu dalam *Mundo Hispano*:

Jadual 4.25 Penggunaan Kata Ganti Nama Kedua Bagi Empat Kawasan Terpilih

| Jenis Kata Ganti Nama Kedua | Mexico | San Juan, Puerto Rico | Madrid | Buenos Aires | Glos |
|------------------------------------|---------------|------------------------------|-----------------|---------------------|--|
| Ganti Nama Kedua Tunggal Tak Rasmi | Tú | Tú | Tú | Vos | Awak, engkau |
| Ganti Nama Kedua Tunggal Hormat | Usted | Usted | Usted | Usted | anda |
| Ganti Nama Kedua Jamak Tak Rasmi | ustedes | Ustedes | Vosotros | ustedes | Awak semua (seperti bahasa pasar 'korang') |
| Ganti Nama Kedua Jamak Hormat | | | Ustedes | | Anda semua, kalian |

Beliau turut menerangkan yang *vos* menggunakan bentuk i'rab bagi *vosotros* secara monoftong.

Jadual 4.26 I'rab bagi *tú*, *vosotros* dan *vos*

| Kata Kerja | I'rab piawai bagi <i>tú</i> (<i>awak</i>) <i>Present Tense</i> | I'rab piawai bagi <i>vosotros</i> (<i>awak jamak</i>) <i>Present Tense</i> | I'rab bagi <i>vos</i> (<i>awak</i>) <i>Present Tense</i> |
|------------|---|---|---|
| Ser | Eres | Sois | Sos |
| Cantar | Cantas | Cantáis | Cantás |
| Perder | Pierdes | Perdéis | Perdés |
| Salir | Salas | Salís | Salís |
| Ir | Vas | Vais | Vás |
| Vivir | Vives | Vivís | Vivís |

Sebagai contoh bagi perkataan-perkataan kerja *ser* (to be), *cantar* (to sing), *perder* (to lose), *salir* (to exit) dan *ir* (to go), i'rab asal bagi *vosotros* asalnya ialah *sois*, *cantáis*, *perdéis* dan *salís*. Menurut kaedah *voseo argentino*, perkataan-perkataan kerja tersebut menjadi *sos*, *cantás*, *perdés* dan *salís*. Dapat diperhatikan, hanya bagi kata kerja dengan penghujung *-ir* sahaja i'rabnya tidak berubah. Sebagai contoh, *salir* → *salís* = *salís*, *vivir* → *vivís* = *vivís*. Manakala diftong-diftong dalam i'rab *vosotros* bertukar menjadi monoftong sahaja dalam i'rab *voseo* bagi kata kerja yang berakhir dengan *-ar* dan *-er*. Sebagai contoh, *oi* → *o*, *ái* → *á*, *éi* → *é* dan *ai* → *á*.

Pertalian ini, menurut beliau lagi, wujud ekoran sistem asal dalam bahasa Latin yang tuntas, iaitu *tū* untuk ganti nama kedua tunggal dan *vōs* untuk ganti nama kedua jamak. Dalam tempoh pemerintahan Rom, *vōs* sebagai kata ganti nama kedua tunggal mula

digunakan, pada awalnya dalam komunikasi dengan pihak berkuasa, kemudian lama-kelamaan bergerak menjadi satu bentuk penggunaan hormat. Selepas itu ia mula dibiasakan kegunaannya dalam konteks tidak rasmi. Bentuk baru iaitu *vuestra merced* mula digunakan selepas itu untuk penggunaan hormat, sama seperti yang digunakan oleh Sancho untuk membahaskan tuannya dalam karya fiksiyen teragung bahasa Sepanyol, *Don Quixote de la Mancha*, sedangkan tuannya Don Quixote menggunakan *tú* dan *vos* ketika berbicara dengan Sancho. Hualde et al (ibid) mencadangkan evolusi leksikal *vuestra merced* > *vuesarced* > *usted*. Hal ini merupakan satu lagi sindrom penafian yang dideritai oleh kebanyakan pengkaji kulit putih yang cuba secara terang-terangan menolak pengaruh Arab dalam bahasa Sepanyol. Ia agak melucukan ekoran masih terdapat beribu-ribu perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab dalam bahasa Sepanyol hasil pemerintahan Arab dan Bereber Muslim di Al-Andalus selama hampir 800 tahun Masihi. Dalam budaya Arab, perkataan *ustaz* yang bermaksud ‘guru’ biasa digunakan untuk menunjukkan rasa hormat kepada seseorang. Lahjah sebutan Arab, secara fonetiknya /ustæz/ menyebabkan ia ditulis *usted*, yang disebut dengan lidah Sepanyol /ustez/. Sebagai contoh perkataan “pared”- dinding dalam sebutan Sepanyol disebut /parez/ dan Madrid sebagai /madriz/.

Perkara ini bertepatan dengan rajah Quirk dan Greenbaum dalam bahagian 2.1 nanti yang menerangkan kepelbagaian bahasa turut dipengaruhi oleh gangguan bahasa asing. Perbezaan penggunaan *vos* dan *tú* pula amat bersesuaian dengan Algeo (1986:269) yang menerangkan yang kesatuan muncul kerana bahasa tersebut memiliki sejarah yang sama, manakala wujudnya kepelbagaian kerana perbezaan pengalaman warga pengguna bahasanya selepas berlakunya pemisahan, dan ini ditemui dalam semua aspek, terutama kosa kata.

Hualde et al (ibid) turut menerangkan yang ekoran penggunaan *usted* menjadi semakin meluas, Parlimen Sepanyol (*El Corte*) memutuskan untuk memansuhkan penggunaan *vos*. Kawasan-kawasan metropolitan seperti Bandaraya Mexico dan Lima menuruti keputusan Parlimen Sepanyol manakala kawasan-kawasan yang jauh dan terpencil seperti Río de la Plata, Amerika Tengah dan sebahagian Bolivia meneruskan penggunaan *vos*. Kajian ini diharap bukan sahaja dapat menjadi salah satu rujukan dalam kajian perbezaan leksikal dan semantik yang lebih mendalam antara bahasa Sepanyol Argentina (BSA) dan Sepanyol (BSS) malah menjadi input awal untuk penyelidikan perbezaan gaya bahasa antara kedua-dua negara tersebut.

4.9 Lunfardo Argentino

Menurut Grayson (1964:66), lunfardo ialah sejenis *argot* atau slanga yang lahir daripada satu subkultur ekoran penghijrahan beramai-ramai masyarakat Eropah ke Rio de la Plata pada penghujung kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Ia dipercayai mula digunakan di kalangan golongan penjenayah sebagai satu bahasa rahsia. Perkara ini bersesuaian dengan perkataan maksud perkataan Itali *lombardo* yang bermaksud “penjahat”. Perlu diingat yang masyarakat penghijrah pada ketika itu lebih menggunakan dialek masing-masing berbanding bahasa standard Sepanyol, Itali atau Perancis. Slanga ini kemudiannya secara beransur-ansur diterima di kalangan masyarakat kelas bawahan di Buenos Aires, Argentina and Montevideo, Uruguay. Antara sifat-sifat utamanya ialah penggunaan permainan kata. Sebagai contoh *vesre*, daripada perkataan *reves* yang bermaksud ‘keterbalikan’, *lorca* yang bermaksud ‘kepanasan’, daripada perkataan *calor* dan *gomías*, daripada ‘*amigos*’ yang bermaksud ‘kawan-kawan’.

Contoh-contoh perkataan lain:

A. Kata nama

- i. *Quilombo* – bencana, perkataan berasal daripada Afro-Brazil, dan pada awalnya digunakan sebagai sinonim untuk rumah pelacuran)
- ii. *Pibe* – budak, istilah umum untuk lelaki atau anak muda; *catalanismo*.
- iii. *Percanta* - wanita muda
- iv. *Mina* - sebuah kata umum untuk wanita
- v. *Guri* - anak (daripada bahasa Guarani: budak) Feminin: *gurisa* - gadis. Jamak: *gurises* - anak-anak
- vi. *Guita* – Wang
- vii. *Fiaca* - kemalasan, atau orang malas (daripada bahasa Itali *fiacco*:lemah)
- viii. *Chochamu* - pemuda (vesre untuk *muchacho*)
- ix. *Buyón* - Sup atau pati (daripada bahasa Perancis: *bouillion*)

B. Kata Kerja

- i. *Pescar* - tahu (vesre daripada-bahasa Itali, *capisce*: awak tahu?)
- ii. *Morfar* - makan (daripada slanga bahasa Perancis *morfer*: makan)
- iii. *Manyar* - untuk mengetahui / makan (daripada bahasa Itali, *mangiare*: makan)
- iv. *Laburar* - untuk bekerja (daripada *lavorare*, bahasa Itali untuk ‘bekerja’)
- v. *Junar* - untuk melihat ke / untuk mengetahui (daripada Bahasa Calo *junar*: mendengar-)
- vi. *Garpar* - membayar dengan wang (vesre untuk *pagar* yang bermaksud “bayar”)
- vii. *Cerebrar* - Fikirkan sesuatu (*cerebrar* daripada *cerebro*: otak)

Dalam kajian ini, akan turut diperhatikan sama ada elemen *lunfardo* digunakan dalam konteks bahasa bertulis bola sepak dalam media berasaskan internet Argentina.

4.10 Intervensi dan pengaruh bahasa asing dalam bahasa Sepanyol

Sebagai suatu bahasa moden yang dinamik, bahasa Sepanyol tidak dapat lari dari mengalami intervensi dan dipengaruhi bahasa-bahasa lain di Eropah dan Arab. Di samping itu, bahasa Sepanyol turut mempengaruhi leksikal bahasa-bahasa lain di dunia termasuk bahasa Inggeris, Perancis, Itali, bahasa-bahasa di Filipina dan lain-lain.

Antara komponen penting intervensi dan pengaruh bahasa asing dalam bahasa Sepanyol ialah:

4.10.1 *Anglicismo* (daripada bahasa Latin. *anglus*: Bahasa atau Orang Inggeris, dan – *ismo*: fahaman atau berkaitan dengan sesuatu).

Menurut Kamus Real Academia Española (DRAE), *anglicismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya atau cara bertutur yang berkaitan dengan bahasa Inggeris.
- ii. Perkataan atau gaya bahasa ini yang diaplikasikan ke atas suatu bahasa lain.
- iii. Penggunaan perkataan atau gaya bahasa Inggeris dalam pelbagai bahasa.

Mejías (2001:28) menegaskan yang *anglicismo* semakin berpengaruh dalam bahasa Sepanyol ekoran penguasaan negara-negara berbahasa Inggeris yang semakin meluas dalam pelbagai bidang di dunia. Beliau turut mencadangkan yang pihak media paling bertanggungjawab dalam menyebarkan *anglicismo* dan seringkali juga berlaku kesilapan-kesilapan sama ada disebabkan oleh terjemahan yang kurang baik daripada bahasa Inggeris ataupun disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dalam bahasa Sepanyol oleh wartawan terbabit. Contoh-contoh perkataan *anglicismo* dalam domain sukan yang diberi ialah *fútbol*: bola sepak, *chut*: sepakan *chip*, *chutar*: kata kerja infinitif untuk menyepak *chip*, *córner*: sepakan sudut, *penalti*: tendangan penalti, *básquet*: bola keranjang, *voleibol*: bola tampar dan *beisbol*: besbol.

4.10.2 Arabismo (daripada bahasa Sepanyol, *árabe* : Bahasa atau Orang Arab, dan -ismo).

Menurut DRAE, *arabismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya atau cara bertutur tersendiri Bahasa Arab.
- ii. Perkataan atau gaya bahasa ini yang diaplikasikan ke atas suatu bahasa lain.

Arabismo ialah pengaruh bahasa asing yang paling besar dalam bahasa Sepanyol. Menurut (Cano, 1999: 53), *arabismos* dalam bahasa Sepanyol dianggarkan membentuk 8% daripada kosa kata keseluruhan dan jumlahnya ialah lebih kurang 4000 perkataan termasuk perkataan yang jarang digunakan. Rafael Lapesa (1981: 133) pula menyatakan yang arabismo, selepas bahasa Latin, merupakan sumber leksikal paling penting dalam bahasa Sepanyol, sekurang-kurangnya sehingga abad ke-16.

Kiesler (1996:474) menyenaraikan perkataan-perkataan arabismos, antaranya:

Jadual 4.27 Arabismo dalam bahasa Sepanyol

| <i>Bil.</i> | <i>Arabismo</i> | <i>Glos</i> |
|-------------|-----------------|---|
| 1. | alfombra | permaidani |
| 2. | aceite | minyak |
| 3. | aceituna | buah zaitun |
| 4. | acequia | tali air |
| 5. | albañil | tukang kemasan lantai |
| 6. | alcalde | datuk bandar |
| 7. | alcantarilla | terusan bawah tanah |
| 8. | alcohol | alkohol |
| 9. | alfalfa | sejenis sayuran (<i>lucerne</i> dalam bahasa |

| | | |
|-----|-------------------------|---|
| | | Inggeris) |
| 10. | álgebra (aritmética) | algebra |
| 11. | algodón | kain kapas |
| 12. | almohada | bantal |
| 13. | azahar | bunga pokok oren |
| 14. | alquiler | sewa |
| 15. | jofaina | besen untuk membasuh |
| 16. | aljama | kawasan penempatan atau rumah ibadat orang Islam atau Yahudi |
| 17. | hasta | Sehingga |
| 18. | fulano | si polan |
| 19. | ojalá | moga Allah kehendaki |
| 20. | zarco | biru cair |
| 21. | aldea | Kampung |
| 22. | almacen | stor atau pasaraya |
| 23. | albóndiga | bebola daging |
| 24. | atún | ikan tuna |
| 25. | sandía | Tembikai |
| 26. | zanahoria | lobak merah |

4.10.3 Lusismo (juga disebut *lusitanismo*, daripada latin. *Lusitānus* : Bahasa atau Orang Portugis, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *lusismo* didefinisikan sebagai:

- i. Kata pinjaman berasal daripada bahasa Portugis

Jadual 4.28 *Lusismo* dalam bahasa Sepanyol

| <i>Bil</i> | <i>lusismo</i> | <i>Glos</i> |
|------------|----------------|---------------------------|
| 1. | tamango | kasut besar |
| 2. | buraco | lubang, lopak |
| 3. | cafúa | Penjara |
| 4. | chumbo | Revolver |
| 5. | amurar | Meninggalkan |
| 6. | fariñera | parang atau pisau panjang |

4.10.4 *Americanismo*

Menurut DRAE, *americanismo* didefinisikan sebagai:

- i. Ciri-ciri atau keadaan yang berkaitan benua Amerika.
- ii. Sifat asli penduduk benua Amerika.
- iii. Kecintaan atau minat yang amat sangat kepada perkara-perkara yang berkaitan atau kebiasaan di benua Amerika.
- iv. Kesungguhan kepada kajian perkara-perkara berkaitan benua Amerika.
- v. Perkataan, gaya bahasa, aspek fonetik, gramatis atau semantik yang dipunyai oleh mana-mana bahasa pribumi benua Amerika atau berasal daripadanya.
- vi. Perkataan, gaya bahasa, aspek fonetik, gramatis atau semantik yang spesifik atau berasal daripada bahasa Sepanyol yang dituturkan di mana-mana negara di benua Amerika.
- vii. *angloamericanismo*.

Berikut ialah contoh-contoh perkataan *americanismo* bagi perkataan yang bermula dengan huruf “b” sahaja:

Jadual 4.29 *Americanismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil. | <i>americanismo</i> | <i>Glos</i> |
|-------------|----------------------------|--|
| 1 | babonuco. | <i>R. Dom.</i> Mengangkat bebanan di atas kepala |
| 2 | babosería. | (daripada perkataan <i>baboso</i>). <i>P. Rico.</i> Keramahan tanpa isi kandungan |
| 3 | balconera. | <i>Ur.</i> Poster untuk propaganda, umumnya berkaitan politik, yang dipamerkan di balkoni atau tingkap bangunan. |
| 4 | balinero. | <i>Col.</i> bebola alas, bering (<i>eng. bearing</i>) |
| 5 | balso, sa. | <i>Pan.</i> Bercahaya |
| 6 | balurde. | <i>Nic.</i> berkualiti rendah |
| 7 | barzola. | <i>Bol.</i> Perempuan kasar dan agresif |
| 8 | basculador. | <i>Cuba.</i> (<i>eng. winch</i>) |
| 9 | baulera. | <i>Arg.</i> bilik simpanan, biasanya di ruangan bawah tanah sesebuah bangunan |
| 10 | bencinero, ra. | <i>Chile.</i> Berkaitan dengan benzin (gasolin). |
| 11 | bicho-bicho. | <i>Filip.</i> Gula-gula yang dibuat dengan merendam dalam sirap dan gula |
| 12 | bienhechuría. | <i>Ven.</i> Pembinaan bangunan dalam kawasan kosong |
| 13 | billetear. | <i>Ecuad.</i> Merasuah |
| 14 | binazo. | <i>C. Rica.</i> Gosip |
| 15 | bivirí. | <i>Perú.</i> Baju singlet lelaki |
| 16 | brujez. | <i>Méx.</i> kekurangan atau ketiadaan wang |

4.10.5 *Indigenismo* (daripada *indígena* dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *indigenismo* didefinisikan sebagai.

- i. Pengajian masyarakat pribumi Amerika Latin yang sekarang menjadi sebahagian daripada bangsa yang mendominasi benua tersebut sebelum kedatangan tamadun Eropah.
- ii. Doktrin dan pihak yang menganjurkan tuntutan peluang politik, sosial dan ekonomi untuk masyarakat pribumi dan kacukan di republik-republik Amerika Latin.
- iii. Peninggian perkara-perkara berkaitan Pribumi benua Amerika dalam kesusasteraan dan seni.

Dalam konteks ini, *indigenismo* ialah perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa-bahasa Náhuatl, Quechua, Taíno, Maya, Guaraní dan lain-lain.

4.10.5.1 *Nahuatlismo* (daripada Bahasa Nahuatl, *nahuatl* : Bahasa atau Orang Nahuatl-sejenis kaum Pribumi pada zaman pra-kolonial Sepanyol di Mexico, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *nahuatlismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya atau cara bertutur tersendiri Bahasa Nahuatl.
- ii. Perkataan atau gaya bahasa ini yang diaplikasikan ke atas suatu bahasa lain.

Jadual 4.30 *Nahuatlismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>Nahuatlismos</i> | <i>Glos</i> |
|-----|---------------------|---------------------|
| 1 | aguacate | buah avocado |
| 2 | ajolote | <i>eng. Axolotl</i> |

| | | |
|----|--------------------------------|------------------------------------|
| 3 | anana | Nenas |
| 4 | cacahuate | kacang tanah |
| 5 | cacao | Koko |
| 6 | coyote | Koyote |
| 7 | cuate | sahabat baik |
| 8 | chapulín | Belalang |
| 9 | chichi (por pecho femenino) | payudara wanita |
| 10 | chicle | gula-gula getah |
| 11 | chile | lada, cabai, cili |
| 13 | chocolate | Coklat |
| 15 | ejote | Kacang |
| 16 | elote | Jagung |
| 17 | guacamole | sejenis masakan tradisional Mexico |

4.10.5.2 *Quechuisimo* (daripada bahasa Sepanyol, *quechua* : Bahasa atau Orang Quechua-sejenis kaum Pribumi di Perú, Ecuador, Bolivia dan Argentina dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *quechuisimo* didefinisikan sebagai.

1. Perkataan atau gaya bahasa daripada Bahasa Quechua yang diaplikasikan kepada bahasa lain.

Jadual 4.31 *Quechuisimo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>Quechuismos</i> | Perkataan asal Quechua | Glos |
|-----|--------------------|---------------------------|------------|
| 1 | cancha | <i>kancha</i> | gelanggang |
| 2 | carpa | <i>karpa</i> | khemah |

| | | | |
|----|----------|-----------------|--|
| 3 | caucho | <i>kawchu</i> | (tanaman) getah |
| 4 | chacra | <i>chakra</i> | kebun, ladang |
| 5 | charqui | <i>ch'arki</i> | terhentak-hentak |
| 6 | chochoca | chochoca | jagung kering atau dimasak |
| 7 | coca | <i>kuka</i> | (pokok atau daun) koka |
| 8 | cóndor | <i>kuntur</i> | burung kondor |
| 9 | guagua | <i>wawa</i> | bayi |
| 10 | guano | <i>wanu</i> | baja tahi burung atau kelawar |
| 11 | guaina | <i>wayna</i> | budak kecil |
| 12 | huayco | <i>wayqu</i> | patah |
| 13 | llama | yyama | llama, binatang mamalia ruminan seperti unta |
| 14 | papa | papa | ubi kentang |
| 15 | pampa | pampa | kawasan tanah lapang yang tidak mempunyai tanaman berpokok |
| 16 | puma | puma | puma, harimau kumbang |
| 17 | pupo | <i>pupu(ti)</i> | pusat manusia |
| 18 | quipu | qhipu | simpulan tali |

4.10.5.3 Tainismo (daripada bahasa Sepanyol, *taíno*: Bahasa atau Orang Taíno-sejenis kaum Pribumi pada zaman pra-kolonial Sepanyol di La Española dan juga di Cuba dan Puerto Rico, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *taíno* didefinisikan sebagai.

1. adj. Digelar demikian kepada satu kumpulan Pribumi benua Amerika yang daripada kumpulan linguistik Arahuaço yang mendiami kawasan La Española dan juga di Cuba dan Puerto Rico semasa penemuan Amerika.
2. adj. Perkara kepunyaan atau berkaitan dengan orang-orang Tainos.
3. m. Bahasa yang diucapkan oleh orang-orang Taínos.

Jadual 4.32 *Tainismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>Tainismo</i> | Glos |
|-----|-----------------|---------------------|
| 1 | aji | cili, lada |
| 2 | bejuco | pokok anggur |
| 3 | boniata | keledek |
| 4 | cacique | pemimpin |
| 5 | canoa | kanu, kayak |
| 6 | carey | penyu |
| 7 | caimán | aligátor |
| 8 | Cuba | negara cuba |
| 9 | iguana | biawak iguana |
| 10 | jején | agas-agas |
| 11 | Caribe | kepulauan Carribean |
| 12 | Bahama | Bahamas |
| 13 | Habana | Havana |
| 14 | haití | Haiti |
| 15 | cocuyo | kunang-kunang |
| 16 | manatí | manatee |
| 17 | nasa | periuk |
| 18 | piragua | kanu, kayak |

| | | |
|----|---------|----------|
| 19 | sábana | cadar |
| 20 | tabaco | tembakau |
| 21 | tiburón | ikan yu |

Terdapat penulis-penulis yang menyamakan secara tidak langsung pengaruh *taíno* ini sebagai *antillanismos* yang merujuk kepada *Antillas*, iaitu kepulauan Antilles di Laut Caribbean sekarang ini. Sebagai contoh, Emilio Cordero Michel yang menulis artikel “*República Dominicana, cuna del antillanismo*” dalam majalah *Clío* edisi 165 yang diterbitkan oleh Órgano de la Academia Dominicana de la Historia.

4.10.5.4 Mayismo (daripada bahasa Sepanyol, *maya* : Bahasa atau Orang Maya-sejenis kaum Pribumi pada zaman pra-kolonial Sepanyol di Selatan Mexico dan Amerika Tengah, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *mayismo* didefinisikan sebagai:

1. Perkataan atau gaya bahasa daripada Bahasa Maya yang diaplikasikan kepada bahasa lain.

Contoh perkataan *mayismo*: *cigarro* yang bermaksud “rokok”.

4.10.5.5 Guaranismo (daripada bahasa Sepanyol, *guaraní*: Bahasa atau Orang Guarani-sejenis kaum Pribumi di Paraguay, Bolivia, Argentina, Uruguay dan sebahagian Brazil, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *guaranismo* didefinisikan sebagai:

1. m. Pinjaman linguistik yang berasal daripada bahasa Guarani yang dimasukkan ke dalam bahasa Sepanyol (*castellano*).

Contoh perkataan *guaranismo*: *ñandú, ananá, caraguatá, capibara, mandubí*

4.10.6 *Latinismo*

Menurut DRAE, *latinismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya atau cara bertutur yang berkaitan dan eksklusif (*privativo*) dengan bahasa Latin.
- ii. Penggunaan atau pembinaan gaya bahasa Latin dalam bahasa lain.

Contoh perkataan:

Jadual 4.33 *Latinismo* dalam bahasa Sepanyol I

| Bil | <i>Latinismo</i> | Glos |
|-----|------------------|---------------------------------|
| 1 | Memorándum | Memorandum |
| 2 | Orfeón | kumpulan muzik atau koir |
| 3 | Quórum | ahli sesuatu mesyuarat |
| 4 | Réquiem | misa untuk orang mati (Katolik) |
| 5 | Ultimátum | kata dua |
| 6 | Xenofilia | kesukaan kepada orang asing |

Willmar (2000) dan Llorente (2001) menyenaraikan frasa-frasa bererti daripada bahasa Latin seperti berikut, 35 daripadanya ialah:

Jadual 4.34 *Latinismo* dalam bahasa Sepanyol II

| Bil | Frasa latinismo | Glos |
|------------|----------------------------|--|
| 1 | a priori | Sebelum masalah dibicarakan, sebelum percubaan. |
| 2 | a posteriori | Selanjutnya dianggap masalah telah dibicarakan, setelah melalui pengalaman. |
| 3 | ab initio | 'Dari awal' |
| 4 | alma máter | 'Penjagaan ibu' bererti suatu tempat pendidikan tinggi untuk belajar; kuliah. |
| 5 | álder ego | 'Lain saya'. |
| 6 | anno domini (A. D.) | "Pada tahun Tuhan '. Ekspresi yang digunakan untuk tarikh teks atau peristiwa sejarah dari tahun kelahiran Nabi Isa. |
| 7 | ante meridiem (A. M.) | "Sebelum tengah hari." Hal ini merujuk kepada 12 jam sebelum tengah hari, sebagai lawan 12 di bawah (pm). |
| 8 | aula magna | Bilik universiti atau institusi pendidikan tinggi untuk merayakan peristiwa akademik. |
| 9 | casus belli | Kes yang mungkin dianggap cukup untuk mencetuskan perang. Juga 'deklarasi perang. " |
| 10 | circa (ca.)(c) | 'Sekitar. " Digunakan untuk fakta tarikh sekitar. |
| 11 | cf (confer) | Berunding |
| 12 | codex | 'Codex'. Nama generik untuk gulungan abad pertengahan atau buku. |
| 13 | corpus | 'Set'. Dalam penulisan ia menerangkan set karya-karya para pengarang atau idea-ideanya. |
| 14 | corpus delicti | 'Badan bukti'. Bukti fizikal suatu kejadian atau fakta. |
| 15 | cum laude | "Dengan kehormatan dan pujian." |

| | | |
|----|------------------|--|
| 16 | currículum vitæ | ‘Karier Hidup’. Sekarang ini merujuk kepada dokumen dengan mana seseorang menjelaskan jejak kerjayanya. |
| 17 | de facto | Seperti dibuktikan oleh peristiwa, yang sebenar-benarnya |
| 18 | de incognito | "Jadi tidak diketahui, tidak dikenali ', diam-diam. |
| 19 | de iure | Menurut undang-undang. (<i>eng. Legally</i>) |
| 20 | dúplex | "Dalam dua elemen." Sekarang merujuk kepada rumah dua tingkat atau sistem telekomunikasi tertentu. |
| 21 | et cetera (etc.) | “Dan lain-lain”. |
| 22 | ex officio | Dengan kebajikan atau perdagangan. Hal ini digunakan ketika seseorang dibebankan dengan mempunyai alasan lain; Apabila seseorang secara automatik menerima kedudukan alternatif hanya untuk memiliki pekerjaan lain. |
| 23 | fac simile | 'Fax atau faks. " salinan persis atau sempurna asli (bertulis, ditandatangani, buku, gambar, dll). Maksud harfiahnya ialah “buat sama”. |
| 24 | grosso modo | luas, dalam jumlah yang besar, sekitar (tidak perlu meletakkan kata sendi <i>a</i>) |
| 25 | honoris causa | Gelaran kehormat. Universiti-universiti memberikan gelaran kehormat pada individu yang memiliki keunggulan dalam ilmu seni dan politik. |
| 26 | in albis | tidak sedar; hilang ingatan. (<i>eng. Blank</i>) |
| 27 | in memoriam | 'Dalam Ingatan. Digunakan dalam kes kematian. |
| 28 | in loco parentis | 'Di tempat ibu bapa "Dalam undang-undang, ia digunakan untuk merujuk kepada wali atau penjaga jika ibu bapa tidak |

| | | |
|----|--------------|--|
| | | ada. |
| 29 | in pectore | "Di dalam dada." Menjaga keputusan rahsia. |
| 30 | in situ | 'Di tempatnya.' |
| 31 | ipso facto | Dengan fakta ini. Secara harfiahnya, ia bermaksud "kenyataan". |
| 32 | magnum opus | 'Pekerjaan besar' Perkara ini bermakna, atau karya, berkaitan dengan terbaik atau penghasilan adiknya daripada seorang seniman, penulis, atau penggubah. |
| 33 | motu proprio | Gerak sendiri, atas inisiatif sendiri. |
| 34 | sine die | Tanpa menetapkan batas waktu tertentu. |
| 35 | sui generis | Secara harfiah, 'jenis mereka sendiri. " 1) Apa ciri-ciri atau kelas yang tersendiri 2) aneh, tidak biasa. |

4.10.7 Helenismo (daripada bahasa Latin, *hellenismus* : Bahasa atau Orang Yunani/Greek dan *-ismo*; ἑλληνισμός).

- i. Zaman kebudayaan Yunani yang bermula dari zaman Alexander yang Agung hingga Augustus dan sangat dikenali melalui penyerapan elemen-elemen kebudayaan Asia Kecil dan Mesir.
- ii. Gaya atau cara bertutur yang berkaitan dan eksklusif (*privativo*) dengan Bahasa Greek.
- iii. Penggunaan atau pembinaan gaya Bahasa Greek dalam bahasa lain.
- iv. Pengaruh yang ditanamkan daripada budaya lama Greek dalam pelbagai tamadun dan budaya moden.

Jadual 4.35 *Helenismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>Helenismo</i> | Glos |
|------------|-------------------------|---|
| 1 | Átomo | atom |
| 2 | hemorragia | pendarahan otak |
| 3 | hematología | hematologi |
| 4 | morfología | morfologi |
| 5 | emblema | lambang |
| 6 | fantasma | hantu |
| 7 | reuma | reumatisme, sejenis penyakit berkaitan otot |
| 8 | poseidón | <i>eng. Neptune</i> , Tuhan laut, ribut dan gempa bumi dalam mitologi Greek purba |
| 9 | metamorfosis | metamorfosis |
| 10 | sistema | sistem |
| 11 | idioma | bahasa |
| 12 | análisis | análisis |
| 13 | énfasis | penekanan |

4.10.7 *Germanismo*

Menurut DRAE, *germanismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya bahasa atau cara bertutur daripada bahasa Jerman.
- ii. Perkataan atau gaya bahasa ini yang diaplikasikan ke atas suatu bahasa lain.
- iii. Penggunaan perkataan atau gaya bahasa Jerman dalam pelbagai bahasa.

Contoh perkataan:

Jadual 4.36 *Germanismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>Germanismos</i> | <i>Glos</i> |
|-----|--------------------|---|
| 1 | blanco | putih |
| 2 | espuela | tali cemeti |
| 3 | guante | sarung tangan |
| 4 | guerra | perang |
| 5 | rueca | roda berpusing |
| 6 | yelmo | helmet |
| 7 | bregar | bekerja keras |
| 8 | escanciar | menuang, menghidangkan |
| 9 | espía | perisik |
| 10 | brindis | minum ucap selamat |
| 11 | bigote | misai |
| 12 | guarecer | melindungi |
| 13 | cobalto | kobalt |
| 14 | cuarzo | kuarza |
| 15 | feldespato | sejenis mineral (eng. <i>feldspar</i>) |
| 16 | níquel | nikel |
| 17 | Bundesliga | Liga Bola Sepak Jerman |
| 18 | manschaft | pasukan bola sepak Jerman |

4.10.8 *Catalanismo* (daripada bahasa Sepanyol, *catalán*: Bahasa atau Orang Catalan, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *catalanismo* didefinisikan sebagai:

- i. Frasa bererti, gaya bahasa atau cara bertutur yang berkaitan dengan orang Catalán.

- ii. Kecintaan atau minat yang amat sangat kepada perkara-perkara yang berkaitan atau kebiasaan di Catalunya.

RAE mengiktiraf kewujudan lebih kurang 300 perkataan pinjaman daripada Catalan dalam bahasa Sepanyol moden. Berikut diberikan contoh perkataan yang bermula dengan huruf “c” yang terdapat dalam entri DRAE, 25 daripadanya ialah:

Jadual 4.37 *Catalanismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>Catalanismo</i> | Glos |
|-----|--------------------|---|
| 1 | paella | sejenis masakan berasaskan nasi |
| 2 | garrofón | sejenis kacang yang popular di Catalunya (Eng. <i>carob</i>) |
| 3 | dátil | buah kurma |
| 4 | turrón | gula nougat |
| 6 | perol | Mangkuk |
| 7 | butifarra | Sosej |
| 8 | cordel | Tali |
| 9 | cantimplora | Kantin |
| 10 | faena | Kerja |
| 11 | granel | pukal |
| 13 | retal | skrap, cebisan |
| 14 | esquirol | keruping |
| 15 | bajel | bekas untuk mengisi sesuatu |
| 16 | guante | sarung tangan |
| 17 | pólvora | serbuk debu |
| 18 | pincel | berus |

| | | |
|----|-----------|--------------------------|
| 19 | sastre | tukang jahit |
| 20 | forastero | orang asing |
| 21 | barraca | pondok |
| 22 | retrete | tandas |
| 23 | clavel | bunga carnation, teluki. |
| 24 | capicúa | palindrom, ungkap timbul |
| 25 | trébol | bunga cengkih |

4.10.9 *Italianismo* (daripada bahasa Sepanyol, italiano : Bahasa atau Orang Itali, dan -*ismo*).

Menurut DRAE, *italianismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya atau cara bertutur yang berkaitan dan eksklusif (*privativo*) dengan bahasa Itali.
- ii. Perkataan atau gaya bahasa ini yang diaplikasikan ke atas suatu bahasa lain.
- iii. Penggunaan perkataan atau gaya bahasa Itali dalam pelbagai bahasa.

Jadual 4.38 *Italianismo* dalam bahasa Sepanyol

| Bil | <i>italianismo</i> | Perkataan Itali asal | Glos |
|-----|--------------------|-------------------------|--|
| 1. | alerta | alerta | keadaan berjaga-jaga. |
| 2. | fragata | fragata | kapal dengan tiga tiang, (Eng. <i>frigate</i>) |
| 3. | bagatela | bagatela | gubahan muzik rancak dan pendek yang berasal daripada pergerakan romantik. |
| 4. | balcón | balcho | balkoni |
| 5. | banca | banca | gabungan bank-bank dan pengusaha bank |

| | | | |
|-----|--------------------|-----------------------|--|
| 6. | birra | birra | bir |
| 7. | capitán | capitano | kapten |
| 8. | capricho | capriccio | idea tanpa sebab, idea karut, ragam, nafsu |
| 9. | coronel | colonello | kolonel |
| 10. | cortejar | corteggiare | menemani seseorang |
| 11. | designio | disegno | pemikiran, cadangan yang diterima oleh akal. |
| 12. | diseñar; diseño | disegnare; disegno | merekabentuk (kata kerja); rekabentuk (kata nama). |
| 13. | dueto | dueto | gabungan dua perkara |
| 14. | dúo | duo | dua |
| 15. | escopeta | schioppetata | senapang patah |
| 16. | escuadrón | squadrone | pecahan infantri, pesawat pejuang atau kapal perang dibentuk biasanya oleh empat bahagian. |
| 17. | esdrújulo | sdrucchiolo | istilah untuk perkataan yang mempunyai tegasan di suku kata ketiga akhir. |
| 18. | estropear | sciupare | meletakkan sesuatu benda kepada keadaan yang teruk atau lebih teruk daripada keadaan sebelumnya. |
| 19. | facha | facciata | penampilan |
| 20. | festejar | festeggiare | merayakan, menyambut sesuatu acara. |

4.10.10 *Galicismo* (daripada latin. *Gallīcus* : Bahasa atau Orang Perancis, dan *-ismo*).

Menurut DRAE, *galicismo* didefinisikan sebagai:

- i. Gaya atau cara bertutur tersendiri bahasa Perancis.

ii. Perkataan atau gaya bahasa ini yang diaplikasikan ke atas suatu bahasa lain.

iii. Penggunaan perkataan atau gaya bahasa Perancis dalam pelbagai bahasa.

Del Hoyo (2002) dalam kamusnya *Diccionario de palabras y frases extranjerias* menyenaraikan perkataan-perkataan berikut sebagai contoh *galicismo* dalam bahasa Sepanyol, antaranya:

Jadual 4.39 Galicismo dalam bahasa Sepanyol

| Bil. | Galicismo | Perkataan Perancis asal | Glos |
|-------------|------------------|------------------------------------|---|
| 1 | amater | amateur | penyokong atau bukan profesional. |
| 2 | argot | argot | jargon, slanga |
| 3 | bricolaje | bricolage | aktiviti manual tidak profesional dalam tatacara atau hiasan rumah. |
| 4 | bulevar | boulevard | boulevard |
| 5 | buqué | bouquet | daripada bouquet, aroma atau bau aromatik daripada wain. |
| 6 | capó | capot | (Eng. hood) komponen kereta yang digunakan untuk menyimpan barang. |
| 7 | carné | carnet | kad atau lesen. |
| 8 | chófer | chauffeur | pemandu |
| 9 | chovinismo | chauvinisme | fahaman perkauman melampau. |
| 10 | cofre | coffre | dada, batang atau kotak kecil. |
| 11 | complot | complot | complot, konspirasi, persekongkolan. |
| 12 | debut | début | kali pertama kerjaya seorang seniman di dunia hiburan atau sukan. |
| 13 | debutar | débuter | kata kerja untuk "debut." |

| | | | |
|-----------|-----------|------------|---|
| 14 | déjà vu | déjà vu | istilah yang digunakan dalam psikologi yang bermaksud “pernah lihat” |
| 15 | dossier | dossier | laporan. |
| 16 | élite | élite | elit |
| 17 | gourmet | gourmet | seseorang yang menghargai kenikmatan tertinggi bidang masakan |
| 18 | jamón | jambon | daging babi kering |
| 19 | joya | joyau | barang kemas |
| 20 | ordenador | ordinateur | Istilah yang digunakan di Sepanyol untuk komputer. Di Amerika Latin, <i>computador</i> atau <i>computadora</i> digunakan. |

BAB V

ANALISIS DATA

5.0 Pengenalan

Berikut ialah analisis bagi data yang didapati bagi 549 berita yang telah dicerap bagi tempoh 30 hari tersebut. Kaedah analisis perbandingan secara kuantitatif dan kualitatif digunakan. Data yang dipilih untuk dianalisis ialah golongan perkataan BBSA dan BBSS yang menunjukkan kontras paling tinggi daripada segi kekerapan suatu perkataan itu muncul berbanding padanan mereka. Lampiran bagi keseluruhan data yang dicerap dapat dilihat dalam Apendiks A.

5.1 Perbandingan dengan Kajian Barreiro et al (1995)

5.1.1 Perbezaan sendiri (Barreiro I)

Seperti dalam bahagian 3, perbezaan sendiri boleh dipecahkan kepada beberapa bahagian.

5.1.1.1 Perkataan berlainan yang merujuk kepada perkara yang sama (Barreiro IA)

Secara khusus, perkataan-perkataan berlainan yang merujuk kepada perkara yang sama, boleh dikategorikan mengikut kes-kes yang berlainan:

5.1.1.1.1 Perkataan yang kontras secara menyeluruh

Perkara ini ialah sekumpulan perkataan-perkataan eksklusif satu varian berhubungan dengan perkataan-perkataan eksklusif yang berbeza pada varian lain, iaitu kedua elemen daripada pasangan memperlihatkan perbezaan perkataan yang kontras secara menyeluruh:

Jadual 5.0 Perbezaan Barreiro IA.a

| Bil | BBSS | BBSA | Glos |
|-----|----------------|---------------------------|-------------------------------------|
| 1 | regate | gambeta | gelecekan bola |
| 2 | culebrón | novela | kisah yang panjang berjela |
| 3 | plantilla | plantel | pasukan |
| 4 | portería | arco | pintu gol |
| 5 | centrocampista | volante, mediocampista | pemain tengah (<i>midfielder</i>) |

i. *Regate* ialah kata nama yang menyebabkan terbitnya daripada bentuk kata kerja infinitif *regatear* yang bermaksud menggelecek. DRAE mendefinisikan perkataan ini sebagai "*masc. En el fútbol y otros deportes, finta que hace el jugador para no dejarse arrebatar el balón*", yang bermaksud "Dalam bola sepak dan sukan-sukan lain, gerakan memperdaya yang dilakukan seorang pemain supaya bola yang ada padanya tidak dapat diambil oleh orang lain".

Manakala bagi *gambeta*, ia didefinisikan dalam DRAE sebagai "*fem. Am. En el fútbol, regate*", maksudnya "Dalam bola sepak, *regate*". Perkataan ini muncul sebanyak 3 kali dalam sampel BBSS yang dikaji dan tidak wujud sama sekali perkataan *gambeta* dalam sampel tersebut, iaitu penggunaan 100%. Dalam sampel BBSA pula, *gambeta* dan variannya telah muncul sebanyak 6 kali manakala tidak sekalipun bagi *regate*. Perkara ini menunjukkan pemilihan leksikal yang amat eksklusif bagi kedua-dua BBSS dan BBSA. Kes yang sama terjadi bagi perkataan-perkataan *culebrón* vs. *novela*, *plantilla* vs. *plantel*, *portería* vs. *arco* dan *centrocampista* vs *volante-mediocampista*. Dalam sampel

BBSS *culebrón* telah muncul sebanyak 3 kali berbanding *novela* 4 kali dalam BBSA. Dalam BBSS *plantilla* telah muncul 29 kali, *portería* 19 kali dan *centrocampista* 28 kali, berbanding lawan masing-masing dalam BBSA, *plantel* sebanyak 87 kali, *arco* 66 kali manakala *volante* 53 kali dan *mediocampista* pula 12 kali.

5.1.1.1.2 Perkataan-perkataan yang digunakan dalam kedua-dua varian tetapi dengan makna yang berbeza.

Sebagai contoh, di Argentina, *bárbaro* membawa maksud “hebat dan sangat bijak” manakala di Sepanyol ia bermakna “liar, tidak bertamadun”.

Jadual 5.1 Perbezaan Barreiro IA.b

| Bil | BSS | BSA | Glos |
|-----|-------------------|---------|----------------------|
| 1 | bárbaro | salvaje | liar, tak bertamadun |
| 2 | genial, excelente | bárbaro | hebat, sangat bijak |

Dalam kes ini, perkataan yang sama telah menjadi antonimi dalam varian yang lain. *bárbaro* hanya muncul sekali dalam BBSS dengan membawa maksud asal perkataan tersebut manakala perkataan *genial* dan *excelente* yang sinonim dengannya telah muncul masing-masing 2 dan 6 kali, iaitu 11.11% penggunaan bagi *bárbaro*. Salah satunya seperti dalam 2008-06-20-mundo-i dan 2007-09-19-marca-i. Firsova (1999) menegaskan perkara ini dalam pengkelasan ketiganya. Penjelasan lanjut akan diberi dalam huraian perbandingan dengan Firsova dalam bahagian seterusnya.

5.1.1.1.3 Perkataan wujud dalam kedua-dua varian tetapi dengan pertindihan makna

Perkara ini ialah perkataan-perkataan yang memiliki minimal satu kegunaan yang

berbeza dalam kedua-dua varian, tetapi juga berkongsi setidak-tidaknya, satu makna yang sama. Ibrahim (2006) menerangkan jenis perbezaan ini sebagai “Perkataan-perkataan yang mempunyai komponen makna yang sama”.

Jadual 5.2 Perbezaan Barreiro IA.c

| Bil | BSS | BSA | <i>Glos</i> |
|-----|---------|---------|-------------|
| 1 | entrada | plancha | bentesan |
| 2 | tantos | gritos | gol |

Sebagai contoh, *entrada* bermaksud “tiket masuk untuk menyaksikan perlawanan” dan “kemasukan pemain simpanan ke dalam padang” dalam kedua-dua varian. Namun di Sepanyol, ia juga digunakan bagi menghuraikan “bentesan”. Di Argentina, sebutan umum untuk hal ini ialah *plancha* dan tidak pernah *entrada*, iaitu penggunaan 0%. Agak menakjubkan kerana di sebalik penggunaan *plancha* yang sangat kerap dalam media Argentina, ia langsung tidak disebut dalam entri DRAE, yang rata-rata menerangkan mengenai maksud harfiah *plancha* iaitu “seterika” dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Terdapat juga penggunaan *plancha* dalam media Sepanyol tetapi terlalu sedikit iaitu hanya 1 kali daripada keseluruhan sampel, merangkumi hanya 5.56% daripada penggunaan keseluruhan. Namun begitu, ia bolehlah dianggap bukan bahasa bola sepak Sepanyol kerana 2008-12-06-mundo-ii menunjukkan yang wartawan tersebut terus memetik kata-kata Lionel Messi, pemain FC Barcelona yang berasal dari Argentina:

*“...se vio claro que en la primera entrada me llevo una buena **plancha**. En la segunda, él fue muy fuerte y con mala intención, pero salté y por eso no me dio”.*

Terjemahan: Jelas sekali yang dalam bentesan pertama saya telah terkena bentesan keras.

Dalam yang kedua, dia datang dengan sangat keras dan dengan niat jahat, namun saya telah melompat dan sebab itu (bentesannya) tidak kena pada saya.

Dapatlah dianggap Messi menggunakan kebiasaan BBSA bukan BBSS walaupun beliau bermain dengan kelab FC Barcelona di Sepanyol. Sebagai rujukan, perkataan *plancha* telah muncul sebanyak 4 kali dalam BBSA. *Entrada* telah muncul sebanyak 21 kali dalam BBSS manakala dalam BBSA hanya 12 kali yang mana 5 daripadanya datang daripada gabungan kata sendi dengan kata nama *de entrada* yang bermaksud “mula-mula” atau “dari awal” yang akan diulas sebentar lagi. Setiap perkataan dalam contoh di atas menunjukkan pencapahan makna yang luas, terutamanya perkataan *entrada* bagi BBSS. Ia dapat dirumuskan melalui jadual bentuk semantik Aristotelian berikut:

Jadual 5.3 Jadual Bentuk Semantik untuk perkataan *entrada*

| BBSS | BBSA |
|--|--|
| [+]Tiket masuk ke stadium (bukan tiket perjalanan seperti bas, kapal terbang dll.) | [+] Tiket masuk ke stadium (bukan tiket perjalanan seperti bas, kapal terbang dll.) |
| [+] kemasukan pemain ke dalam padang, menggantikan pemain lain atau dari awal permainan. | [+] kemasukan pemain ke dalam padang, menggantikan pemain lain atau dari awal permainan. |
| [+] bentesan, <i>tackle</i> | [-] bentesan, <i>tackle</i> |
| [-] “awal-awal lagi” | [+] “awal-awal lagi” |

Perkataan *entrada* di Sepanyol bermaksud:

- i) Tiket masuk ke stadium (bukan tiket perjalanan seperti bas, kapal terbang dll.)
- ii) kemasukan pemain ke dalam padang, menggantikan pemain lain atau dari awal permainan.
- iii) bentesan, *tackle*

Maksud yang ketiga tidak digunakan di Argentina tetapi terdapat makna lain yang digunakan secara meluas di negara tersebut tetapi tidak digunakan di Sepanyol iaitu *de entrada* yang bermaksud “mula-mula” atau “dari awal”. Walaupun ia digunakan bersama kata sendi *de* yang hampir sama dengan *of* atau *from* dalam bahasa Inggeris, ia juga langsung tidak pernah muncul dalam berita-berita Sepanyol.

Tantos pula digunakan untuk menggambarkan makna “gol” dalam kedua-dua varians tetapi *gritos* hanya digunakan di Argentina. Menurut kamus atas talian DRAE, *tanto* ialah adjektif yang mempunyai pelbagai kegunaan dalam bahasa Sepanyol. Maksud utamanya ialah menunjukkan sesuatu yang banyak atau berlebihan.

Contoh ayat:

Ha acabado en el hospital por tanto fumar. : “Dia akhirnya telah masuk hospital disebabkan **terlalu banyak** merokok”.

Namun, dalam DRAE, tiada penerangan yang menunjukkan perkataan *tanto* digunakan sebagai ganti untuk “gol” dan ini jelas menunjukkan yang perkataan ini telah mengalami peluasan makna, seperti yang ditemui dalam berita media Sepanyol berikut, 08-03-2007-marca-ii:

*....pues en sus últimos ocho encuentros ligeros, los de Joaquín Caparrós tan sólo han sumado ocho **tantos**.*

: yang mana dalam lapan pertemuan terakhir liga, anak-anak buah Joaquín Caparros hanya mengumpul lapan **gol**.

Manakala daripada media Argentina, 2007-09-06-ole-ii menyebut:

*..Los otros **tantos** fueron de Ledesma, Palermo, Urribarri y Dátolo.*

: Gol-gol yang lain ialah daripada Ledesma, Palermo, Urribarri dan Dátolo.

Namun, fokus di sini ialah penggunaan *gritos* di Argentina di samping perkataan *tantos*.

Grito sebagai kata nama menurut DRAE ialah:

1. *masc. Voz muy esforzada y levantada*: Suara yang sangat ditekan dan ditinggikan. (jeritan)

2. *masc. Expresión proferida con esta voz.* : Ekspresi yang ditunjukkan dengan suara sebegini.

3. *masc. Manifestación vehemente de un sentimiento general* : Manifestasi perasaan umum yang amat bertenaga.

4. *masc. Chirrido de los hielos de los mares glaciales al ir a quebrarse por estar sometidos a presiones.* : Bunyi bising ais dalam lautan glasier ketika patah disebabkan oleh tekanan.

Tidak satu pun maksud di atas memuaskan maksud baru *grito* sebagai “gol”. Dalam keseluruhan sampel berita media Argentina, 15 perkataan terbitan jamak *grito* iaitu *gritos* telah muncul, dengan 11 daripadanya bermaksud “gol”, iaitu 73.33%. Manakala dalam sampel berita media Sepanyol pula, *gritos* hanya muncul dua kali dan kedua-dua bermaksud “jeritan”.

Jadual 5.4 Bentuk Semantik untuk perkataan *grito*

| BSS | BSA |
|--|--|
| [+] Suara yang sangat ditekan dan ditinggikan. (jeritan) | [+] Suara yang sangat ditekan dan ditinggikan. (jeritan) |
| [+] Ekspresi yang ditunjukkan dengan suara sebegini. | [+] Ekspresi yang ditunjukkan dengan suara sebegini. |
| [+] Manifestasi perasaan umum yang amat bertenaga | [+] Manifestasi perasaan umum yang amat bertenaga |
| [-] Gol | [+] Gol |

Berikutan jadual di atas, ayat-ayat berikut dapat diperhatikan:

Media Sepanyol: 2008-12-07-marca-ii: *..para “convertir el Camp Nou en una olla a presión con **gritos** a favor del Barça”.*

:” ..untuk mengubah Stadium Camp Nou menjadi satu ombak tekanan dengan **jeritan-jeritan** yang menyokong Barcelona”.

Media Argentina: 2007-09-07-ole-ii: *..ubica a Independiente como el máximo anotador con 13 **gritos**.*

: ..meletakkan pasukan Independiente sebagai penjaring terbanyak dengan 13 **gol**.

5.1.1.2 Perkataan tanpa sinonim (Barreiro IB)

Ada perkataan-perkataan yang merupakan kontras kerana perkataan-perkataan tersebut tidak memiliki padanan dalam varian lain. Biasanya, ini berlaku ketika tidak ada rujukan yang sama kepada dua kebudayaan tempat sesuatu variasi dituturkan. Ketiadaan perkataan yang setara ditandakan oleh “---“:

Jadual 5.5 Perbezaan perkataan tanpa sinonim (Barreiro IB)

| Bil | BSS | BSA | Glos |
|-----|-----------|------------|---|
| 1 | --- | ciclotimia | keadaan yang tiba-tiba sangat berlawanan dengan keadaan asal |
| 2 | tiki-taka | --- | Gaya permainan bergaya dengan sejumlah pemain bertukar-tukar hantaran-hantaran pendek sesama mereka |
| 3 | -- | quinchos | Binaan tanpa dinding yang ringkas untuk makan atau memanggang daging |

| | | | |
|---|----|-----------|---|
| 4 | -- | plateísta | Penonton di <i>platea</i> atau <i>palco</i> (kawasan tempat duduk VIP dan tiket mahal di stadium) |
|---|----|-----------|---|

i. *Ciclotimia*

American Psychiatric Association (1994) mendefinisikan *ciclotimia* sebagai “gangguan turun-naik *mood* kronik yang melibatkan pelbagai tempoh simptom-simptom hipo-manik dan pelbagai tempoh simptom-simptom tekanan”. Seseorang pesakit *ciclotimia* akan bertukar tiba-tiba dari keadaan ceria dan bertenaga kepada kemurungan dan tertekan yang amat sangat; dan sebaliknya.

Dalam berita-berita bola sepak Argentina, istilah ini digunakan untuk menerangkan keadaan seseorang pemain yang pada mulanya bermain sangat buruk kemudian tiba-tiba menjadi sanjungan kerana bermain sangat baik atau menjaringkan gol; dan sebaliknya. Perkataan tersebut dan terbitannya *ciclotímico* telah muncul sebanyak 4 kali dalam BBSA.

Di Sepanyol, istilah ini langsung tidak digunakan dalam berita-berita bola sepak dan tiada perkataan yang setara dengannya digunakan.

ii. *Tiki-taka/tiqui-taca*

Tiki-taka atau variannya *tiqui-taca* pula merujuk kepada gaya permainan bergaya dengan sejumlah pemain bertukar-tukar hantaran-hantaran pendek sesama mereka. Oleh kerana hanya pasukan kebangsaan Sepanyol dan beberapa pasukan kelab dalam Liga Sepanyol yang bermain atau lebih tepat lagi “mampu bermain” dengan cara demikian, maka gaya tersebut tidak dipraktikkan oleh mana-mana pasukan di dunia ini termasuk Argentina. Perkara ini boleh dikategorikan sebagai perbezaan budaya bola sepak antara Sepanyol dan Argentina yang membantu mewujudkan perbezaan leksikal sedemikian

rupa. Perkataan ini hanya muncul sekali dalam seluruh ruang sampel, mungkin disebabkan ianya hanya disebut apabila merujuk pasukan kebangsaan Sepanyol dan sampel hanya diambil beberapa hari pada ketika Piala Eropah 2008.

iii. *Quincho*

DRAE mendefinisikan *quincho* sebagai:

1. *masc. Arg., Par. y Ur. Cobertizo con techo de paja sostenido solo por columnas, que se usa como resguardo en comidas al aire libre*: Pondok dengan bumbung jerami yang disokong hanya oleh dua tiang sebagai tempat berteduh sambil makan di ruang terbuka.

Tidak wujud binaan yang benar-benar sebegini dalam budaya Sepanyol menyebabkan ketiadaan perkataan yang setara dengan *quincho* dalam sampel BBSS. Kewujudan budaya *outdoor* masyarakat koboi *Gaucha* di kawasan Pampas Argentina menambahkan lagi keperluan binaan ini dalam kehidupan masyarakat Argentina yang tetap menerapkannya walaupun tinggal di metropolitan Buenos Aires.

iv. *Plateísta*

Plateísta bermaksud “penonton yang berada di *platea* atau *palco* (kawasan tempat duduk VIP dan mahal di stadium)”. Ia diterbitkan dari perkataan *platea* yang diberi definisi “1. *f. Patio o parte baja de los teatros*” oleh DRAE. Dalam bahasa Melayu ia bermaksud “Laman terbuka atau bahagian bawah teater”. Namun, *platea* mengalami peluasan makna kepada bahagian tempat duduk penonton berharga tinggi di Argentina. Contoh tersebut dapat dilihat:

2008-06-20-nacion-i: ...los hinchas de la Academia anteayer formaran una fila con la intención de conseguir una de las 2200 entradas (2000 populares y 200 *plateas*)

∴ para penyokong Academia kelmarin membentuk satu barisan dengan niat untuk mendapat satu dari 2200 tiket (2000 tempat duduk biasa dan 200 tempat duduk khas).

Perkataan seerti di Sepanyol ialah *palco*. Walau bagaimanapun, tidak wujud terbitan *palquista* dalam sampel Sepanyol. Dalam DRAE *palquista* bermaksud “**1. masc. Ladrón que se introduce por los balcones o ventanas.**”, iaitu dalam bahasa Melayu “Pencuri yang masuk melalui anjung/balkoni atau tingkap”. Perkara ini sudah semestinya terkeluar dari konteks makna *plateísta* dalam sampel lantas mengesahkan status *plateísta* sebagai perkataan tanpa padanan dari sampel Argentina.

Contoh penggunaan dalam media Argentina, dalam 2008-12-08-nacion-i:

“..y la equivocada reacción de Juan Román Riquelme con un *plateísta* que derivó en cuestiones judiciales.”

∴ dan reaksi silap oleh Juan Román Riquelme dengan seorang *plateísta* yang menerbitkan isu-isu perundangan.

5.1.2 Perbezaan kecenderungan (keutamaan) (Barreiro II)

Berdasarkan definisi “ Perbezaan kecenderungan (keutamaan) (Barreiro II)” dalam bab yang lepas iaitu “perkataan-perkataan yang terdapat dalam dua variasi, tetapi yang tidak digunakan dengan frekuensi yang sama”, berikut disenaraikan beberapa perkataan yang memperlihatkan perbezaan keutamaan.

Jadual 5.6 Perbezaan kecenderungan (keutamaan) (Barreiro II)

| Bil | BSS | BSA | Glos |
|-----|-------|----------------|---|
| 1 | baja | ausencia | tiada dalam senarai pemain ekoran kecederaan atau penggantungan |
| 2 | banda | banda, costado | bahagian sayap kiri atau kanan padang |

Dalam berita bola sepak Sepanyol *ausencia* wujud, dengan kekerapan 12 kali dalam sampel tetapi *baja* menjadi keutamaan, iaitu sebanyak 34 kali, mewakili 73.91% penggunaan keseluruhan. Dalam sampel Argentina, *banda* wujud dengan frekuensi penggunaan 12 kali, tetapi *costado* juga digunakan, dengan 9 kali, iaitu 42.86% penggunaan. Dalam bahasa berita bola sepak Sepanyol di Sepanyol *banda* menjadi keutamaan, telah muncul sebanyak 22 kali manakala perkataan *costado* hampir tidak wujud, iaitu hanya 3 kali, mewakili 12% penggunaan.

5.1.3 Perbezaan alternatif (Barreiro III)

Merujuk definisi Perbezaan alternatif (Barreiro III) dalam bab lepas iaitu “perbezaan yang menunjukkan perkataan-perkataan alternatif eksklusif dalam varian sendiri dan merupakan sinonim yang jarang digunakan bagi perkataan setara dalam varian lain”, berikut ialah contoh beberapa perkataan yang memenuhi definisi tersebut:

Jadual 5.7 Perbezaan alternatif (Barreiro III)

| Bil | BSS | BSA | Glos |
|-----|---------|------------|--|
| 1 | ingreso | entrada | kemasukan pemain simpanan ke dalam padang menggantikan pemain lain |
| 2 | coraje | valentía | keberanian, semangat |
| 3 | palo | travesaño | Tiang, palang gol |
| 4 | debutar | estrenarse | pertama kali bermain |

Dalam BBSA *entrada* menjadi alternatif dan kurang digunakan kerana *ingreso* juga wujud dan menjadi keutamaan, dengan kekerapan 47 kali, 100% penggunaan, berbanding hanya 12 bagi *entrada* dengan tiada satu pun daripada jumlah 12 tersebut membawa makna kemasukan pemain ke padang. Bagi BBSS pula *ingreso* hanya 4 kali digunakan berbanding 21 kali bagi *entrada*, yang mana 7 daripadanya membawa maksud seperti di atas. Dalam pemilihan perkataan BBSS *coraje* menjadi alternatif dan kurang digunakan, dengan kekerapan 1 kali, iaitu 50% penggunaan, kerana *valentia* juga wujud dan menjadi keutamaan dengan 2 kali penggunaan. Perkataan *valentia* pula langsung tidak digunakan di Argentina.

Dalam pemilihan perkataan BBSA, *travesaño* menjadi alternatif dan kurang digunakan dengan kekerapan 16 kali, kerana *palo* juga wujud dan menjadi keutamaan dengan 35 kali penggunaan, mewakili 68.63% penggunaan keseluruhan. Perkataan *palo* pula digunakan sebanyak 12 kali di Sepanyol manakala perkataan *travesaño* pula langsung tidak digunakan. Kes yang hampir sama dapat dilihat bagi *estrenar* vs *debutar* bagi BBSA kerana *estrenarse* dan terbitannya menjadi alternatif, iaitu hanya muncul sebanyak 2 kali berbanding *debutar* dan terbitannya yang mencatatkan 45 kemunculan, iaitu 95.74% penggunaan. Dalam BBSS pula *estrenarse* muncul hanya 17 kali, berbanding dengan *debutar* iaitu 26 kali yang mewakili 60.47% penggunaan.

5.1.4. Perbezaan Kelembagaan (Barreiro IV)

Perbezaan kelembagaan memperlihatkan perbezaan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan sistem organisasi bola sepak yang berbeza di Sepanyol dan Argentina. Perbezaan ini dapat disimpulkan seperti dalam rajah berikut:

Jadual 5.8 Perbezaan Barreiro IV

| Bil | BSS | BSA | Glos |
|------------|---|--|---|
| 1 | (Real) Federación Española de Fútbol (RFEF) | Asociación del Fútbol Argentino (AFA) | Persekutuan Bola Sepak Diraja Sepanyol/Persatuan Bola Sepak Argentina |

Contoh dari sampel, dalam 2008-06-08-mundo-iii:

“..dijo Aragonés en la página web de la Federación Española de Fútbol.”I

: “..kata Aragonés dalam laman web Persekutuan Bola Sepak Sepanyol.”

Manakala dalam 2007-03-08-ole-iii:

“Por el fallo de la Corte Suprema, a la Asociación del Fútbol Argentino..”

: “Menegenai keputusan Mahkamah Agung, kepada Persatuan Bola Sepak Argentina..”

Di Sepanyol, ia bersifat gabungan persatuan-persatuan bola sepak komuniti autonomi (wilayah autonomi) yang berbeza. Perkara ini dipengaruhi oleh sistem politik negara Sepanyol dengan ia merupakan sebuah negara persekutuan dengan raja berpelembagaan, hasil gabungan komuniti-komuniti autonomi seperti Catalunya, Madrid, Galicia, Comunitat Valenciana, País Vasco, Andalucía dan lain-lain. Sistem negara Sepanyol dapat dibandingkan dengan negara Britain, manakala Scotland, England, Wales dan Ireland Utara dapatlah dibandingkan dengan komuniti-komuniti autonomi Sepanyol tadi. Walaupun ada tuntutan daripada Persekutuan Bola Sepak Catalunya untuk menghantar pasukannya sendiri bertanding di peringkat Eropah dan dunia dengan alasan Scotland, England, Wales dan Ireland Utara semuanya bertanding di bawah bendera sendiri, FIFA tidak meluluskan permohonan tersebut dengan alasan pasukan-pasukan British tersebut telah lama berbuat demikian. Ia juga untuk menghalang lebih banyak pasukan autonomi dari seluruh Eropah memohon bertanding sendirian.

Argentina pula ialah sebuah negara republik tunggal. Oleh itu ia mempunyai hanya satu persatuan tunggal untuk bola sepak dengan cawangan-cawangan bagi setiap wilayahnya.

5.1.5. Perbezaan Morfologi dan sintaksis (Barreiro V)

Berikut ialah analisis bagi jenis perbezaan morfologi dan sintaksis:

5.1.5.1 Perbezaan Morfologi (Barreiro V-A)

Perkara ini termasuk pelbagai terbitan (awalan dan akhiran) dan infleksi yang berbeza dalam dua variasi (lihat Jadual 4, bahagian 2.4.2.3). Contoh berikut menunjukkan nominalisasi dengan akhiran terbitan yang berbeza:

Perbezaan pada peringkat morfologi:

Jadual 5.9 Perbezaan Morfologi (Barreiro V-A)

| Bil | BSA | BSS | Glos |
|-----|-----------|------------|---|
| 1 | lusitano | luso | berkenaan Portugal |
| 2 | defensor | defensa | pemain pertahanan |
| 3 | liderazgo | liderato | keadaan mendahului yang lain (dalam kedudukan liga) |
| 4 | puntaje | puntuación | pemerolehan mata atau markah |

i. *lusitano* vs. *luso*

Bagi perkataan *lusitano*, perbezaan tersebut boleh dibandingkan dengan kata sifat *British* bagi Britain, manakala *luso* bolehlah dianggap setara dengan *Briton*. Namun, penggunaannya tidaklah bersifat *interchangeable* kerana media Argentina sangat konsisten dengan penggunaan *lusitano* manakala media Sepanyol dengan istilah *luso*

selain adjektif utama bagi Portugal iaitu *portugués*. Kedua-dua kata sifat tersebut berasal daripada nama lama Portugal pada zaman pemerintahan Rom iaitu *Lusitania*. Ia setara dengan *Hispania* bagi Sepanyol dan *Britannia* bagi Britain.

Contoh dari sampel, media Argentina, dalam 2008-06-20-ole-i:

“...según informó hoy la prensa del país **lusitano**.”: Menurut laporan hari ini oleh media negara Portugis tersebut.

Bagi media Sepanyol, dalam 2008-06-08-marca-ii :

“El luso fue el autor del segundo gol de Portugal en el triunfo ante la selección turca..”

: “ (Pemain) Portugis itu merupakan pengkarya bagi gol kedua Portugal dalam kemenangan menentang pasukan kebangsaan Turki..”

ii. *defensor* vs. *defensa*

Defensor bermaksud “orang yang mempertahankan”. *Defensa* pula bermaksud “pertahanan”. Dalam konteks Sepanyol, *defensa* juga bermaksud “pemain pertahanan”.

Media Argentina sangat istiqamah dengan *defensor* dengan 51 kali kemunculan, iaitu 100% penggunaan dengan sekali pun tidak menggunakan istilah *defensa*” untuk merujuk kepada pemain pertahanan. Media Sepanyol pula tetap dengan *defensa*. Dalam BBSS juga dapat diperhatikan pencapahan maksud bagi *defensa* yang sepatutnya merujuk kepada sistem pertahanan sahaja, bukan kepada orang yang mempertahankan.

Sebagai contoh, dalam 2007-03-07-marca-ii:

*El veterano **defensa** no se ha recuperado a tiempo de su pinchazo en el abductor derecho*

Terjemahan:

(Pemain) Pertahanan veteran itu belum sembuh pada masanya (sebelum perlawanan tersebut) daripada kesakitan pada otot *abductor (pollicis longus)* kanannya.

Kes ini pula diambil sebagai contoh, dalam berita yang sama:

.. con el objetivo de recuperar al jugador titular en el centro de la **defensa** de Fabio Capello..

Terjemahan:

..dengan matlamat mendapatkan semula pemain kesebelasan utama di bahagian tengah **pertahanan** Fabio Capello..

Perkara ini menunjukkan penggunaan *defensa* sebagai sistem pertahanan *per se* tetap digunakan dalam media Sepanyol.

iii. liderazgo vs. liderato

Akhiran *-azgo* dan *-ato* ialah jenis-jenis imbuhan akhiran (*sufijos*) dalam bahasa Sepanyol yang menukar suatu i'rab kata kerja menjadi kata nama, atau suatu kata nama menjadi kata nama terbitan. Contoh-contoh akhiran lain ialah *-aje* (*aprender->aprendizaje*: belajar->pembelajaran), *-ción* (*intervenir->intervención*:campur tangan sebagai kata kerja->campur tangan sebagai kata nama), *-ista* (*fútbol->futbolista*: bola sepak->pemain bola sepak), *-dor* (*navegar->navegador*:belayar->pelayar lelaki), *-dora* (*explorar->exploradora*:menjelajah->penjelajah perempuan) dan lain-lain.

Liderazgo bermaksud “kepimpinan”. Dalam BBSA, pencapahan makna berlaku bagi perkataan tersebut kerana ia turut digunakan untuk menunjukkan “keadaan mendahului (pendahuluan)” sedangkan media Sepanyol hanya menggunakan *liderazgo* untuk menerangkan perkara “kepimpinan”.

Sebagai contoh, dalam 2007-03-18-nacion-i:

..derrotó 1 a 0 a Central en Rosario y conserva el **liderazgo**.

Terjemahan:

..telah mengalahkan Central 1-0 di Rosario dan terus mendahului (mengekalakan keadaan mendahului).

Manakala dalam 2007-03-06-ole –iii:

*“..Claudio López, el hombre que ya asumió el **liderazgo** en el vestuario a poco de haber arribado.”*

Terjemahan:

.. Claudio López, lelaki yang telah mengambil tugas **kepimpinan** dalam bilik persalinan sebaik sahaja tiba.

Manakala bagi media Sepanyol, dalam 2008-12-18-marca-ii:

*“Pepe Reina está seguro de que el Liverpool es capaz de retener el **liderato** en la Premier.. “*

Terjemahan:

Pepe Reina berasa pasti yang Liverpool mampu kembali mendapatkan **pendahuluan** (kembali mendahului) dalam Liga Perdana (Inggeris)..

Media Sepanyol tetap konsisten dengan *liderato* dengan 5 kekerapan tanpa sekalipun menggunakan *liderazgo* untuk menghuraikan “keadaan mendahului”, manakala media Argentina hampir langsung tidak menggunakan *liderato*, iaitu hanya muncul sekali bagi keseluruhan sampel, mewakili hanya 14.29% daripada penggunaan keseluruhan. *Liderato* sebenarnya boleh diertikan sebagai “pendahuluan”, namun Kamus DBP tidak memasukkan maksud tersebut dalam entrinya. Sebagai contoh, dalam ruangan sukan akhbar Berita Harian yang tersohor sebagai antara akhbar berbahasa Melayu tertua di Malaysia, pada 25 April 2011. Di bawah tajuk berita “Torres tamat kemarau”, akhbar tersebut menyatakan “Tidak dinafikan kemenangan 3-0 Chelsea ke atas West Ham, semalam sekadar merancakkan lagi bahang saingan Liga Perdana Inggeris ketika ini dengan Manchester United mengekalkan **pendahuluan** enam mata dengan baki empat perlawanan lagi selepas menewaskan Everton 1-0 di Old Trafford.”

iv. *puntaje/puntuación*

Menurut pengamatan daripada korpus, *puntaje* dan *puntuación* kedua-duanya bermaksud “pemerolehan mata atau markah”. Namun begitu, DRAE menerangkan *puntaje* sebagai:

1. masc. Arg., Chile, El Salv., Hond. y Ur. Conjunto de puntos obtenidos en algún tipo de prueba: Unit mata yang diperolehi daripada apa-apa jenis ujian.

Manakala *puntuación* pula bermaksud sebagai:

1. fem. Acción y efecto de puntuar: Tindakan atau kesan suatu proses mendapatkan mata.

2. fem. Conjunto de los signos que sirven para puntuar: Sekumpulan tanda yang berfungsi untuk menanda. Perlu dilihat juga maksud kata kerja *puntuar* itu sendiri untuk mendapatkan maksud tepat *puntuación*. Dalam RAE, ia didefinisikan sebagai:

1. tr. Poner en la escritura los signos ortográficos necesarios para distinguir el valor prosódico de las palabras y el sentido de las oraciones y de cada uno de sus miembros.

:Meletakkan dalam penulisan tanda-tanda baca yang perlu untuk membezakan nilai-nilai prosodi perkataan, juga membezakan makna ayat dan setiap satu komponennya.

*2. tr. Ganar u obtener **puntos** (//unidad de tanteo en algunos juegos).*

:Mendapatkan atau memperoleh **mata** (unit pemberian kuantiti/nombor dalam beberapa permainan).

Definisi pertama *puntuar* sesuai dengan definisi kedua *puntuación* manakala definisi keduanya sesuai dengan definisi pertama *puntuación*.

Definisi pertama untuk *puntuación* dilihat hampir seerti dengan definisi *puntaje*. Perbezaan yang dapat dilihat dalam proses pembentukan kedua-dua perkataan setara ini ialah pada akhirannya dan juga pada kata nama/kata kerja yang membentuknya.

Puntaje dibentuk daripada kata akar *punto* yang bermaksud “mata” atau “markah”. Kemudian ia dikepilkan dengan imbuhan akhiran *-aje*, yang menyebabkan kata nama tadi menjadi kata nama yang menunjukkan hasil suatu proses. Ia boleh digambarkan dengan kata kerja bahasa Melayu “makan” yang dikepilkan dengan akhiran *-an* menjadi “makanan” yang sudah semestinya suatu kata nama.

Puntuación pula dibentuk daripada kata kerja *puntuar* tadi. Setelah ia dii’rab menjadi *puntua*, ia kemudiannya dikepilkan dengan akhiran *-ción* yang kemudiannya membentuk kata nama *puntuación*.

Proses-proses ini dapat diringkaskan melalui perwakilan berikut:

Punto (kata nama) > *puntaje*

Puntuar (kata kerja) > *puntua* (kata kerja teri’rab) > *puntuación*

5.1.5.2 Perbezaan Sintaksis (Barreiro V-B)

Perbezaan ini merujuk sebarang perbezaan secara sintaksis atau tatabahasa. Sebagai contoh:

Jadual 5.10 Perbezaan Sintaksis (Barreiro V-B)

| Bil | BSA | BSS | Glos |
|-----|-----------------|----------------------|----------------------------------|
| 1 | (desde) afuera | (desde) fuera | (dari) luar |
| 2 | pensás | piensas | awak fikir |
| 3 | pelear un lugar | pelear por un | bertarung untuk (merebut) |

| | | | |
|---|------------|--------------|---------------------------|
| | | lugar | satu tempat |
| 4 | mejoró | ha mejorado | bertambah baik, meningkat |
| 5 | la palabra | las palabras | perkataan, kata-kata |
| 6 | llevaba | llevaría | sepatutnya membawa |
| 7 | por | a por | untuk |
| 8 | los once | el once | kesebelasan (pemain) |

i. (desde) afuera / (desde) fuera

Dalam BBSA, dapat diperhatikan penggunaan *afuera* secara konsisten oleh media Argentina untuk memberi makna “luar”. Sedangkan perkataan tersebut bermaksud “ke luar” dalam DRAE, dengan kata sendi *a* yang bermaksud “ke”, dikepilkan kepada kata sendi tempat *fuera* yang bermaksud “luar”. Perkara ini adalah pelencongan daripada tatabahasa piawai RAE.

Sebagai contoh, dalam 2007-03-07-nacion -i:

*A los 2, un remate cruzado de Cañabaz **desde afuera** del área determinó el tercer gol de América*

:Pada minit kedua, satu rembatan menyilang oleh Cañabaz **dari “keluar”** kawasan (kotak penalti) telah menentukan gol ketiga pasukan América.

Ayat ini boleh dibandingkan dengan 2009-08-02-marca-i:

*Sacó la mano Reina para despejar el disparo **desde fuera** del área de Moisés*

: Reina telah meregangkan tangannya untuk membiaskan percubaan **dari luar** kawasan (kotak penalti) oleh Moises.

Jelas secara logiknya ayat kedua adalah lebih tepat, dengan penggunaan kata sendi yang lebih tersusun dan akur kepada tatabahasa Sepanyol.

ii. *pensás /piensas*

Pensás pula ialah satu contoh penggunaan *voseo argentino* dalam korpus berita-berita media Argentina. Terdapat 12 kali penggunaan bentuk tatabahasa basahan tersebut dalam keseluruhan berita media Argentina yang telah dicerap. Tiada satu pun penggunaan *piensas* dalam BBSA.

Sebagai contoh, dalam temuramah antara pemain Boca Juniors, Miguel Angel Russo, dengan wartawan La Nación, dalam 2007-09-07-nacion-ii:

*¿Pero ya **pensás** en el Mundial de Clubes, en diciembre en Japón?*

: Tetapi awak sudah berfikir mengenai Kejohanan Kelab Dunia dalam bulan Disember di Jepun?

Dalam media Sepanyol pula, hanya *piensas* digunakan. Sebagai contoh, dalam 2008-12-08-mundo-i:

*A los 20 años **piensas** que tu familia es para siempre y es algo que no puedes asumir*

:Pada usia 20 tahun, awak fikir keluarga awak ada selama-selamanya dan ia merupakan satu perkara yang awak tidak boleh anggap (begitu).

iii. *mejoró / ha mejorado*

Penggunaan *pretérito indefinido* (*simple past tense*) “*mejoró*” pada ketika *pretérito perfecto* (*present perfect*) “*ha mejorado*” adalah lebih tepat memang menjadi lumrah bagi negara-negara Amerika Latin. Dalam kes ini, Argentina tidak terkecuali. Brodsky (2005:111) memberi contoh penggunaan *pretérito indefinido* di negara-negara Amerika Latin seperti berikut:

Fui** al cine tres veces esta semana:* setara dengan “I went** to the cinema three times this week*”

Bagi contoh Sepanyol pula:

He ido al cine tres veces esta semana: setara dengan “*I have been to the cinema three times this week*”. Perkara ini jelas menunjukkan kecenderungan penutur dari Amerika Latin untuk meringkaskan penggunaan kala masa walaupun ia agak merbahaya bagi status bahasa Sepanyol sebagai sebuah bahasa yang sofistikated. Fenomena ini dapat dilihat dalam 2007-09-06-ole-i:

*Ahora que en el América tengo continuidad, mi rendimiento **mejoró**.*

:Oleh kerana sekarang dalam pasukan América saya mempunyai kesinambungan (bermain bola sepak), prestasi saya **telah meningkat**.

Dalam media Sepanyol, sebagai contoh dalam 2008-06-06-mundo-ii:

*Con Salmerón el equipo **ha mejorado** en defensa, pero ha perdido potencial en ataque de forma importante*

:Dengan adanya Salmerón, pasukan ini **telah meningkat** dari aspek pertahanan, tetapi sudah kehilangan kekuatan dalam serangan pada kadar yang ketara.

iv. la palabra / las palabras

BSA cenderung menggunakan bentuk tunggal kata nama *palabra* yang bermaksud “perkataan” bagi merujuk kepada ucapan seseorang individu. *Palabras* pula ialah bentuk jamak bagi *palabra*.

Sebagai contoh dalam 2007-09-07-nacion-i, dapat diperhatikan:

***La palabra** de Diego. "Esta vez iremos a Inglaterra y no habrá travesuras, sólo grandes goles", dijo Maradona.*

Terjemahan:

Kata Diego. “Kali ini kita akan pergi ke England dan tidak akan ada main-main, hanya gol-gol hebat”, kata Maradona.

BSS pula tetap menggunakan bentuk jamak dalam mengutarakan ucapan-ucapan watak dalam berita-berita mereka, sebagai contoh, dalam 2008-06-07-mundo-iii:

Las palabras de Simao hablan del sentimiento y la profesionalidad del jugador del Atlético de Madrid.

Terjemahan:

Kata-kata Simao mengungkapkan perasaan dan sifat profesionalisme pemain Atlético de Madrid itu.

Daripada cerapan data sampel BBSA, *palabra* telah muncul sebanyak 10 kali manakala *palabras* 12 kali. Walaupun jumlah penggunaan bentuk tunggal ini hampir sama banyak dengan bentuk jamak, iaitu 45.45%, ia menunjukkan penggunaannya yang agak kerap berbanding BBSS. Dalam BBSS, *palabras* telah muncul sebanyak 15 kali, mewakili 93.75% penggunaan, manakala *palabra* hanya 1 kali. Perkara ini menerangkan hujah di atas yang mana bentuk tunggal menjadi pilihan di samping bentuk jamak di Argentina manakala bentuk jamak menjadi pilihan hampir mutlak di Sepanyol.

v. *llevara / llevaría*

Kata kerja infinitif bagi kata kerja di atas ialah *llevar* yang bermaksud “membawa”.

Llevaba ialah bentuk kata kerja masa lepas tidak lengkap (*pretérito imperfecto*) dan *llevaría* pula ialah bentuk bersyarat (*condicional*). *Pretérito imperfecto* setara dengan *past continuous tense* dan bentuk “*used to..*” dalam bahasa Inggeris manakala *condicional* setara dengan bentuk “*..would..*”.

Bentuk-bentuk berikut diperhatikan:

Jadual 5.11 Bentuk I'rab *pretérito imperfecto* dan *condicional* bagi kata kerja *llevar*

| Kata ganti nama | Bentuk <i>pretérito imperfecto</i> | Bentuk <i>condicional</i> |
|--|------------------------------------|---------------------------|
| yo (saya) | Llevaba | Llevaría |
| tú (awak) | Llevabas | Llevarías |
| él/ella/usted (dia lelaki/perempuan/anda) | Llevaba | Llevaría |
| nosotros/nosotras (kami lelaki/perempuan) | Llevábamos | Llevaríamos |
| vosotros/vosotras (awak semua lelaki/perempuan) | Llevabais | Llevaríais |
| ellos/ellas/ustedes (mereka lelaki/perempuan/anda semua) | Llevaban | Llevarían |

Dalam 2009-08-03-ole-ii:

*El vuelo que lo **llevaba** a España partió sin el jugador.*

Terjemahan: Penerbangan yang **sepatutnya membawa** beliau ke Sepanyol bertolak tanpa pemain itu.

Manakala dalam 2007-03-18-pais-iii:

Yo le llevaría porque le veo entrenar todos los días y sé el trabajo que hace, pero el seleccionador sus motivos tendrá", ha señalado finalmente.

Terjemahan: “Saya **mungkin telah membawanya** kerana saya melihatnya berlatih setiap hari dan saya tahu bagaimana kerja yang dilakukannya, tetapi jurulatih kebangsaan pasti mempunyai motif yang tersendiri”, ujar beliau akhirnya.

Perkara ini bersesuaian dengan Millares (2000:51) yang menerangkan, dalam bahasa Sepanyol kolokial (*colloquial*), bentuk *pretérito imperfecto* kerap digunakan pada ketika bentuk *condicional* sepatutnya digunakan. BBSA kelihatan menggunakan bentuk *pretérito imperfecto* ini walaupun tidak secara meluas namun apabila dibandingkan dengan BBSS yang tetap setia dengan *condicional*, adalah amat penting memasukkan kes ini sebagai suatu perbezaan leksikal yang ketara antara kedua-duanya.

vi. *pelear un lugar / pelear por un lugar*

Kehilangan kata sendi *por* dalam BBSA menunjukkan perbezaan sintaksis dengan BBSS. Dalam penggunaan bahasa Sepanyol Piawai (BSP), kehadiran *por* adalah perlu untuk menunjukkan tujuan/motif sesuatu tindakan.

Dalam 2007-03-20-olé-iii:

*Una buena señal para **pelear un lugar**.*

Terjemahan: Satu petanda baik untuk **bersaing merebut satu tempat**.

Bagi kes ini, dapat diperhatikan pelencongan daripada tatabahasa standard yang anehnya diterima secara meluas dalam penulisan dalam media-media sukan ini sekurang-sekurangnya. DRAE memberi contoh penggunaan berikut untuk *por* dalam lamannya:

“Ir por leña, por vino, por pan.”

Pergi untuk mendapatkan kayu api, untuk mendapatkan wain, untuk mendapatkan roti.

Fungsi *por* di sini dilihat sebagai menyampaikan motif atau sasaran sesuatu tindakan, dengan kayu api, wain dan roti ialah sasaran tindakan *ir*: pergi, yang didahului oleh kata sendi *por*.

BSS pula seperti biasa sangat komited dengan BSP terutamanya dalam aspek tatabahasa. Sebagai contoh, dalam 2007-03-18-mundo-ii:

“... y del tanto de Otero, lo que le permite seguir en la **pelea por entrar** en el playoff.”

Terjemahan: ..dan mengenai gol jaringan Otero, yang mana membenarkannya terus berada dalam **saingan untuk memasuki** peringkat playoff.

vii. **por / a por**

Walau bagaimanapun, dalam BBSS terdapat juga kecenderungan menggunakan frasa sendi *a por* untuk menunjukkan target sesuatu tindakan, sedangkan dalam bahasa Sepanyol Piawai ia boleh dikatakan tidak perlu, malah ada yang menganggapnya sebagai satu kesalahan tatabahasa.

Sebagai contoh, dalam 2007-09-06-nacion-iii,

Augusto Fernández, pemain tengah pasukan River Plate telah menyebut:

*Estoy seguro de que vamos a **pelear por** el título. El equipo está mejorando y fue fundamental ganarle a Newell s"*

: Saya pasti yang kita akan **berjuang untuk** gelaran (juara). Pasukan ini sedang meningkat dan kemenangan ke atas *Newell's* memang amat bermakna.

Manakala bagi media Sepanyol pula, dalam 2007-03-06-mundo-i, Raúl berkata:

“Tenemos que ir a por todas...” yang bermaksud “Kita perlu pergi (berjuang) untuk segala-segalanya”, sedangkan ayat yang setara hanyalah *“Tenemos que ir por todas..”*.

Perkara ini kelihatan seperti satu kekeliruan dengan fungsi kata sendi *a* yang digunakan bersama kata kerja *ir* yang menunjukkan fungsi seperti “akan” dalam bahasa Melayu.

Jadual 5.12 I’rab kata kerja ‘ir’ (pergi) bagi Presente (*Present Tense*)

| Kata ganti nama | Conjugación (I’rab) |
|-----------------|---------------------|
| Yo (Saya) | voy |
| Tú (Awak) | vas |

| | |
|---|-------|
| El/ella/usted (Dia lelaki/Dia perempuan/Anda) | va |
| Nosotros/nosotras (Kami lelaki/Kami perempuan) | vamos |
| Vosotros/vosotras (Awak ramai lelaki/ Awak ramai perempuan) | váis |
| Ellos/ellas/ustedes (Mereka lelaki/mereka perempuan/Anda ramai) | van |

Sebagai contoh:

*Luis **va a** comer muy pronto.* (BSP)

Luis **akan** makan tidak lama lagi (BMM)

*Cecilia y Nuria **van a** llegar a las dos.* (BSP)

Cecilia dan Nuria **akan** sampai pada pukul dua. (BMM)

Kebiasaan menggunakan *a* selepas kata kerja *ir* mungkin menyebabkan fenomena ini berlaku. Dalam DRAE, jika dicari perkataan *por*, baris ke-22 menerangkan yang *por* ialah “*prep. U. en lugar de la preposición a y el verbo traer u otro.*” yang bermaksud

“perkataan sendi yang berfungsi seperti kata sendi *a* dan kata kerja “traer (bawa balik)” atau lain-lain.

Contoh penggunaan yang diberi ialah:

Ir por leña, por vino, por pan.”

:Pergi untuk mendapatkan kayu api, untuk mendapatkan wain, untuk mendapatkan roti.

Walau bagaimanapun, RAE sendiri dalam ruangan soalan berulang membenarkan penggunaan *a por* dengan berhujah berasaskan wujudnya “perkataan sendi berganda” yang lain yang masih digunakan tanpa sebarang masalah. Sebagai contoh: *para con, de entre, por entre, tras de, de por*, etc. *A por* juga telah wujud dalam dokumentasi teks-teks Sepanyol dalam kurun-kurun ke 16 dan 17. Ia turut menerangkan pertembungan dua struktur iaitu *ir a un lugar* (penyempurnaan arah) dan *ir por algo o alguien* (dalam pencarian sesuatu atau seseorang), yang mana bentuk kedua ini turut merangkumi idea *movimiento hacia* yang bermaksud “pergerakan menuju”.

Dalam masa yang sama, penggunaan kata sendi berganda tersebut berfungsi untuk menegaskan suatu perkara dalam kes-kes ambiguiti. Sebagai contoh, ayat:

Voy por mi hijo boleh bermaksud:

- i) ‘*voy a buscar a mi hijo*’: saya pergi mencari anak saya.
- ii) ‘*voy en lugar de mi hijo*’: saya pergi menggantikan anak saya.
- iii) ‘*voy en favor o por el bien de mi hijo*’: saya pergi untuk kebaikan anak saya,
- iv) ‘*voy porque me lo ha perdido mi hijo*’: saya pergi kerana anak saya meminta saya berbuat demikian.

Manakala ayat *Voy a por mi hijo* hanya boleh bermaksud *voy a buscar a mi hijo*.

viii. los once /el once

Seperti dalam jadual di atas, kedua-dua perkataan bermaksud “kesebelasan (pemain)” yang diterbitkan daripada perkataan *once* yang bermaksud “sebelas”. Dalam BBSA, dapat diperhatikan yang penggunaan *once* dalam bentuk jamak *los* (Eng. *the*) yang konsisten iaitu sebanyak 3 kali tanpa sekalipun menggunakan bentuk tunggal *el* (Eng. *the*). Keadaan sebaliknya juga berlaku dalam BBSS dengan bentuk tunggal telah digunakan sebanyak 12 kali tanpa sekalipun menggunakan bentuk jamak.

Sebagai contoh, dalam 2008-06-19-ole-i:

*Por otro lado, en el entrenamiento de esta mañana Diego Simeone probó a **los once** que enfrentarán a Banfield en la última fecha.*

:Dalam pada itu, dalam latihan pagi ini, Diego Simeone telah mencuba **kesebelasan** yang akan menentang Banfield pada hari perlawanan terakhir.

Manakala, contoh bagi media Sepanyol, dalam 2007-09-07-marca-iii:

*EL DEFENSA BRASILEÑO BUSCA UN PUESTO EN **EL ONCE***

“Pemain pertahanan dari Brazil itu mencari satu tempat dalam **kesebelasan** (utama).

Perkara ini mungkin menunjukkan logik yang berbeza bagi kedua-dua negara. Di Argentina, mereka dianggap **berbilang** pemain manakala di Sepanyol, ia lebih menunjukkan sebilangan pemain yang membentuk **satu** pasukan.

5.16 Perbezaan Ortografi (Barreiro VI)

Seperti yang dijangka, tiada perbezaan ortografi yang wujud antara BBSS dan BBSA, kecuali pada perkataan-perkataan kata kerja daripada domain *voseo*. Bahagian tersebut telah dimasukkan ke dalam bahagian perbezaan sintaksis iaitu Perbezaan Barreiro V-B.

Ketiadaan perbezaan ini bersesuaian dengan realiti bahasa Sepanyol sebagai satu bahasa antarabangsa yang amat seragam daripada sudut ortografi.

5.2 Perbandingan dengan Kajian Natalia Firsova (1999) dan Ibrahim Ahmad (2006).

Bahagian ini akan menerangkan perbezaan dan kesamaan yang wujud antara kedua-dua kajian tersebut.

5.2.1 Jenis Firsova 3 (tidak diberi klasifikasi khas dalam kajian Ibrahim):

Unit-unit leksikal adalah betul-betul sama pada peringkat ekspresi, iaitu dalam bentuk dan mempunyai maksud yang berlawanan pada peringkat semantik.

i) *Bárbaro*

Dalam konteks bola sepak BBSA, kata sifat *bárbaro* sentiasa dirujuk kepada “hebat; berani”, tidak sekali-sekali kepada maksud terus perkataan tersebut yang merujuk kepada “perlakuan liar, tidak bertamadun” seperti yang dicatatkan dalam kamus dalam talian RAE (DRAE). Berita bola sepak Sepanyol pula lebih setia kepada tafsiran asal perkataan tersebut, seperti yang dapat diperhatikan dalam berita 20032007-marca-i, walaupun ia muncul hanya sekali.

El bárbaro botellazo que recibió Juande Ramos tras el gol de Kanouté en el 56' de partido obligó a la suspensión del choque el 28 de febrero.

Balingan botol **tidak bertamadun** yang diterima oleh Juande Ramos selepas gol jaringan Kanouté pada minit ke-56 perlawanan telah memaksa penggantungan pertembungan 28 Februari itu. Manakala bagi media Argentina, satu contoh yang sangat sesuai ialah ketika Federico Insúa mengulas mengenai peluangnya bermain bersama Juan Roman Riquelme dalam pasukan kebangsaan Argentina, dalam 2007-09-06-ole-i:

"Es un jugador **bárbaro**, me encantaría jugar junto a él".

:Dia seorang pemain yang **sangat hebat**, saya amat gembira dapat bermain bersamanya.

Perkara ini menunjukkan terdapat pencapahan makna dalam BBSA. Dalam BBSA, perkataan *bárbaro* digunakan sebanyak 15 kali dan semuanya membawa maksud seperti di atas.

ii) *promoción*

Pada asalnya, *promoción* dalam penggunaan Berita Bola Sepak Argentina (BBA) boleh digolongkan dalam perbezaan kelembagaan kerana ia merujuk kepada nama khas bagi liga divisyen dua Argentina. Di Sepanyol, ia disebut sebagai "*Segunda División*". Namun, oleh kerana kata itu sendiri bermaksud "kenaikan" dan kerap di Sepanyol ia digunakan bersama-sama *ascenso* untuk menggambarkan kenaikan sesuatu kelab daripada divisyen lebih rendah kepada suatu divisyen yang lebih tinggi, adalah lebih sesuai ia dimasukkan dalam kategori ke 3 Firsova.

5.2.2 Jenis Firsova 4 (Jenis Ibrahim 2):

Unit-unit leksikal adalah berbeza secara mutlak pada peringkat ekspresi (dalam bentuk) dan mempunyai maksud yang sama pada peringkat semantik. Sebagai contoh, "cendawan" disebut sebagai *champiñones* di Sepanyol dan *hongos* di Mexico. Terdapat beberapa jenis perbezaan dalam perspektif keempat ini.

5.2.2.1 Berbeza secara mutlak pada peringkat leksikal

Jadual 5.13 Perbezaan mutlak pada peringkat leksikal (Firsova 4)

| Bil | BSS | BSA | Glos |
|-----|------------------|---------------|-----------------------|
| 1 | posición (tabla) | clasificación | kedudukan kelab dalam |

| | | | |
|---|-----------------------------|----------------------|--|
| | | | carta |
| 2 | inferiores | filial, cantera | akademi bola sepak, pasukan kategori rendah |
| 3 | la novela | el culebrón | drama bersiri yang panjang berjela |
| 4 | pase | traspaso | perpindahan pemain |
| 5 | conferencia (de prensa) | rueda (de prensa) | sidang akhbar |
| 6 | (muchacha) potencialidad | (mucho) futuro | sangat berpotensi |
| 7 | la plata | el dinero | duit |

Perkara ini bersamaan dengan Perbezaan Barreiro IA.a yang mana perbezaan pemilihan perkataan adalah mutlak.

5.2.2.2 Intervensi bahasa asing

Setelah diteliti, terdapat empat bahasa asing yang mempengaruhi penggunaan leksikal berita bola sepak di Argentina iaitu bahasa Inggeris, Itali, Portugis dan Catalan; masing-masing disebut dalam bahasa Sepanyol sebagai *anglicismo*, *italianismo*, *lusismo* dan *catalanismo*.

Jadual 5.14 Senarai intervensi bahasa asing

| Bil | BSA | Jenis Intervensi | BSS | Glos |
|-----|---------|---------------------|-----------|-------------------------|
| 1. | chances | <i>anglicismo</i> | ocasiones | peluang menjaringkan |

| | | | | |
|-----|---------|--|--|----------------------|
| | | | | gol |
| 2. | birra | <i>italianismo</i> | cerveza | bir |
| 3. | ticket | <i>anglicismo</i> | entrada | tiket |
| 4. | overol | <i>anglicismo</i> | completo | keseluruhan |
| 5. | wing | <i>anglicismo</i> | de banda | pemain sayap |
| 6. | gambeta | <i>italianismo</i> | regate | gelecekan |
| 7. | pibe | <i>lunfardo,</i> <i>catalanismo</i> | joven, chaval (daripada perkataan “pebete”, daripada bahasa catalan “pivet”) | budak, orang muda |
| 8. | mix | <i>anglicismo</i> | mezcla | campuran |
| 9. | ómnibus | <i>anglicismo</i> | autocar | bas |
| 10. | laburar | <i>italianismo,</i> <i>lunfardo</i> | trabajar | bekerja |
| 11. | referí | <i>anglicismo</i> | arbitro, colegiado | pengadil |
| 12. | manager | <i>anglicismo</i> | entrenador, <i>míster</i> | pengurus |
| 13. | offside | <i>anglicismo</i> | fuera de juego | <i>offside</i> |
| 14. | show | <i>anglicismo</i> | espectáculo | pertunjukan |
| 15. | fixture | <i>anglicismo</i> | partido, encuentro | jadual |

| | | | | |
|-----|--------------|--------------------|---|---------------------------------|
| | | | | perlawanan |
| 16. | blooper | <i>anglicismo</i> | el ridículo, una cantada | kesilapan yang melucukan |
| 17. | revival | <i>anglicismo</i> | resurgimiento, renacimiento, regeneración | keadaan hidup semula |
| 18. | rol | <i>anglicismo</i> | papel | peranan |
| 19. | <i>grosa</i> | <i>italianismo</i> | bandidos | <i>orang-orang tak beretika</i> |
| 20. | performances | <i>anglicismo</i> | prestaciones, desempeños | persembahan |
| 21. | lifting | <i>anglicismo</i> | mejora | penambahbaikan |
| 22. | balde | <i>lusismo</i> | cubo | baldi |
| 23. | ranking | <i>anglicismo</i> | clasificación | kedudukan dalam liga |

Daripada keseluruhan 23 perkataan asing yang muncul dalam sampel BBSA, 17 daripadanya ialah *anglicismo*. Perkara ini berkemungkinan besar disebabkan fungsi bahasa Inggeris dalam penamaan istilah-istilah bola sepak yang bukan sahaja amat meluas pada masa kini, malah pada zaman awal permainan ini. Hakikat yang bola sepak moden berasal dari England tidak dapat dinafikan oleh sesiapa walaupun sejarah mencatatkan terdapat permainan purba Itali yang diberi nama *Calcio* dan beberapa

permainan purba lain termasuk dari China yang menyerupai bola sepak. FIFA turut memaparkan fakta yang bola sepak moden bermula di England pada tahun 1863. Anehnya, di samping memuatkan beberapa permainan purba yang seakan-akan bola sepak termasuk dari China, Rom (Itali sekarang), Jepun dan Greece, tidak pernah penulis terbaca fakta sejarah bola sepak dunia yang menyertakan sepak raga dari Tanah Melayu sebagai salah satu permainan contoh, sedangkan permainannya saling tak tumpah seperti “Kemari” dari Jepun. Mungkin berpunca daripada kesilapan penduduk Malaysia sendiri yang kurang berasa bangga dengan warisan sendiri dan kurang keinginan menyumbangkan ilmu kepada dunia.

Berbalik kepada persoalan asal tadi, jelaslah yang bahasa Inggeris telah mempengaruhi bahasa-bahasa lain bukan sahaja dalam aspek bola sepak, malah dalam aspek-aspek lain seperti ekonomi, sains, sastera dan sebagainya.

5.2.3 Jenis Firsova 5 (Jenis Ibrahim 3):

Unit-unit leksikal menunjukkan perbezaan sebahagian pada tahap pembentukan kata tetapi mempunyai maksud yang sama pada peringkat semantik (morfologi dan sintaksis). Bahagian ini telah diperincikan dalam bahagian 5.1.1.1.3 perbandingan dengan Barreiro et al (1995).

5.3 Kesimpulan Analisis

Secara umumnya, dapatan kajian dapat dibandingkan secara terus dengan kajian-kajian Firsova (1999), Ibrahim (2006) dan Barreiro et al (1995), kecuali pada perbezaan ortografi yang tidak wujud antara BBSS dan BBSA. Ini menunjukkan fungsi RAE yang sangat berkesan memastikan keseragaman bahasa Sepanyol sebagai bahasa antarabangsa dan dalam masa yang sama mengiktiraf perbezaan-perbezaan yang menunjukkan identiti tempatan sesebuah negara atau daerah penutur.

BAB VI

KESIMPULAN

6.0 Kesimpulan

Kesimpulan kajian ini akan dibahagikan kepada:

- i) Dapatan dan peneguhan pendapat
- ii) Saranan daripada pengkaji

6.1 Dapatan dan peneguhan pendapat

Perbezaan pemilihan leksikal berita bola sepak Argentina dengan Sepanyol adalah sangat ketara walaupun bahasa Sepanyol kerap disebut sebagai bahasa yang amat seragam daripada segi kosa kata, ejaan dan tatabahasanya. Perkara ini ditunjukkan dengan dapatan daripada Bab 5 yang memperincikan satu-persatu kategori yang telah diformulakan untuk menyesuaikan dengan kelas-kelas perbezaan leksikal dan semantik yang didapati. Amnya perbezaan ini dapat disimpulkan ke dalam kategori-kategori seperti:

- i) Perkataan berbeza tetapi maksudnya sama
- ii) Perkataan yang digunakan dalam kedua-dua varians tetapi mempunyai maksud yang berbeza, ini dipecahkan pula kepada:
 - a. Maksud hanya berbeza sama sekali
 - b. Maksud berlawanan sama sekali
- iii) Perkataan yang mempunyai pertindihan komponen makna
- iv) Perkataan yang tiada mempunyai padanan makna dalam varian satu lagi
- v) Perkataan yang berbeza pada tahap kecenderungan penggunaannya dalam varian satu lagi
- vi) Perkataan yang menjadi alternatif dalam varian sendiri tetapi menjadi pilihan utama daripada varian satu lagi

- vii) Perbezaan kelembagaan, yang ada kaitan dengan i) tetapi dibincangkan berasingan disebabkan oleh ciri-ciri dan suasana negara pemunya varian satu lagi
- viii) Perkataan yang berbeza secara sintaksis
- ix) Perkataan yang berbeza secara morfologi

Perkara ini memenuhi teori subtratum yang telah dijelaskan oleh Crowley dalam Kerangka Teori kajian ini, iaitu apabila manusia berhijrah ke sesuatu kawasan dan bahasa mereka diserap oleh penduduk asal kawasan tersebut, apa-apa perubahan dalam bahasa tersebut boleh diletakkan di bawah pengaruh bahasa penduduk asal tersebut. Telah dijelaskan dalam Bab IV bagaimana perkataan-perkataan bahasa Itali digunakan dalam BBSA yang pada asalnya dibawa oleh penghijrah-penghijrah dari Itali, sebahagian besarnya diubah sedikit mengikut rencah bahasa tempatan iaitu bahasa Sepanyol seperti *gambeta*, *grosa* dan sebagainya.

Ia turut memenuhi cadangan Algeo(1986:269) yang menerangkan yang kesatuan muncul kerana bahasa tersebut memiliki sejarah yang sama, manakala wujudnya kepelbagaian kerana perbezaan pengalaman warga pengguna bahasanya selepas berlakunya pemisahan. Perpindahan secara besar-besaran warga Eropah yang bukan sahaja berbangsa Sepanyol turut mempengaruhi aspek sosial dan linguistik Argentina hingga ke hari ini. Budaya yang berlainan bukan sahaja disebabkan oleh faktor manusia yang berhijrah, malah iklim dan bentuk muka bumi juga menyumbang kepada perbezaan leksikal antara kedua-dua buah negara. Perkara ini dapat dilihat dalam ketiadaan perkataan setara bagi perkataan *quincho* bukan sahaja dalam sampel media Sepanyol, malah DRAE turut mengiktiraf dan meletakkan label *Arg.,Par* dan *Ur.* pada entri perkataan tersebut, yang mana semuanya merupakan negara-negara Rio de la Plata dengan bentuk muka bumi lebih kurang sama.

Ibrahim (2006) dalam bahagian kesimpulannya memetik perkataan-perkataan Profesor Emeritus Dr Asmah Hj Omar mengenai tembok rendah yang memisahkan bahasa Melayu Malaysia dengan Bahasa Indonesia, yang mana kedua-kedua tembok tersebut boleh dipanjat dari kedua-dua arah, meninggikannya menyebabkan hilang kefahaman antara kedua-kedua bangsa, merobohkannya pula merosakkan identiti nasional yang ingin dipelihara. Perkataan-perkataan tersebut mungkin boleh diaplikasikan sedikit kepada perbezaan leksikal dan semantik antara Sepanyol dan Argentina, tetapi darjah perbezaannya lebih mirip seperti perbezaan Portugal dengan Brazil. Mungkin bagi Sepanyol dan Argentina, sistem rumah tanpa pagar lebih sesuai dijadikan perumpamaan. Rumah kelihatan serupa tetapi warna dan hiasan dalaman berbeza, lantas si jiran dengan penuh iltizam berprosa “aku bebas keluar masuk lamanmu, minum petang bersamamu, namun rumahmu tetap rumahmu, rumahku tetap rumahku”.

6.2 Saranan daripada pengkaji

Walaupun kajian ini terbatas kepada bahasa bola sepak sahaja, korpus yang dikaji ialah teks-teks yang asli dan hidup. Ia memberi refleksi yang baik kepada situasi penggunaan bahasa Sepanyol dalam kedua-dua buah negara.

i) Pengkaji menyarankan supaya para khalayak pengkaji dan penyelidik untuk menghasilkan kajian-kajian baru ke atas bahasa sukan di negara-negara penutur bahasa Sepanyol yang lain. Saya melihat sukan sebagai suatu medium interaksi antarabangsa yang agak bebas daripada campur tangan politik dan ideologi dan ini menyenangkan dapatan yang reflektif kepada realiti sesuatu bahasa itu. Realiti sukan yang menjadi semakin global juga sedikit sebanyak akan mempengaruhi bahasa sukan di negara-negara tersebut.

ii) Pengkaji menyarankan supaya para khalayak pengkaji dan penyelidik untuk menjalankan kajian-kajian baru ke atas gaya bahasa Sepanyol kontemporari di mana-mana negara penutur. Perkara ini bertujuan melihat pola ayat bahasa Sepanyol pada konteks dan situasi yang berbeza. Sudah tentu ia lebih menarik daripada mengkaji aspek leksikal atau semantik sahaja. Perkara ini ditambahkan lagi dengan pengaruh era globalisasi, terutama dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang pasti akan memberi kesan kepada gaya bahasa Sepanyol di mana jua.

Bibliografi

Al-Qur'an.

Abdullah Hassan (2007). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional,

Ajid Che Kob (1977). *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal*. Disertasi Master, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Aguilar, R. C. (1999). *El español a través de los tiempos*. Madrid: Arco/Libros.

Akmaijian, A., Demers, R. A., & Harnish, R. M. (1984). *Introduction to Language and Communication*. Cambridge: The MIT Press.

Alberdi, J. B. (2005). *Política y Sociedad en Argentina*. Caracas: Biblioteca Ayacucho.

Algeo, J. (1986). The Two Streams: British and American English. *Jurnal of English Linguistics*. 19(2), 1986: 269-284.

Alvar, Manuel (1996). *Manual de dialectología hispánica: el español de América*. Barcelona: Editorial Ariel S.A.

Álvarez, Agustín (1918). *La transformación de las razas en América*. Buenos Aires: Casa Vaccaro.

American Psychiatric Association. (1994). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders, fourth edition*. Washington, DC: American Psychiatric Association.

Andersson, I., & Söderberg, T. (2003). *Spanish Morphology-implemented in a functional programming language*. Master Thesis in Computational Linguistics, Gothenburg University.

Asmah Haji Omar (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Barreiro, A., Wittmann, L. H., & Pereira, M. d. J. (1995). *Lexical differences between European and Brazilian Portuguese*. Lisbon: INESC.

- Braunmüller, K. & House, J. (2009). *Convergence and Divergence in Language Contact Situations*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Brodsky, David (2005). *Spanish Verbs Made Simple(r)*. Texas: University of Texas Press.
- Brook, G.L (1973). *Varieties of English*. London: Macmillan.
- Cervantes.es (2008). Laman Rasmi. Diambil dari:
http://www.cervantes.es/sobre_instituto_cervantes/direcciones_contacto/sedes_mundo.htm
- Chambers, J. K & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Che Puteh Ismail(1996).*Perluasan Leksikal bahasa Melayu dalam bidang perpustakaan*. Disertasi Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Chomsky, Noam (1956). "Three models for the description of language". *IRE Transactions on Information Theory* 2: 113–124.doi:10.1109/TIT.1956.1056813.
- Conde, Xavier (2002). *Academic Article: Introducción a la Sintaxis del Español*. Madrid: Universidad Complutense de Madrid.
- Cotton, E.G. & Sharp, J.M. (1988).*Spanish in the Americas*. USA:Georgetown University Press.
- Crowley, T., & Claire B. (2010). *An Introduction to Historical Linguistics 4th edition*. Oxford: Oxford University Press.
- del Hoyo, Arturo (2002). *Diccionario de palabras y frases extranjeras*. Madrid: Santillana.
- de Nebrija, Antonio (ed) (2004) .*Gramática de la lengua castellana*. Barcelona: Linkgua Digital.

- Firsova, Natalia (1999). *Clasificación de las diferencias léxicas y semánticas entre el español peninsular y las variantes nacionales del español de América Latina*. Artikel akademik, Universidad de la Amistad de los Pueblos, Moscow.
- Fischer, S. R. (2005). *Island at the end of the world: the turbulent history of Easter Island*. London: Reaktion Books Ltd.
- Gamero, Carlos (2006). *El Nacimiento de la Literatura Argentina*. Buenos Aires: Grupo Norma.
- Geeraerts, Dirk (1984) 'Prototype theory and diachronic semantics. A case study'. *Indogermanische Forschungen* 89: 1 — 32.
- Ghosh, S.K.(ed) 1972. *Man, Language and Society*. Mouton.
- González, J. F. (1997). *Fonética básica del español para anglohablantes*. Salamanca : Plaza Universitaria.
- Grayson, J. D. (1964). Lunfardo, Argentina's Unknown Tongue. *Hispania (American Association of Teachers of Spanish and Portuguese)* 47 (1): 66–68.
- Gualda, M.V.R. (1996). *El Español en los medios de comunicación*. Madrid: Arco/Libros.
- Halliday, M.A.K., McIntosh, M., & Stevens, P. (1964). *The Linguistic Sciences and Language Teaching*. London: Longman.
- Halliday, M.A.K. (1964). The Users and Uses of Language. In Fishman, J.(ed.) 1968. *Readings in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton.
- Hammond, R. M. (2001). *The Sounds of Spanish: Analysis and Application*, Somerville, Massachusetts: Cascadilla Press.
- Hartman, R.R.K., & James, G. (1998). *Dictionary of Lexicography*. London & New York: Routledge.
- Hinskens, F., Auer, P., & Kerswill, P. (2005). *Dialect change: convergence and divergence in European languages*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Holmes, Janet (2001). *Introduction to Sociolinguistics-2nd Ed.* London: Pearson Education Limited.
- Hualde, J. I., Olarrea, A., & Escobar, A.M. (2001). *Introducción a la Lingüística Hispánica.* Cambridge. Cambridge University Press.
